

Volume V
No. 37



Friday
3rd January, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)**

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ADMINISTRATION OF OATH [Col. 3905]

BILL:

The Supply Bill, 1964—

Committee of Supply (Eight Allotted Day)—

**Heads S. 16, S. 17, S. 18, S. 65F, S. 66E and S. 67AC
[Col. 3906]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fifth Session of the First Dewan Ra'ayat

Friday, 3rd January, 1964

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N.,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- " the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of
Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL
RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- " the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of
Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- " the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Johor Timor).
- " the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Melaka Tengah).
- " the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- " the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR,
P.M.N. (Pontian Utara).
- " the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- " the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN
BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- " the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB
(Kuantan).
- " the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P.
(Larut Selatan).
- " the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- " the Minister of Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH
ANAK BARIENG, P.D.K. (Sarawak).
- " the Assistant Minister of the Interior,
ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang)
- " the Assistant Minister of Labour and Social Welfare,
ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- " the Assistant Minister of Commerce and Industry,
TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

The Honourable the Assistant Minister of Information and Broadcasting,
 DATU MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, P.D.K. (Jerai).

" the Assistant Minister of Rural Development,
 ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

" ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).

" ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

" ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
 (Krian Laut).

" ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

" ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).

" TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF
 (Kuala Kangsar).

" TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S.
 (Segamat Utara).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

" ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
 (Johor Bahru Barat).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).

" ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).

" CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

" ENCHE' AWANG DAUD BIN MATUSIN (Sarawak).

" TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).

" ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

" DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).

" ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).

" PENGARAH BANYANG (Sarawak).

" ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

" ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).

" ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).

" ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).

" ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).

" ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).

" ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

" ENCHE' DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).

" ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

" DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

" ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).

" ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

" ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

" ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).

" ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

" ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).

" TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
 (Kuala Trengganu Utara).

The Honourable TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

- ," ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- ," ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- ," ENCHE' HONG TECK GUAN (Sabah).
- ," ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- ," ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- ," TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- ," ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- ," ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- ," ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- ," ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- ," ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- ," PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).
- ," ENCHE' JHUMAH BIN SALIM (Sabah).
- ," ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- ," ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- ," CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- ," ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- ," ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- ," ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- ," ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Kluang Utara).
- ," ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- ," ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- ," ENCHE' CHARLES LINANG (Sarawak).
- ," ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- ," ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- ," ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- ," O. K. K. HAJI MAHALI BIN O. K. K. MATJAKIR, A.D.K. (Sabah).
- ," ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- ," ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- ," ENCHE' MOHAMED ABbas BIN AHMAD (Hilir Perak).
- ," ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- ," ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- ," ENCHE' MOHD. DUN BIN BANIR, A.D.K. (Sabah).
- ," ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- ," DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- ," ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ," ENCHE' PETER J. MOJUNTIN, A.D.K. (Sabah).
- ," TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- ," TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR (Sarawak).
- ," ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- ," ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- ," ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

The Honourable Enche' ABANG OTHMAN BIN ABANG HAJI MOASILI (Sarawak).

- ," TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, J.P. (Rembau-Tampin).
- ," ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- ," ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- ," ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- ," ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- ," ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- ," ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- ," ENCHE' SONG THIAN CHEOK (Sarawak).
- ," TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ," TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K., J.P. (Sabak Bernam).
- ," TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- ," ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- ," ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- ," ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- ," ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- ," ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- ," TENGKU BESAR IDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- ," DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- ," DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- ," ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- ," PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- ," ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- ," WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- ," WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- ," ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- ," ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- ," ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- ," ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- ," ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- ," PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- ," TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- ," ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).

- ," ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- ," ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- ," DR AWANG BIN HASSAN (Muar Selatan).
- ," O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- ," DR GOH KENG SWEE (Singapore).

The Honourable ENCHE' HO SEE BENG (Singapore).

- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LING BENG SIEW (Sarawak).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM KIM SAN (Singapore).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED, K.M.N. (Kemaman).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister without Portfolio, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K.

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

ADMINISTRATION OF OATH

The following Member made and subscribed the Affirmation required by law:

Enche' Peter J. Mojuntin (Sabah).

BILL

THE SUPPLY BILL, 1964

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Eight Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 16, S. 17, S. 18, S. 65F, S. 66E and S. 67AC—

Resumption of debate on Question : That the sums of \$8,736,416 for Head S. 16, \$1,302,996 for Head S. 17, \$149,649 for Head S. 18, \$1,243,350 for Head S. 65F, \$406,461 for Head S. 66E and \$136,710 for Heads S. 67AC stand part of the Schedule.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengurus, apabila Dewan ini di-tanggohkan pada petang sa-malam saya sedang menyentoh perkara yang terchatet dalam muka 175 Butiran 97 berkenaan dengan Duta Besar kita di-Washington. Saya telah mengeshorkan supaya Duta Besar kita di-Washington

di-dalam pekerjaan-nya sa-belum membenarkan orang² Amerika yang datang ka-negeri ini di atas nama Peace Corps itu hendak-lah di-siasat baik² latar belakang mereka itu. Saya telah menyatakan bahawa parti saya tidaklah ada apa² halangan kapada orang² Amerika yang datang ka-mari di atas nama Rombongan Peace Corps itu asal sahaja mereka itu di-yakini oleh Duta Besar kita bahawa mereka itu tidak akan membuat kerja² intelligence yang merugikan kepentingan negara kita ini. Di-dalam soal ini suka-lah juga saya mengeshorkan supaya Duta Besar kita di-Washington itu di-dalam pekerjaannya mendapatkan orang² Amerika yang akan masuk ka-negeri ini di atas nama Peace Corps itu sa-boleh²-nya menerima mereka yang berguna kapada kemajuan teknik negara ini. Maksud saya ia-lah supaya lebuh banyak di-terima orang² yang boleh menjadi guru² teknik dan pelateh² sukan, serta juga guru² ilmu kewartawanan, atau journalistic, orang² yang di-fikirkan oleh Duta Besar kita itu akan membuat kegiatan² intelligence hendak-lah ditolak.

Tuan Pengerusi, muka surat 172, dalam Anggaran Perbelanjaan ini, Butiran (1)—Menteri Luar Negeri, dan muka 181, Butiran (264)—Pesurohjaya Tinggi Malaysia, di-Karachi. Apa yang hendak saya shorkan di-sini ia-lah supaya Menteri Luar kita menerusi Pesurohjaya Malaysia kita di-Pakistan ini menyatakan sikap kita supaya menyokong Pakistan di-dalam masaalah pertikaian antara Pakistan dengan India atas masaalah Jammu dan Kashmir ia-itu satu daerah sengkita politik yang tidak kurang juga dahshatnya pada masa ini, ia-itu satu daerah di-mana di-ketahuⁱ mempunyai penduduk kira² 4,021,000 orang dan 77 peratus daripada-nya ia-lah orang² Islam. Saya mengeshorkan supaya kita menyokong Pakistan

Mr Chairman: Order! Order! Adalah salah berchakap di atas soal Pakistan dengan India itu, ini sangat-lah rumit dan saya minta-lah sa-berapa boleh-nya pendekkan sahaja chakapan itu, kerana kita kedua² pihak itu ada di-dalam tempat kita pada masa ini. Tolong-lah jaga sadikit!

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya menge-shorkan supaya negeri ini tidak ragu² menyebelahi Pakistan di-dalam perkara ini, bukan-lah sa-mata² kerana Pakistan itu sa-buah Republic Islam, dan India itu sa-buah negara secular state—tidak, tetapi ia-lah kerana sebab² yang sesuai pada pandangan ugama.

Kementerian ini tentu-lah me-netahui bahawa di-antara Pakistan dengan India ini telah pernah tercapai satu persetujuan, ia-itu satu persetujuan yang tercapai menerusi satu ketetapan yang telah di-luluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu pada 13 haribulan Ogos, tahun 1948 yang lalu, ia-itu supaya di-adakan satu pungutan suara yang bebas di-kendali-kan oleh United Nations di-dalam wilayah itu. Jadi, itu-lah sahaja kita menuntut supaya perkara itu di-selesaikan dengan aman dan damai supaya keputusan yang telah di-luluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu itu di-hormati oleh kedua² belah pihak.

Tuan Pengerusi, muka surat 172, Butiran (1)—Menteri Luar Negeri, dan muka surat 175, Butiran (116)—Wakil Tetap Malaysia di-Pertubuhan Bangsa² Bersatu, dan muka surat 187, Pechahan Kepala 33—Bayaran kapada Bangsa² Bersatu. Jikalau saya tidak silap, dan saya yakin tidak, Tuan Pengerusi, dalam satu kenyataan, Perdana Menteri kita, atau Menteri Luar kita kapada orang ramai di-negeri ini dan kenyataan ini telah tersibar di-dalam surat² khabar bahawa Perdana Menteri kita, atau Menteri Luar kita ini berhasrat akan mengemukakan soal sa-orang wartawan Indonesia bernama Mokhtar Lubis ka-dalam Jawatan-kuasa Hak² Kemanu-siaan di-Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Saya telah membacha kenyataan Per-dana Menteri itu, dia sangat mashghul bahawa wartawan Mokhtar Lubis ini satu² wartawan yang termashhor di-dunia telah di-tahan oleh Pemerintah Indonesia bagitu lama. Memang, Tuan Pengerusi, masaalah kehidupan dan kebebasan serta perjuangan kaum wartawan di-dalam dunia ini ada-lah satu masaalah urat sarap antara tenaga anti-penindasan manusia atas manusia yang lain. Jika benar² Menteri Luar

kita berhasrat untuk hendak membela dalam soal ini, saya ada-lah menyokong-nya. Sa-kadar di-dalam hal ini, Tuan Pengerusi, ada soal² yang patut kita ketahui dan ini terpaksa-lah saya kemukakan dalam Dewan ini supaya menjadi satu kajian yang sa-halus²-nya terutama-nya oleh pegawai² kita yang bertanggong-jawab di-dalam Kementerian Luar Negeri. Masaalah-nya apabila kita ingin mengemukakan masaalah wartawan ini, ada satu hal yang harus chukup di-fahamkan bahawa kita di-dalam dunia ini ada Court ka-Wartawan International, bukan sahaja itu, tetapi juga ada undang² dasar Perlembagaan, negara mana pun di-dalam dunia ini baik berbentuk Republic, atau pun yang monarchy—negara beraja saperti kita ini, tiap² undang² dasar negara itu menyebutkan bahawa kedudukan Kepala Negara itu “personal” urusan² peribadi Kepala Negara itu tidak boleh di-ganggu, andai kata saya sa-orang wartawan, saya tidak boleh mengganggu hal² peribadi Kepala Negara di-dalam negeri itu. Ini ada-lah satu masaalah pokok yang harus di-fahamkan. Jadi, apabila kita hendak mengemukakan masaalah wartawan Mokhtar Lubis di-dalam Jawatan-kuasa Hak² Kemanusiaan, Bangsa² Bersatu, harus-lah kita menyiasat bagaimana-kah kedudukan wartawan ini dengan Court ka-Wartawan International, dan juga Perlembagaan yang lazim di-amalkan di-mana² negara juga pun.

Tuan Pengerusi, soal menyiasat itu terserah-lah kepada Kementerian Luar. Terlepas daripada mempersoalkan, apa-kah sebab² wartawan itu di-tahan, memang itu bukan kerja saya, tetapi itu-lah saya sangat menyokong di atas langkah dan hasrat Menteri Luar kita itu, hanya sa-kadar saya mengeshorkan lagi di-sini, jangan-lah juga, kalau sa-kira-nya soal ini benar² ada hasrat Menteri Luar kita untuk mengemukakan-nya ka-dalam Jawatan-kuasa Hak² Kemanusiaan, Bangsa² Bersatu itu, maka jangan-lah pula di-lupakan nasib dan kedudukan beberapa orang wartawan negeri ini, saperti Enche Mahadiba dan juga Saaid Zahari.

Tuan Pengerusi, muka surat 172 juga, Butiran (1) Menteri Luar, Butiran 2 hingga 10, pada fikiran saya tentu-lah butiran² yang saya sebutkan ini telah di-kaitkan dengan suatu badan yang saya rasa pernah di-tuboh-kan dalam Kementerian Luar Negeri ini ia-itu badan Secretariat Urusan² Maphilindo. Sudah di-ketahui oleh umum sa-sudah konfransi tingkat tiga di-Manila yang telah menghasilkan diklerasi di-Manila itu di-adakan maka negeri ini—Kementerian Luar Negeri khabar-nya telah menubahkan satu Secretariat Maphilindo. Ingin saya mendapat tahu apa-kah Secretariat Maphilindo itu maseh wujud dan maseh menjalankan kerja²-nya. Kalau sa-kiranya dia maseh menjalankan kerja-nya ingin-lah kelak saya mendapat tahu supaya Menteri Yang Berhormat melapor kekerjaan² yang ada di-jalankan oleh badan Secretariat itu. Saya juga menuntut kapada Menteri Yang Berhormat supaya Kerajaan akan dapat membuat kenyataan tegas apa-kah Kerajaan sekarang ini maseh mengharapkan supaya ranchangan Maphilindo yang di-uruskan oleh Secretariat itu supaya dia berjaya atau pun ia di-biarkan berkubor bagitu sahaja.

Tuan Pengerusi, muka surat 181, butiran (285)—Duta Besar Malaysia di-Bangkok. Apa yang hendak saya shorkan di-dalam perkara ini sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu oleh kerana wilayah² Melayu di-Selatan Siam ini ada ramai ra'ayat² Malaysia kita yang tinggal di-sana sama ada telah menjadi ra'ayat negeri itu atau pun tinggal menchari nafkah-nya di-negeri itu, maka elok-lah sa-kali Duta kita ini melawat sendiri ka-wilayah² itu untuk menemuï mereka dan meninjau hal-ehwal mereka ada-kah mereka di-dalam keadaan yang baik atau bagaimana dan supaya hasil tinjauan itu dapat di-laporkan terus-menurus di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 178, butiran (180)—Penolong Pesurohjaya Tinggi Malaysia di-Madras. Saya tidak-lah bagitu pasti sama ada orang yang memegang jawatan ini pada masa ini ia-lah juga orang-nya yang memegang jawatan semenjak sa-belum tahun 1961 yang lalu. Kalau sa-kira-nya itu-lah

juga orang-nya maka ingin-lah saya mengeshorkan kapada Menteri Yang Berhormat ini supaya mengkaji keduokan orang ini. Ada masaalah² psychologist sa-benar-nya yang berkait dengan orang yang memegang jawatan ini. Maksud yang saya sebutkan itu saya pernah mendengar sungutan² dari-pada sa-tengah sahabat² saya orang² Tamil negeri ini yang ada di-sana ia-itu sunggoh pun orang ini datang di-sana sa-bagai sa-orang Malaysian, tetapi walau bagaimana pun mungkin soal keturunan-nya telah di-rasi juga di-negeri itu. Terus terang saya katakan bahawa tidak-lah saya hendak merentang kapada masaalah ini kerana mungkin akan menerbitkan salah faham dan itu ada-lah tidak baik, tetapi berjanji-lah saya bahawa saya bersedia memberikan keterangan² yang lanjut lagi kapada Kementerian Luar ini kalau sa-kira-nya masaalah ini di-kehendaki supaya saya menyatakan lebuh lanjut lagi. Perkara yang saya sebutkan ini hendak-lah kita kaji sa-bagai satu chontoh yang pendek, Tuan Pengerusi, tentu-lah Kementerian Luar Negeri kita ada mempunya'i perhetongan² psychologist juga apabila sadikit masa dahulu Dato' Haji Kamaruddin di-hantar menjadi Duta kita di-Jakarta dan soal-nya sama saperti sadikit masa dahulu ini juga harus-lah di-kaji dan di-imbangkan dalam masaalah Penolong Pesuroh-jaya kita di-Madras.

Tuan Pengerusi, muka surat 172, butiran (1)—Menteri Luar Negeri, muka surat 175, butiran (116)—Wakil Tetap Malaysia di-Bangsa² Bersatu dan muka surat 189, butiran 33—Bayaran kepada Bangsa² Bersatu.

Mr Chairman: Bukan-kah itu sudah di-chakapkan. Jangan-lah di-ulang²kan lagi.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, subject-nya lain. Di-bawah butiran² ini ingin-lah saya kemukakan masaalah peristiwa burok di-Sabah yang telah berlaku pada 29 haribulan Disember yang lalu dan juga hubongan-nya dengan Bangsa² Bersatu. Party Islam sa-Tanah Melayu ini ada-lah menzahirkan dukachita yang mendalam sa-kali atas peristiwa burok yang telah menimpa ka-atas tentera² kita di-Sabah pada hari Ahad

yang lalu itu. Waktu meminta kapada Tuan Pengerusi pada hari sa-malam supaya masaalah peristiwa burok ini di-bahathkan di-dalam Dewan ini, saya telah menyatakan bahawa Dewan ini hendak-lah di-beritahu dengan jelas-nya oleh Menteri yang bersangkutan, bagaimana-kah korban ini telah berlaku, mengapa-kah kechuaian kurang kelengkapan telah berlaku di-dalam susunan ketenteraan kita di-Sabah dan di-Sarawak itu hingga menyebabkan korban yang dahshat. Saya juga telah menyatakan sa-malam bahawa Dewan ini di-dalam soal yang saperti ini harus-lah menunjukkan perpaduan yang bulat. Di-dalam menuntut Bangsa² Bersatu supaya mengambil langkah² yang tegas dan segera dan tidak ter-agak² lagi untuk menchegah peristiwa burok saperti itu berlaku lagi di-dalam negeri ini. Di-dalam negeri² di-sebelah sini kerana peristiwa saperti itu boleh menchetuskan satu peperangan yang dahshat.

Tuan Pengerusi, saya sunggoh ter-haru di-dalam memperkatakan terjadi yang melukakan hati, bukan sahaja keluarga² mereka yang tertimpa kema-langan yang dukachita, tetapi semua ra'ayat negeri ini ada-lah bersama² dukachita. Saya telah katakan bahawa saya mengambil berat masaalah ini bukan-lah sa-mata² kerana kebetulan ada beberapa orang keluarga saya di-dalam batalion itu—tidak, tetapi sa-bagai saya katakan ia-lah kerana tiap² nyawa perajurit kita, walau di-dalam batalion mana sa-kali pun, ada-lah menjadi tanggong-jawab seluroh ra'ayat negeri ini dan semua wakil² ra'ayat bukan hanya sa-mata² untuk sa-orang dua dan Menteri² yang bersang-kutan sahaja. Tuan Pengerusi, kita telah mendengar juga kenyataan² Menteri Luar kita sa-malam, bahawa usaha² sedang di-jalankan untuk memberitahu Bangsa² Bersatu atas hal ini. Langkah ini ada-lah baik juga apa lagi bagi kami bila mengingatkan bahawa Menteri Luar Negeri kita ini telah mahu juga mengikut saran² yang pernah di-keluarkan oleh PAS dalam Dewan ini sejak masa dahulu. Kita telah menya-rangkan supaya masaalah pertikaian itu di-kemukakan kapada Bangsa² Bersatu.

Tuan Pengerusi, sa-kira-nya peristiwa burok yang telah memakan

korban nyawa perajurit yang di-rasakan sa-bagai satu pencherobohan yang sudah ada bukti² yang nyata siapa yang melakukan-nya, maka tentu-lah masaalah itu tidak boleh di-lengah²kan lagi untuk di-kemukakan sa-chara resmi kapada Bangsa² Bersatu. PAS ada-lah di-antara Parti² Pembangkang yang akan berdiri di-belakang Kerajaan atas langkah itu. Tetapi, Tuan Pengerusi, kami tidak-lah akan sama memikul apa juga kesilapan yang terbit daripada kechuaian Kerajaan di-dalam masaalah ini ia-itu kechuaian di-dalam melengkapkan tentera² kita dengan senjata² dan alat² persediaan serta latehan² yang wajar yang sesuai dengan daerah² perdalamannya di-Sabah dan Sarawak itu yang sa-hingga mengakibatkan korban yang bukan kecil.

Tuan Pengerusi, saya bukan-lah sa-orang ahli siasah tentera, dan bukan-lah sa-orang panglima perang. (*Ketawa*). Tetapi berdasarkan beberapa buah buku² yang saya baca tentang ilmu perang regular dan ilmu perang gurila—ya memang buku² ilmu perang saperti itu menjadi kegemaran saya, kerana saya sentiasa suka hendak melihat bagaimana manusia itu bagitu kejam melakukan penindasan. Saya telah membaca buku² siasah perang bagaimana General Mohd. Kassim di-dalam perjuangan-nya menggulingkan regime feudal Iraq.

Mr Chairman: Pendekkan sahaja soal yang awak sukakan perang itu.

Tuan Haji Hasan Adli: Tuan Pengerusi, berdasarkan *theory* daripada buku² yang saya baca ini-lah saya meyakinkan bahawa walau pun Kerajaan atau Kementerian yang bersangkutan yang menjaga kepentingan tentera itu telah melakukan kesilapan dan kechuaian di-dalam ketenteraan kita. Tuan Pengerusi, tentera² kita itu sa-belum kita hantar sudah kita ketahuⁱ bahawa mereka itu akan di-hantar ka-perbatasan Malaysia/Indonesia itu. Satu perbatasan yang bagitu merbahaya bukan untuk membolehkan keamanan, bukan untuk menjaga gudang² atau estate² di-situ, tetapi kita telah menghantarkan mereka ka-Sabah dan Sarawak untuk menjaga negeri itu daripada kemungkinan² serangan luar. Mereka telah meng-

hadapi suatu medan pertempuran, mereka menghadapi orang² yang telah terlatah dengan perang gurila. Mereka bukan akan pergi menghadapi gulongan² samseng yang ada di-bandar². Tentera² kita itu nyata telah tidak di-berikan latehan² yang chukup, sa-belum mereka di-hantar di-perbatasan² yang merbahaya. Saya tahu bahawa mereka itu pernah bergelut di-dalam hutan² negeri ini waktu dharurat dahulu, tetapi keadaan 'alam dan georgraphy daerah² perbatasan ini, tentu-lah berlainan sa-kali dengan 'alam yang ada di-negeri ini. Ini memerlukan supaya mereka di-berikan latehan² yang khas sa-belum mereka di-hantarkan ka-tempat² yang merbahaya itu.

Tuan Pengerusi, bagaimana kesilapan ini boleh berlaku, tentu-lah boleh kita rasakan, Tuan Pengerusi, dan pehak yang berkuasa tentera tentu-nya-lah pehak Kementerian Pertahanan kita sa-patut-nya mesti-lah sentiasa sedar bahawa dalam siasat perang chara gurila itu, penyerang² itu akan mundur terator kalau musoh-nya waspada, tetapi penyerang² itu akan menggempor manakala musoh-nya itu lalai dan ternyata tidak berani mara ka-hadapan. Itu-lah tekit perang gurila di-mana² juga pun di-dalam dunia. Tektik ini mungkin telah di-alpakan bagitu sahaja oleh pehak yang berkenaan, dan ini-lah yang telah menyebabkan suatu kehanchoran yang dahshat pada pasukan tentera national kita. Tuan Pengerusi, yang menghairankan saya di-dalam peristiwa itu ia-lah apabila kejadian itu telah di-katakan berlaku di-dalam suatu kawasan 30 batu dari perbatasan Malaysia/Indonesia, 30 batu dalam satu kawasan yang mungkin di-penohi dengan hutan belantara, dengan lembah² dan rawa² dan sa-bagai-nya. Kalau sa-kira-nya untuk melakukan serangan ini tentu-lah dia tidak datang dengan kereta Land Rover atau Jeep, tentu-lah dengan berjalan kaki, dan mungkin telah menggunakan waktu siang bersembunyi², maka baharu keluar. 30 batu kawasan, paling tidak saya rasa memakan masa di-dalam gerakan ini 3 atau 4 hari. 3 atau 4 hari orang² yang hendak menyerang tentera kita

itu telah berjalan dengan aman di-dalam daerah itu. Yang menghairankan saya ia-lah di-mana tentera² orang puteh kita di-dalam masa 3 hari itu. Apa yang telah di-buat oleh mereka? Soal-nya, Tuan Pengerusi, satu kesilapan, tidak-lah saya men-chabar kebijaksanaan pegawai² tentera di-situ, satu hal, Tuan Pengerusi, apabila kita telah mengetahui bahawa tentera yang terkorban ini kita letak-kan di-dalam satu pos kawalan yang terpenchil, mengapa kumpulan tentera itu kita tempatkan di-dalam satu pos yang terlonggok di-dalam satu tempat bagitu sahaja. Kita tahu bahawa mereka berada di-tengah² satu daerah, katakan-lah mereka berada di-tengah satu daerah 30 batu keliling yang sangat merbahaya, kenapa tidak di-letakkan satu kumpulan² pengawal yang kecil berkeliling di-tempat kawalan itu supaya membolehkan kita dapat menchiumi atau pun mengetahui gerakan atau langkah yang hendak dilakukan oleh orang² yang hendak menyerang pasukan tentera kita. Inilah yang saya katakan satu kesilapan dan kesalahan yang tidak dapat kita sesali lagi yang telah berlaku di atas tentera² kita. Sa-bagai saya katakan saya bukan-lah ahli siasat tentera, atau panglima perang, tetapi saran² yang saya kemukakan ini berdasarkan buku yang saya baca tadi, harap-lah dapat di-pertimbangkan.

Tuan Pengerusi, saya bernasib baik mempunyaï sa-orang sahabat di-Jesselton, Sabah, dari anak Kadazan yang telah memberitahu kapada saya bahawa kebetulan pada 29 haribulan Disember itu sahabat saya ini sedang berada senang² di-Jesselton, kata-nya, betul² pada masa kejadian itu berlaku dia telah bertemu beberapa orang pegawai² tentera Inggeris yang kita harapkan itu di-Sea View Hotel, Prince Philip Drive, Jesselton, Sabah, sedang suka², pesta² dan mabok²an pada malam itu. Rupa-nya tentera² Inggeris kita ini dalam sa'at² yang bagitu berjaga berada di-Prince Philip Drive, bukan-nya di-hutan² yang merbahaya. Tuan Pengerusi, menurut ma'lumat yang saya ketahui, khabar-nya pada 22 haribulan Disember, 1963 sa-orang yang menamakan diri-nya

Colonel Abang Idris—entah benar entah tidak nama itu—itu bukan soal saya—sa-orang yang menamakan dirinya Colonel Abang Idris ini yang menda'awa diri-nya ia-lah sa-orang pembesar Tentera Nasional Kalimantan Utara—menurut istilah kita di-sini ia-lah pengganas² kominis dari Indonesia. Abang Idris ini khabar-nya telah pun memberi amaran menerusi radio mereka mengingatkan supaya orang awam atau orang ramai menjauhkan diri daripada pos² tentera Inggeris dan Malaysia pada 22 haribulan itu dan sa-terus-nya. Saya yakin bahawa berita itu benar, kerana di-dalam beberapa surat-khabar² di-negeri ini ada di-siarkan bahawa di-dalam chuti hari raya natal (Christmas) mungkin tentera² kita itu akan di-serang.

Ini-lah satu kechuaian, Tuan Pengerusi, saya buktikan lagi. Kalau ini sudah di-siarkan dan tentu-nya pehak Kementerian yang bersangkutan telah mengetahui hal ini, kalau mengetahui mereka tidak menjalankan langkah berjaga², mereka juga chuai, dan kalau tidak mengetahui mereka juga chuai, kerana tidak mengetahui hal itu. Mungkin, amaran hamba Allah yang bernama Colonel Abang Idris ini di-pandang sepi sahaja, di-ketawakan dan di-sifatkan sa-bagai satu gembar-gembor daripada gulongan dan kumpulan orang² yang liar dan kelaparan yang telah memakan tikus dan biji² mangga yang lemah, yang hanya boleh ditolak dengan kelengkeng bagitu sahaja jatoh dan akan datang dengan senjata² yang buruk buatan Russia yang tidak boleh meletup lagi. Mungkin ada fikiran itu sa-hingga menyebabkan tidak ada suatu persediaan berjaga² yang bersunggoh² yang telah di-lakukan oleh tentera² kita, tetapi apa-kah boleh buat perkara itu telah terjadi ibarat “nasi sudah jadi bubor” atau “susu yang sudah tumpah apa-lah yang hendak di-tangiskan”, Tuan Pengerusi. Ya! Banyak juga orang² di-negeri ini yang menangis, Tuan Pengerusi, kerana sedeh mengenangkan kejadian itu—saya pun menangis juga dan mungkin, Tuan Pengerusi, juga menangis.

Kita bimbang, Tuan Pengerusi, mungkin ini hanya baharu satu

testing atau satu perchubaan awal, barang di-jauhkan oleh Allah peristiwa itu akan berlaku lagi. Ya! Apa-lah yang hendak kita tangiskan hal ini, kalau saya sebut mungkin sa-tengah orang menangiskan hal ini, kerana dia menyesali kesalahan-nya, atau pun saudara tentera² yang telah terkorban itu menangis apa yang telah terjadi kepada mereka.

Tuan Pengerusi, sudah saya katakan tadi bahawa untuk menghadapi suatu peperangan dan pertemporan dengan pasukan² penyerang yang kita perchaya telah terlateh dan mempunyai kelengkapan² senjata yang chukup juga tentu-lah tentera² kita itu memerlukan latehan mental dan physical yang chukup. Kita harus tahu, Tuan Pengerusi, bagaimana-kah kita boleh me-negatakan bahawa kita telah melengkap-kan tentera kita itu dengan chukup dan memuaskan serta telah memberi latehan yang chukup, sebab saya mendapat tahu bahawa senjata² yang di-bekalkan kepada tentera² itu terbatas sa-kali. Sunggoh pun ada senapang² rifle yang moden, tetapi tidak chukup banyak machine-gun yang di-berikan kepada pasukan tentera itu, satu dua tidak chukup untuk mengawal dalam satu daerah di-tengah² satu hutan yang luas; kita memerlukan senjata yang boleh me-nembak jauh . . .

Mr Chairman: Ini betul² nampak-nya saperti Panglima Perang berchakap (*Ketawa*).

Tuan Haji Hasan Adli: Saya mengetahui bahawa tentera ini khabar-nya telah di-bekalkan dengan sten gun. Betul sten gun satu senjata yang rengan dan sesuai untuk di-bawa dalam hutan, tetapi tidak boleh chukup untuk menembak jauh, dia hanya boleh menembak dalam satu sasaran kira² dalam 30 ela sahaja. Bagaimana, Tuan Pengerusi, tentera kita itu di-hantar berjaga hingga ka-daerah² perbatasan yang merbahaya itu dengan memakai jungle hat yang kalau kena hujan pun akan tembus oleh ayer, mereka tidak di-beri topi² besi untuk menjaga diri mereka, jadi mudah sahaja kena sa-butir sahaja di-kepala mereka tentu-lah itu akan mengakhirkkan nyawa mereka. Tuan Pengerusi, khabar-nya

di-antara pasukan tentera² kita itu yang di-suroh mengawal (patrol) di-sungai² yang kecil² yang merbahaya di-daerah² itu hanya-lah di-beri motor²-boat yang terbuka yang pada sa-tiap masa Ma'alaikal-maut boleh menyam-bar nyawa mereka. Orang² Inggeris kita, tentera² Inggeris kita berjaga dengan kapal² selam waja yang kuat di-tengah² lautan. Saya fikir penye-rang² dan gurila² (guerrilla) tidak akan menggempor tentera kita di-tengah² lautan itu. Mengapa-kah tentera Inggeris tidak sama turut serta mengawal (patrol) di-dalam sungai² kecil yang merbahaya itu di-dalam motor²-boat yang terbuka? Ini-lah masaalah² yang patut di-kaji dan di-timbangkan dengan teliti-nya.

Tuan Pengerusi, pernah di-ketahuï oleh negara ini bahawa orang² yang sedang bergerak untuk menghanchor-kan tentera nasional kita itu ia-lah orang² yang telah terlateh di-Indonesia. Sah-lah mereka itu bukan sahaja telah di-lateh menggunakan senjata² yang berat, tetapi juga telah di-lateh turun dengan payong terjun dari kapal terbang ka-daerah² perbatasan itu.

Saya faham bahawa tentera² kita di-hantar ka-sana bukan-lah untuk mencherobohi kawasan negara orang lain, tetapi suka-lah juga saya hendak mengetahuï apa-kah kita juga sekarang ini di-Sabah dan Sarawak itu mem-punyaï tentera² pasukan payong ter-jun saperti ini? Tuan Pengerusi, kita tidak-lah, jangan-lah memikirkan bahawa ini satu pertemporan olok² untuk bertempor di-dalam satu daerah pergunungan, satu daerah hutan belan-tara, dan sukar pula perjalanan biasa saperti daerah perbatasan itu. Tentu-lah daerah² itu tidak mempunyai jalan beraspal yang lichin. Kita boleh datang dengan chepat-nya dengan kereta² sa-laju 80 batu satu jam umpama-nya, dan memandang kapada strategy yang bagini—saya bukan-lah sa-orang ahli siasat tentera—nyata-lah bahawa kita, kita juga memerlukan satu pasukan yang terlateh untuk turun dengan payong terjun supaya sa-waktu dapat di-angkat dan di-angkat tentera² kita itu dari satu ka-satu tempat yang lain dengan mudah-nya. Kalau pun kita belum mempunyai satu

pasokan payong terjun yang khas, tetapi apa-kah salah-nya, kalau sa-kira-nya sa-bahagian daripada tentera² yang akan di-hantar itu di-lateh dengan latehan² yang saperti itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya boleh mensifatkan sa-bagai satu kesilapan yang telah di-lakukan oleh Kerajaan ia-lah di-dalam pasokan² yang telah di-hantar ka-medan yang bagitu merbahaya di-Sarawak dan Sabah ini, termasuk juga beberapa bilangan ashkar² yang baharu sahaja keluar dari Depôt Latehan. Satu orang ashkar yang baharu lepas dari Depôt Latehan, saya faham bahawa sa-suatu batallion, atau sa-suatu company itu mahu di-hantar semua-nya, tetapi mengapa-kah tidak boleh, apa-lah salah-nya kalau kita mengubah peratoran itu, kita tapis orang² yang hendak pergi itu. Ashkar² yang mentah yang belum chukup pengalaman, jangan untuk bertempor di-perbatasan, tetapi mungkin, ya untuk bertempor dalam medan yang kechil² pun belum mempunyai pengalaman. Apa salah-nya mereka ini, jangan-lah di-hantar, dan di-hantarlah pasokan² tentera yang lebih berpengalaman dan berkelayakan di-dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, apabila peristiwa ini telah berlaku dan telah memakan kurban, saya khuatir, Tuan Pengerusi, bahawa semangat ashkar² kita di-sana telah lumpoh. Kalau sa-kira-nya ini berlaku, atau akan berlaku, hendak-lah kita mengkaji dengan sa-berapa segeranya. Menteri Pertahanan kita ada-lah mustahak dengan sa-berapa segera mengunjungi sendiri di-tempat itu dan meninjau dari dekat tentang kejadian² itu. Itu-lah kelengkapan²—kelengkapan² kapada mereka itu perlu-lah di-percheputkan. Tidak ada pernah terjadi, atau berlaku di-dalam dunia ini bahawa sa-orang tentera itu akan menang di-dalam perjuangan-nya, kerana sa-mata² dia di-tangisi oleh sa-orang Menteri, tetapi yang perlu ia-lah di-bekalkan oleh Menteri itu dengan kelengkapan² yang chukup memuaskan, dan latehan² baharu yang memuaskan. Mereka mahukan semangat daripada kita semua, bukan ayer mata.

Tuan Pengerusi, jangan-lah kita terlalu berharap sangat kapada Inggeris ini, kerana Inggeris ini tidak chukup berani sa-benar-nya, dan bagitu juga Amerika, kita mengaku bahawa Amerika ini mempunyai senjata² nuclear yang kuat dan besar, tetapi mereka juga tentu-lah apabila sa-suatu tindakan militer hendak di-jalankan, tentu-lah mereka memperhitongkan juga soal² politik dan ekonomi yang berkait dengan-nya. Kita harus-lah mengetahui, Tuan Pengerusi, bahawa Belanda itu untok mengekal-kan penjajahan-nya di-Irian Barat sudah pernah meminta bantuan dari pada negara² besar yang tersebut, dan kalau ini sudah berhasil dan dapat menolong Belanda, tentu-lah penjajah Belanda itu maseh berchokol di-daerah itu. Itu-lah yang harus kita insafi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada kelengkapan² ini yang harus kita siasat untok membolehkan tentera² kita ini menjalankan tugas-nya dengan penoh tanggong jawab dan penoh semangat, tetapi bagaimana-lah, Tuan Pengerusi, mereka ini boleh menjalankan tugas-nya dengan chukup bersemangat, kerana keadaan, bukan sahaja kelengkapan² tidak chukup, tetapi keadaan hidup mereka itu pada masa ini ada-lah berbeda dengan tentera² Inggeris, di-mana mereka tidak mendapat elauh harian apa². Tentera² Inggeris, Tuan Pengerusi, di-sana sa-lain dari gaji-nya, mereka juga mendapat elauh harian sa-banyak \$17 satu hari. Tentu-lah di-ketahuï bahawa barang² di-Sabah dan Sarawak sana ada-lah lebih mahal daripada di-Batu Gajah dan di-Kepala Batas, Kedah, di-mana tempat ashkar² itu tinggal dahulu, dan juga rumah² kediaman mereka. Itu-lah sebab-nya tadi saya telah menyarankan, mengeshorkan kapada Menteri Pertahanan kita supaya menyiasat lagi hal² yang bersangkut dengan perkara ini.

Jikalau benar daripada surat² khabar yang kita bacha pada hari ini, kita telah membacha khabar baik bahawa sa-orang sahabat kita, Tuan Peter Thornycroft, Menteri Pertahanan Inggeris akan datang ka-negeri kita dan akan melawat ka-daerah² Sabah

dan Sarawak. Yang saya hendak sampaikan di-sini ia-lah supaya Kementerian yang bersangkutan ini memikirkan sa-hari dua ini dari segi psychologist, apa-kah baik sa-kira-nya Menteri ini, dzif ini di-benarkan melawat daerah itu pada masa² yang bagini, apa-kah ini benar boleh menguntungkan, boleh menaikkan semangat perajurit² kita, atau pun perajurit² yang bertangisan itu . . .

Mr Chairman: Menteri Pertahanan daripada Kerajaan Inggeris itu tidak ada kena-mengena dengan perbahathan yang kita bahathkan yang ada di-hadapan kita ini. Tolong-lah jaga sadikit!

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, yang ingin saya maksudkan di-dalam memperkatakan soal ini ia-lah supaya kita kaji, supaya jangan-lah sampai kedatangan orang ini ka-situ yang boleh menaikkan semangat orang lain sahaja di-situ, menjadi satu alasan bagi-nya untuk melakukan tindakan² yang liar, yang buas. Ini akan mengalami tentera² kita . . .

Mr Chairman: Apa shor-nya!

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Jadi, kalau boleh-lah supaya jangan-lah dia ini melawat ka-situ.

Tuan Pengerusi, mungkin ada orang² negeri ini yang berfikir bahawa untuk menyelesaikan masaalah ini, ya masok S.E.A.T.O. besok, atau lusa. Hendak-lah kita sedar bahawa beberapa dari-pada pakatan tentera² asing ini sudah berkubur, Tuan Pengerusi. Kita pernah mendengar Pakatan Pertahanan Baghdad yang mashhor itu. Dia telah berkubur bersama² dengan raja-nya. Masaalah-nya bukan-lah masok sa-suatu pasukan, atau pakatan tentera, tetapi masaalah-nya ia-lah supaya soal ini di-bawa ka-dalam Bangsa² Bersatu dan di-selesaikan di-sana.

Di-dalam memperkatakan peristiwa burok di-Sabah itu, saya ingin menge luarkan hal² ini, ia-itu kami juga memandang dan mensifatkan bahawa ada-lah kejam bagi Indonesia manakala dia bertanggong jawab di-dalam melancharkan serangan² yang

liar terhadap tentara² national negeri kita itu. Satu kekejaman dan kebuasan yang akan, yang boleh menchetuskan perang persaudaraan yang tidak dingin-gini sama sa-kali oleh sa-siapa pun.

Kami juga ingin memberi amaran kapada Indonesia, Tuan Pengerusi, bahawa sa-barang serangan atau peperangan total oleh Indonesia terhadap negeri ini neschaya akan mendapat tantangan total juga daripada ra'ayat negeri ini. Supaya perkara ini bertambah jelas lagi ingin-lah saya memberi tahu di-sini bahawa prinsip—kedudukan party Islam sa-Tanah Melayu telah kami jelaskan di-dalam negeri ini dan juga di-luar negeri. Sa-bagai membuktikan hal ini suka-lah juga saya menyatakan, Tuan Pengerusi, di-dalam kesempatan kunjongan saya ka-Bandong kerana makan angin pada bulan Jun tahun lalu, saya telah menyatakan tidak ada apa² yang saya hendak sembunyikan di-dalam soal ini. Duta Besar kita di-Jakarta pun tahu saya datang di-sana. Saya telah menyatakan bahawa sunggoh pun party Islam sa-Tanah Melayu ini menentang gagasan Malaysia pada masa itu, tetapi itu tidak berma'ana kami menyokong konfrantasi Indonesia terhadap negeri ini. Di-tangan saya ini, Tuan Pengerusi, ada satu naskah surat khabar *Bintang Timor*, surat khabar komunis bertarikh Ithnin 10 Jun, 1963. Ingin saya membachakan satu berita pendek di-sini ia-itu berita yang di-siarkan oleh Antara. Berita itu menyebutkan, "Hasan Adli Anggota Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dari Partai Islam menandaskan di-Banjar Masin Kalimantan Selatan bahawa kalau Federasi Malaysia terbentuk, maka lebih daripada sa-tengah penduduk bukan berasal keturunan Melayu dan ada-nya majoritas non-Melayu tersebut akan bisa di-pandang lain. Berbichara terhadap para Mahasiswa Fakultas Pabliksistik Universiti Antasari di-Banjar Masin baharu² ini, Hasan Adli menyatakan lebih jauh bahawa justeru kerana itu partai-nya menantang gagasan Malaysia. Berbichara tentang pertemuan Persident Soekarno dan Tunku Abdul Rahman baharu² ini di-Tokyo, Hassan Adli menyatakan

bahawa usaha yang sa-demikian memang sudah sejak lama di-sarankan oleh partai-nya di-dalam Parlimen Malaya. Di-dalam cheramah-nya,— lagi sa-kali saya ulang, ‘tetapi ini bukan bererti bahawa partai-nya menyetujuï politik konfrantasi Indonesia terhadap Malaya di-dalam bidang . . .’”

Mr Chairman: Saya hendak mengingatkan bahawa dasar kedudukan party terhadap konfrantasi itu bukan-lah satu masaalah yang boleh di-bahathkan di-dalam Majlis ini. Jangan-lah dijadikan masaalah; itu saya ingatkan, apa-tah lagi dasar awak sa-orang itu!

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad: Saya faham, Tuan Pengerusi, tetapi itu-lah yang saya hendak jelaskan, yang saya terangkan di-sini bahawa sikap mengapa Party Islam sa-Tanah Melayu di-dalam menghadapi masaalah yang sedang menjadi punch persingketaan kita ini.

Tuan Pengerusi, di-dalam mempertakaran peristiwa burok di-Sabah ini ingin-lah juga saya mengingatkan kapada Menteri² yang bersangkutan supaya kita tidak terperangkap, oleh kerana walau bagaimana pun saya rasa kita maseh berharapkan bahawa gagasan Maphilindo yang sehat dan segar itu akan boleh di-jayakan juga. Jadi yang saya hendak ingatkan bahawa untuk melaksanakan itu, kita harus akan menghadapi musoh² yang bukan sahaja bersifat penjajah atau negara² besar luar, tetapi juga kita akan menghadapi gulongan² kaum—gulongan² orang di-dalam negeri ini sendiri yang memang akan menggunakan juga kesempatan ini untuk mengekalkan chita² besar Maphilindo itu. Dan itu-lah, Tuan Pengerusi, Persatuan Islam sa-Tanah Melayu sangat berharap supaya Menteri Luar kita mengemukakan masaalah ini dan membawa masaalah ini ka-dalam Majlis Pertubuhan Bangsa² Bersatu dengan sa-berapa chepat yang boleh dan memberi tahu-nya sa-chara rasmi.

Dr Toh Chin Chye (Singapore): Mr Chairman, Sir, may I say a few words under Embassies and Ambassadors?

Sir, no one will deny that the setting up of Embassies abroad is a necessary

commitment for independent countries in order to facilitate the conduct of foreign relations. The Foreign Office is as necessary as the Defence Ministry and the one common denominator between the two of them is that both consume a lot of money.

As it is not possible for a small country like Malaysia to establish Embassies in every part of the world, there should be exercised great care and discrimination in picking the foreign Capitals where we think representation is necessary. The need may arise for representation of purely trade interests, and if this is so a Trade Commissioner only need be appointed. Political reasons, however, should be the main consideration for sending our Ambassadors abroad.

Our list of Embassies as indicated in the Estimates is now extended from Tokyo to Paris and we will now have one in Saigon. The list of Embassies no doubt will grow with the passing years, but the House will be more assured if an explanation could be given for despatching our Ambassadors and their ancillary personnel to these Capitals of the world. Outside Jakarta and Manila, with which we have broken diplomatic relations, there are now vacancies for Ambassadors in Bonn and Canberra and Saigon. The House had hoped that the Assistant Minister of Information would have announced yesterday who the new appointees would be. Unfortunately, this did not happen. However, it may not be too late yet for us to urge the Foreign Ministry that whoever should be sent abroad to represent Malaysia should be persons of capability and who generally have the confidence of the country that not only they will be able to shoulder their responsibilities but are persons who will bring credit to this new nation, Malaysia.

I need not add here that if by mischance an Ambassador happens to lose his mind, then our standing in the world at large will also fall. Politicians who have not succeeded back home here suffer from a disadvantage when they go abroad as the country's representatives, because their past political career will be an open secret in the diplomatic circles they will have to

move in. Such representatives start with a disadvantage and in golfing language we have already landed them in very thick rough. I think it may be wiser, Sir, not to make all ambassadorial appointments political ones. Here, we must congratulate the Foreign Ministry for appointing Mr Ramanis to the United Nations who from all accounts has done a wonderful job propagating the cause of Malaysia in the United Nations. It is natural that political rewards for party or personal loyalties are inevitable. This is in the nature of things, but an ambassadorial appointment is far too important in the interests of the country to be used as a sop or as a carrot for discredited politicians.

Mr Speaker, Sir, as Indonesia is only next door to us, the Embassy in Jakarta must be considered to be a sensitive post, just as much as the Indonesians consider Singapore to be a key diplomatic outpost if we are to judge from the size of their new Consulate at Orchard Road, which is easily the largest diplomatic mission in Singapore. In view of the importance we should have attached to Jakarta, it is indeed a pity that the estimates show only seven posts to be filled by Malaysians in the Embassy in Jakarta, whereas Tokyo, which is considerably more distant from Malaysia, has also seven posts and Paris has six. It may well be that if the Embassy in Jakarta had been more effectively used as a centre to study the political scene in Indonesia, a more accurate appraisal of Indonesian intentions could have been made and we would have been prepared in the adjustment of our diplomatic relations with them. As events have shown us clearly, there was already Indonesian intention to exploit the volunteers who left Malaya and Singapore for Jakarta to help liberate West Irian for future sabotage work against this country. At that time there was not even a squeak uttered by the Indonesian Government in opposition to the concept of Malaysia, which had been announced by the Prime Minister in the middle of 1961. The clamour over West Irian had first to be settled before Indonesia could divert its

attention to Malaysia. If the settlement of West Irian in the United Nations could have been delayed through diplomatic activity on our part so that we can gain time for the formation of Malaysia, it may well be that today's history may have taken a different direction. Sir, what I have said only seeks to underline the importance we must attach to the capabilities of diplomats whom we send abroad so that our representatives will be in a position to inform the Government of the political situations abroad. If we have lost, it has been by default. But, Mr Speaker, Sir, we also owe a duty to ourselves and to the country by trying to understand how opposition to Malaysia developed.

There is no doubt that it was the P.K.I., the Communist Party of Indonesia, which sparked off Indonesian feelings against Malaysia; and it was also the P.K.I. which kept the issue of West Irian burning in Indonesia. The P.K.I. had to wash off the suspicion and the taint that it was a foreign directed political party and it could do no better to prove its nationalism than to agitate continually for the recovery of West Irian and the break up of Malaysia. Mr Speaker, Sir, it has also been put to us in some quarters that Indonesia's confrontation against Malaysia is only an attempt by the Indonesian Government to divert the attention of the people from the internal difficulties they now face—rising prices in the face of a shortage of food and consumer goods and an inflated currency—in short, economic chaos. Be that as it may, we have no desire to interfere in the internal affairs of Indonesia. But the plain fact is that the Indonesian diversions have now extended beyond their own borders. Indonesian gun boats have intruded into our territorial waters and have committed acts of piracy on our fishing boats and trading vessels. Indonesian military aircraft have violated our air-space and now to cap it all Indonesian commandos and saboteurs have infiltrated into our territory to carry out a campaign of terrorism. All these acts may be part of a "divertissement" in Indonesian politics, but we see no

reason why Malaysia should be the scapegoat for Indonesian amusement. Confrontation has now passed the stage in which only hot words are hurled and effigies are burned. Surely the death of our soldiers defending our borders must awaken even the hesitant and the doubters that the Indonesian threat to smash Malaysia is a real one.

The Honourable Member for Kuala Trengganu Utara has just now spent over half an hour regaling us with his knowledge—quite intimate knowledge—of how jungle warfare should be conducted. It may be well for the Minister of Defence to take heed of his abnormal interest in jungle warfare techniques (*Laughter*). But let us not be diverted by the details that have been divulged. They are red herrings. It is immaterial whether he has received information as to whether British soldiers were drunk or our soldiers were equipped with sten-guns and not machine guns. The plain fact is that our soldiers were within our territory and Indonesian soldiers had infiltrated within 30 miles of the border and had killed our soldiers. He made no mention about the Indonesian aggression—not a word was uttered—but he kept on talking about jungle warfare. He kept on exposing the weakness of our Army, but of Indonesian aggression not a word.

Sir, we must extend our condolence to the bereaved families of our soldiers who died in the defence of their country. Grief there must be, but let not grief be misinterpreted abroad as a sign of fear and weakness.

Sir, let not history judge us as men who vacillated when the moment called for resolve and action. It is not our honour alone that has been sullied by increasing Indonesian interference and rapacity. It is the very survival of Malaysia as a nation that is being threatened. Whether we can contain Indonesian confrontation or not will decide whether Malaysia will develop as a vigorous and prosperous nation, or be crippled right in its infancy. All pro-Malaysia Parties will no doubt stand by the oath they took in this Chamber, that they will defend Malaysia. Now is the time to submerge party differences

in order to rally against the common threat that is facing all of us. (*Applause*).

(*Mr Deputy Speaker in the Chair*)

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengurus, saya suka berchakap berkenaan dengan muka surat 172, Butiran (1) dan muka 178, Butiran (193) ia-itu berkenaan dengan tugas Menteri Luar Negeri dan Duta Besar di-Jakarta yang mana saya suka hendak mendapat tahu daripada pehak Kementerian Luar Negeri ini berkenaan dengan tugas² yang tertentu yang telah di-beri kapada kedutaan luar negeri ini oleh sebab memandangkan kapada hal² yang telah berlaku, terutama sa-kali dasar konferansasi daripada Indonesia kapada negara kita ini dan dengan adanya konferansasi itu, bukan sahaja kita telah mendapat tentangan dari negara luar, tetapi kita juga telah mendapat tentangan dari dalam negeri, terutama dari parti² lawan sa-olah² menyokong sa-umpama memberi nyawa, nafas dan tenaga kapada negara luar menentang kita yang mana parti² itu berselindung kapada dasar-nya sendiri, ia-itu kononnya tidak bersetuju kapada penubuhan Malaysia ini, tetapi kita memang tahu dengan nyata dan terang apa yang di-perkatakan oleh pehak Pembangkang baik dalam dan di-luar Dewan ini sengaja memberi sa-penoh galakan kapada negara luar sa-terus-nya pertentangan kapada negara kita ini, tetapi malang-nya pehak Kerajaan tidak sangat mengambil berat atas perkara ini. Saya takut, Tuan Pengurus, kalau di-biarkan berluasan nanti sampai naik ka-mata dan nanti kita tidak dapat mengawal-nya lagi.

Tuan Pengurus, sekarang saya ber-balek kapada tugas kedutaan luar negeri. Saya katakan di atas tadi ia-itu sa-lain daripada tugas yang di-tentukan oleh Kementerian kapada-nya di-luar negeri, maka ada-kah di-masukkan satu tugas yang tertentu bagi mengadakan satu jabatan bagi memerhatikan gerak langkah ra'ayat negara kita ini yang membuat lawatan ka-luar negeri itu yang mana rasa saya kita tidak-lah boleh menchuaikan dan membiarkan mereka itu pergi ka-negeri luar, tetapi mereka itu telah bertugas saperti minta

sokongan moral kepada parti-nya dan memberi ma'alumat yang berlawanan dengan dasar Kerajaan negeri kita ini sendiri, dan mereka bergerak untuk meruntuhkan Kerajaan negara kita ini dan dengan perbuatan-nya itu menjadi kerumitan di-dalam negara kita ini.

Saya menyokong kehendak wakil dari Kuala Trengganu Utara supaya di-adakan intelligence section di-luar negeri, tetapi bukan hendak di-gunakan menyiasat untuk tahu rahsia pertahanan dan lain² di-negara orang, sebab perkara itu boleh di-buat oleh negara yang besar, tetapi saya mahu pengintip yang memerhatikan gerak langkah orang² kita yang derhaka dan khianat kapada negara kita ini supaya orang itu di-hapuskan dahulu sabelum mereka dapat bertapak. Hal ini telah terbukti, Tuan Pengerusi, dengan terang dan nyata manakala perkara ini telah kena betul kapada keselamatan negara kita ini. Satu daripada-nya bagaimana yang kita telah di-beritahu oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri bahawa sukarelawan yang pergi ka-Irian Barat telah mengkhianati negara kita sendiri, ia-itu rupa²-nya mereka telah di-beri latehan di-Pulau Sakupang dengan tujuan untuk menghanchorkan negara kita ini. Gerak laku yang di-perbuat oleh mereka itu sangat merbahaya kapada negara kita ini dan dengan ada-nya berlaku yang sa-rupa itu, maka sangat-lah patut Kerajaan memberi sa-berat² hukuman kapada mereka itu serta orang² yang terbabit dengan gerak langkah mereka itu.

Tuan Pengerusi, saya suka memberi satu chontoh lagi di-Dewan ini ia-itu saya telah terbacha dalam satu renchana dalam *Berita Harian* beberapa bulan yang lalu, sa-masa di-adakan Persidangan Wartawan² Afro-Asia di-Indonesia dan sa-masa penyerahan Irian Barat, kita telah dapat tahu sa-masa itu sa-orang tokoh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu yang ber-pangkat Panglima telah membuat lawatan ka-negeri itu lebeh kurang dua bulan lama-nya. Sunggoh pun dia berkata dia telah memberitahu kapada kedutaan kita, tetapi saya rasa tidak-lah Duta kita itu mengekor dia sa-tiap masa. Tujuan saya membangkitkan

perkara ini, Tuan Pengerusi, bukanlah hendak menudoh, tetapi hanya hendak mendapat tahu apa-kah pandangan pehak Kerajaan atas gerak laku beliau itu sa-masa berada di-sana? Kerana menurut dari laporan surat-khabar tersebut dan dari orang² yang tahu . . .

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Pengerusi, soal itu ada sangkut-paut dengan keadaan di-Sarawak, tidak pula dengan keadaan Kementerian Luar Negeri.

Mr Chairman: Perkara itu ada sangkut-paut sadikit.

Enche' Aziz bin Ishak: Terima kaseh. Ini *serious*, Tuan Pengerusi, ia-itu sa-masa berada di-Indonesia beliau di-katakan telah mendapat jemputan istimewa dari pehak Soekarno, kerana beliau itu barangkali menjadi jagoh mengemukakan tujuan dan menyuarakan dasar negara Indonesia ka-Dewan ini atau di-luar Dewan ini saperti yang kita sama² dengar pada pagi² tadi (*Tepok*). Saya tidak-lah hendak mengemukakan di-Dewan ini, Tuan Pengerusi, tentang gerak langkah beliau itu bersangkutan dengan urusan diri-nya sendiri yang di-katakan oleh beliau tadi makan angin, sa-hingga beliau itu telah mendapat kawan² yang banyak di-sana, baik dari muda dan dara, tetapi saya suka kemukakan gerakan itu yang bersangkut dengan keadaan kepentingan negara kita ini. Sa-lain daripada beliau telah dapat keistimewaan menghadiri penyerahan Irian Barat, barangkali bersama² dengan sukarelawan kita yang khianat dahulu. Beliau juga telah menghadiri Persidangan Wartawan² Afro-Asia itu walau pun dia bukan sa-orang wartawan dan beliau juga di-dapati melawat hingga ka-Banjar Masin, Kalimantan Selatan sa-bagaimana yang telah di-terangkan-nya tadi, dan kita tidak pula dapat tahu sama ada beliau itu telah sambil melawat Pulau Sakupang sa-bagaimana yang telah di-perkatakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dahulu. Maka dengan kegiatan² lawatan-nya itu yang mana pada saya sendiri sangat-lah menyolok mata dan saya sendiri berasa chemburu atau churiga, Tuan Pengerusi, bukan saya chemburukan yang beliau itu telah

dapat kawan teruna dan dara, tetapi saya chemburukan tentang perhubungan²-nya yang pada pendapat saya tidak-lah patut di-biar bagitu sahaja, tetapi hendak-lah di-ambil perhatian yang berat dan kuat serta berkesan oleh pehak Kerajaan. Tuan Pengerusi, memandangkan keadaan negara kita sekarang ini yang sa-makin lama sa-makin berat pada menghadapi tentangan dari konferantasi sa-patut-nya tidak boleh di-biarkan, maka saya berharap dan merayu kapada Kerajaan supaya tidak membiarkan kegiatan parti lawan yang tidak bertanggong-jawab yang sentiasa menyusahkan negara dan ra'ayat.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): On a point of order 36 (6)—No member shall impute improper motives to any other member.

Mr Chairman: Saya harap Yang Berhormat tidak menyentoh di atas perkara parti tadi; berchakap-lah atas dasar 'am sahaja, tetapi tidak boleh sentoh berkenaan dengan parti.

Enche' Aziz bin Ishak: Saya rasa saya tidak menyentoh berkenaan dengan parti, Tuan Pengerusi.

Yang saya kata menyusahkan negara dan ra'ayat negara kita ini, kerana, Tuan Pengerusi, rasa saya jikalau parti² lawan yang ada di-dalam negara kita ini bersatu dengan Kerajaan sa-masa negara kita ini di-tentang oleh musoh² dari luar, maka saya penoh perchaya bahawa segala tentangan dari luar itu tidak akan dapat napas² yang baharu bagi meneruskan pertentangan-nya itu, malahan dia akan mundur dengan sendiri-nya.

Dengan keadaan² yang telah kita alami sekarang ini, saya berharap kapada Kerajaan supaya jangan lagi bertolak ansor atas perkara ini, kerana sa-bagaimana yang saya katakan dari awal tadi, jangan-lah di-biarkan sampai naik ka-mata. Saya penoh perchaya segala tindakan pehak Kerajaan, terutama sa-kali untok keselamatan negara Malaysia ini ra'ayat sa-penohnya tetap akan menyokong Kerajaan kita pada hari ini, kechualи beberapa kerat pemimpin² parti yang tidak bertanggong-jawab. Bukti-nya, Tuan

Pengerusi, berjuta² ra'ayat negeri ini telah memberi sokongan di-dalam rapat² umum menentang konferantasi yang telah di-adakan oleh ra'ayat sendiri beberapa bulan yang lalu, termasuk di-negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, saya juga bersama² dengan rakan saya berasa terharu di-dalam Dewan ini, kerana terkurban-nya beberapa orang perajurit² kita yang bertugas di-sempadan beberapa hari yang lalu, dan saya menguchapkan ta'ziah kepada keluarga² mereka itu. Mereka telah gugur sa-bagai sa-orang perwira yang ta'at setia kapada negara dan negara Malaysia tidak akan melupakan sa-tiap kesetiaan mereka itu dan riwayat pengurbanan-nya itu patut di-jadikan sejarah perjuangan perajurit² kita yang handal. Sa-bagaimana yang kita tahu dengan terang dan nyata bahawa pehak pengganas² yang membunuh mereka itu ia-lah datang daripada orang² Indonesia. Serangan yang di-buat-nya itu sangat-lah kejam dan tidak berperi kemanusiaan serta bachol. Mereka telah menyerang dengan menchuri, tidak berani berdepan², tetapi saya perchaya jikalau mereka itu berdepan dan dengan terang, tentu-lah mereka itu tewas, walau pun mereka itu menggunakan senjata² yang modern. Kita mengutuk negara Indonesia yang menggalakkan perbuatan² khianat itu, Tuan Pengerusi. Kematian perajurit² kita itu patut mendapat perhatian dari Kerajaan dengan memberi sa-penoh keistimewaan, umpama-nya sagu² hati yang memberi kelapangan sara hidup kepada perajurit² yang malang itu, terutama sa-kali tentang persekolahan anak² mereka itu.

Jadi, ini-lah sahaja pendapat saya, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Enche' Mohamed Dun bin Banir (Sabah): Tuan Pengerusi, saya berdiri di-sini ada-lah mengalu²kan perbelanjaan yang di-shorkan oleh Yang Berhormat Menteri pada petang kelmarin. Berkenaan dengan perbelanjaan ini, bagi pehak saya ada-lah sangat² tertarek hati, dan dari itu, saya juga hendak berchakap sadikit ia-itu berkenaan dengan konferantasi Indonesia yang tidak mempunyai peri kemanusiaan terhadap Kerajaan baharu kita

ia-itu Malaysia terutama sa-kali yang sedang terancham pada masa sekarang ini ia-itu bagi pehak kami di-Sabah. Dan juga baharu² ini telah pun berlaku satu perkara yang sangat² hibat di-sempadan Sabah dengan Indonesia ia-itu bahagian Tawau dan telah pun mengurbankan jiwa sa-ramai 8 orang. Pengganas² itu datang-nya daripada orang² Indonesia.

Tuan Pengerusi, atas kelakuan yang sa-macham ini tentu-lah sa-kali, saya yakin dan perchaya bagi Kerajaan Sukarno itu ada-lah sangat² kejam yang tidak mempunyai timbang rasa sama sa-kali, sebab-nya Kerajaan Sukarno itu ada-lah sa-mata² menjalankan satu pemerentahan yang buta, atau pun pemerentahan yang gelap. Sebab bagi pehak pengganas² Indonesia itu bukan-lah satu tanda perjuangan, tetapi pukol churi, sebab-nya boleh jadi Indonesia itu memang tidak bagitu kuat dalam pertahanan. Saya perchaya mereka itu sa-laku pengganas² binatang dengan sa-chara sulit. Jika sa-kira-nya mereka itu hendak melanggar dengan berterang², tentu sa-kali bagi pehak Kerajaan Malaysia kita bersedia untuk mempertahankan mereka.

Tuan Pengerusi, saya merayu di-Dewan yang mulia ini, bagi pehak Kerajaan Malaysia kita dan untuk membawa perkara ini kapada pehak yang berkenaan ia-itu Setia-usaha Agong Bangsa² Bersatu untuk mem-pertimbangkan bagi dasar konferantasi Indonesia pada masa sekarang, sebab-nya perkara Malaysia ini telah pun di-kemukakan bagi pehak Kerajaan kita kapada Bangsa² Bersatu baharu² ini. Maka atas penyiasatan Bangsa² Bersatu itu dapat-lah bukti-nya baha-wa bagi pehak kami di-Sabah dan Sarawak ada-lah menyokong penoh atas perchantuman kita untuk bersatu bagi mengadakan satu bangsa yang baharu ia-itu Malaysia merdeka.

Tuan Pengerusi, Sabah ada-lah sangat² terancham pada masa ini oleh pengganas² daripada pehak pemerentah Indonesia, maka atas pengganas² itu, saya juga telah terbaca baharu² ini dalam akhbar bahawa bagi pehak Kerajaan Indonesia telah menafikan atas anchaman yang telah ber-

laku di-sempadan Tawau itu, tetapi pada pendapat saya atas perkara ini, semua-nya itu ada-lah bohong sama sa-kali, sebab mustahil pula sa-orang keluarga daripada sa-buah rumah itu tidak di-ketahui oleh tuan rumah yang mempunyai tanggong-jawab itu sendiri. Jadi, dari itu saya merayu pada Dewan yang mulia ini ia-itu kapada pehak yang berkenaan, Kerajaan kita Malaysia hendak-lah menambahkan pertahanan-nya kapada pehak kami di-Sabah dan Sarawak untuk melindong-kan daripada anchaman² pengganas² orang Indonesia yang tidak mempunyai peri kemanusiaan itu tadi, sebab-nya bagi pehak kami di-Sabah pada masa sekarang ini belum lagi Kerajaan State mengadakan untuk merayu daripada ra'ayat Sabah untuk mendaftarkan nama² mereka sa-bagai Tentera Suka Rela.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah dan merayu di-dalam Dewan yang mulia ini kapada Kerajaan Pusat hendak-lah memberikan peratoran melalui Kerajaan State supaya mendaftarkan bagi pehak orang² yang suka hendak mempertahankan untong nasib bagi State mereka itu masing². Sebab bagi Sabah memang sedia ternanti² untuk mendaftarkan nama bila² masa sahaja yang di-kehendaki. Tuan Pengerusi, bagi pehak kita Sabah dan Sarawak memang dengan sa-penoh² keper-chayaan untuk berdiri di-belakang Kerajaan Perikatan. Maka dengan adanya itu tentu sa-kali pehak Sabah dan Sarawak sanggup mengurbankan jiwa raga dan sanggup mengurbankan segala benda mereka untuk mempertahankan maruah kemerdekaan Malaysia kita.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sempadan tadi, saya berharap-lah dan merayu kapada Dewan yang mulia ini bagi Kerajaan Pusat sedia dan menghantarkan tentera² yang kuat lagi untuk mempertahankan yang mana pengganas² telah mencherobohi ra'ayat di-Sabah dan di-Sarawak yang tidak bersalah terancham nyawa mereka dengan tidak di-sangka². Sebab-nya saya perchaya juga bagi pehak Kerajaan Indonesia ini tentu sa-kali pehak kita Malaysia susah hendak berunding

dengan mereka. Kerana perkara berkenaan dengan Malaysia ini sudah pun kita mengadakan perundingan² dengan Kerajaan Indonesia dan Phillipines untuk berdamai tetapi malang-nya perundingan tersebut telah pun gagal dan telah tidak di-sambuti oleh pehak Soekarno dengan baik-nya. Soekarno itu bagi pehak saya berfikir ada-lah sa-orang pemimpin yang bukan waras dan ada-lah sa-orang pemimpin yang penindas. Sebab Soekarno berfikir bagi pehak Sabah dan Sarawak ini bukan di-mileki oleh ra'ayat² penduduk Sabah dan penduduk² Sarawak sendiri. Maka atas tentangan dan kemahuan Soekarno hendak memegang atau pun mengambil dan memerentah Sabah dan Sarawak itu, saya perchaya Dewan yang mulia ini dapat di-pertimbangkan. Sebab-nya Soekarno ini tidak ada mempunyai hak semua sa-kali.

Jadi, pehak kami pendudok Sabah dan Sarawak ada-lah mempunyai hak mutlak kapada sistem sendiri. Sebab bagi pehak kami wakil² yang di-pileh oleh ra'ayat untuk menghadziri di-dalam Dewan yang mulia ini ada-lah daripada bumi putera asli daripada Sabah atau pun Sarawak.

Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya merayu kapada Kerajaan Perikatan mempertimbangkan atas dasar Soekarno yang tidak mempunyai fikiran berperni kemanusiaan untuk chuba merebut dengan membabi buta hak orang lain. Jadi atas perkara ini saya berharap-lah bagi pehak Kerajaan kita hendak-lah merayu kapada Setiausaha Bangsa² Bersatu untuk mempertimbangkan atas dasar² konferansasi Soekarno pada masa sekarang. Sebab-nya kalau-lah kita tidak bawa perkara ini kapada pehak Bangsa² Bersatu, saya khuatir boleh jadi orang² Sabah atau Sarawak sangat²-lah menderita daripada anchaman² Soekarno yang membabi buta itu. Sebab-nya pada masa sekarang saya ketahuⁱ pehak saya di-Sabah telah pun di-kelilingi oleh pengganas² Indonesia sama ada di-Tawau atau pun di-sempadan Lawas dan di-Pensiangan yang pada masa sekarang ini sudah pun berkempen. Dari itu saya berharap-lah dengan sa-penoh² harapan bagi Kerajaan dengan sa-berapa lekas-nya membawa

perkara ini kapada mata dunia untuk mendapat pertimbangan.

Tuan Pengerusi, saya berharap Soekarno di-beri amaran oleh Bangsa² Bersatu supaya sila memberhentikan atas konferansasi terhadap Malaysia ini. Sebab-nya bagi pehak kita Malaysia tentu-lah sa-kali suka berdamai tidak suka hendak bergaduh mahu pun dengan Phillipines. Sebab-nya bagi pehak kita hanya ada mempunyai 10 juta orang dan mereka itu ada mempunyai 100 juta orang. Tentu-lah sa-kali bagi pehak kita suka hendak berdamai dan tidak suka hendak bergaduh dengan mereka. Tetapi sunggoh pun demikian kalau perkara ini berlaku tentu-lah pehak kami di-Sabah dan Sarawak berhabis²an untuk mempertahankan negeri kami sendiri, sekian-lah.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya tidak hendak champor adokkan Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dengan Kementerian Pertahanan, kerana pada masa Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah berchakap lebuh kurang satu sa-tengah jam telah menitek-beratkan soal² pertahanan, dan Yang Berhormat itu telah menunjukkan dalam Dewan ini sa-olah² beliau ada-lah sa-orang Panglima Perang Tentera Turus Agong Kalimantan Utara. Jadi Yang Berhormat itu mengatakan saya tidak ada pengalaman, saya hanya dapat pengalaman daripada buku² yang saya baca, itu-lah selalu di-sebutkan. Tuan Pengerusi, beliau menyebutkan perkara itu sa-olah² menunjukkan diri-nya itu chukup bijak, mengator dan menyusun pasukan² tentera. Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak menyentoh panjang berkenaan dengan uchapan²-nya. Ter-serah-lah kapada Yang Berhormat Menteri menjawab-nya, tetapi ada beberapa perkara yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat itu berkenaan dengan seksi² intelligence chara bagaimana mereka menyusun kerja. Jadi, nampak-nya Yang Berhormat itu mahir dan chukup bijak di atas chara²

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:
Tuan Pengerusi, no member shall

impute improper motive to other member, dan menudoh bahawa Yang Berhormat wakil Kuala Trengganu bijak dalam perkara itu dan ini dan sa-terusnya.

Mr Chairman: Saya fikir dia boleh berchakap itu, kerana Yang Berhormat itu ada menerangkan sa-suatu di-dalam perkara itu.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa' niat improper motive, hanya hendak menyatakan dan menujukan dengan tegas dan tepat. Tuan Pengerusi, berbalek kapada kepala 16 ini saya suka mengambil peluang berchakap berkenaan dengan Menteri Luar Negeri. Peruntukan \$10 sahaja bagi tahun 1964. Tuan Pengerusi sa-kira-nya ada peratoran atau Standing Order yang membolehkan sa-saorang ahli Dewan ini membuat satu usul untuk menaikkan gaji maka saya akan berikhтир lebih dahulu lagi. Saya akan mengemukakan dengan kebijaksanaan saya. Saya akan lobby ahli² Dewan ini supaya menyokong gaji yang lebeh kapada Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, usaha² Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri dan segala kaki tangan dan pegawai²-nya yang bertanggong-jawab ada-lah sangat² chemerlang, kerana beberapa perkara yang saya tidak payah berchakap panjang—3 atau 4 perkara yang besar telah menggemparkan dunia dan telah menjadikan Malaya ini terkenal di-seluroh dunia, di-Bangsa² Bersatu. Di-antara yang lain, ia-lah dasar apartheid, soal Tibet, soal Hunggary, soal Congo, soal ASA dan pertemporan sempadan China—India, Malaysia, Maphilindo dan lain² lagi. Sa-lain daripada itu kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di-surat² khabar dan Radio dan di-mana² juga kita dengar, ia-itu Perdana Menteri ada-lah sa-orang negarawan yang terkenal di-seluroh dunia dan segala daya usaha-nya dalam lapangan hal-ehwal luar negeri ini patut-lah sangat Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini—bukan sahaja sa-belah sini, dan juga sa-belah sana patut memberi pujian yang sa-tinggi²-nya. Tetapi, Tuan Pengerusi, pada pagi ini uchapan yang di-buat oleh Yang

Berhormat Ahli Kuala Trengganu Utara menudoh sa-olah² Menteri Yang Berhormat dan segala pegawai²-nya tidak chekap dan tidak bijak.

Tuan Pengerusi, sa-panjang yang saya dengar lebeh kurang satu sa-tengah jam Yang Berhormat itu menudoh mengatakan yang kejadian di-Kalabakan, Tawau, peristiwa burok yang menyebabkan kehilangan 8 orang perajurit di-salahkan kapada Menteri itu sendiri, dan kapada pegawai²-nya. Tidak ada sa-patah pun yang kita dengar Yang Berhormat itu menudoh pehak Indonesia atau tentera Indonesia, atau pun kesilapan Indonesia, maka sebab itu-lah saya berpendapat dengan terang² Yang Berhormat itu sangat² bersimpati dengan konfrantasi atau Aggression itu. Sekarang patut kita gantikan perkataan konfrantasi, dengan perkataan "Agrassi" atau pencherobohan yang tidak di-ingini itu. Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap panjang, tetapi sa-belum saya akhiri uchapan saya ini saya juga mengambil kesempatan menguchapkan ta'ziah kapada famili perajurit yang telah terkorban, dan saya perchaya bukan sahaja ahli² Dewan ini yang dukachita, tetapi seluroh ra'ayat di-dalam Malaysia ini sama² juga terharu di atas pencherobohan Indonesia itu terhadap perajurit kita.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong): Mr Chairman, Sir, I am sure that this House has noted with alarm at the seriousness of the situation facing this country. We have seen in the last few months or so one crisis after another, one crude demonstration in Jakarta leading to another in Kuala Lumpur. One abusive broadcast over Radio Kalimantan Utara was followed by an equally abusive one over Radio Malaysia. This deteriorating situation has led to shooting in Tawau which has resulted in the death of nine of our gallant soldiers. Like the Deputy Prime Minister who was weeping with grief when he received the dead bodies at the Airport, I can say that the whole nation shared his feeling of grief and sympathy. On behalf of my Party, Sir, I would like to extend our condolence to the bereaved families for the loss of their loved ones.

At this juncture in our history, the House must take stock of its position and ask, "Where do we go from here?" We feel that it is about time that every political party should review the position objectively and formulate a plan that will bring peace to this part of the world. The economic and other consequences of a war, or the threat of a war, or even a confrontation are too well known to us all to need repeating.

It is true to say that nobody wants a situation like this to happen, but are we doing utmost to prevent it from happening? We, in the Socialist Front, are committed to defend this country in the event of war. Hence, we feel that it is our duty to safeguard this country from being plunged into war without first exploring all avenues for peace. We are the custodian of the many millions of lives of our nationals, and we must see to it that no life is unnecessarily lost or frittered away because of impetuosity, or a false sense of national pride. No effort is too great to prevent war. All avenues for peace must be explored. The question of war or peace is not merely a question for the Government to decide, but one for the House and for the nation as a whole. It is our considered opinion that with matters coming to a head at this particular juncture, a national Coalition of all political parties in the House must be formed immediately. Only then can the nation be satisfied that there is no journey that we will not make, no step we will not take, if it will bring us an inch closer to peace. The nation today is divided, because this confidence is lacking. So, I call upon the Government in the most solemn term, let us cast aside party politics, let us call a truce in party rivalry, let us put the interest of the nation above all, let us make a national effort to re-establish peace with honour in this part of the world. We ask the Honourable the Prime Minister, as one gesture of sincerity, to release all political prisoners detained without trial. The aim of a national Coalition should be to produce unity in this country—on the side of the Opposition, it will be to restrain political recrimina-

tions and to resist the temptation of saying, "I told you so"; on the part of the Government, we ask that they end the use of the Police for political purposes and restore civil liberties throughout the territories of Malaysia. National unity is a pre-requisite to any programme of peace. Jingoism and war-like talks are the devices of the minority to keep itself in power. We must undertake an unrelenting search for peace, peace with honour, peace based on mutual respect, peace that recognises the right of nations and peoples to lead a life of their choice.

We must appreciate that the security of British economic interest in this part of the world and the security of our nation are not synonymous. We cannot allow our country to be a pawn in the chess board of international power politics. We must fight no other battles, except our own. The interests of our nation and our people are above the welfare of individuals, or the political fortunes of parties, or even the future of this Government itself.

It is in this spirit that I propose the formation of a Coalition dedicated to the single task of bringing peace to the people of South-East Asia.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengurus, dalam kita membahathkan peruntukan Kementerian Luar Negeri ini patut-lah kita mengingatkan ia-itu ini-lah satu Kementerian yang sunggoh² menentukan nasib bangsa dan negara kita yang ka-hadapan. Dalam kita menentukan sikap negeri ini berhubong dengan soal dasar luar negeri, maka harus-lah Kerajaan memberi pertimbangan ka-pada beberapa aspek, terutama sa-kali dari segi kekuatan tentera dan sa-lain daripada itu dari segi kekuatan ekonomi negara dan semangat kewarganegaraan ra'ayat jelata. Ini dapat kita membandingkan dengan apa yang terjadi kapada negeri² yang menjadi negeri berkuasa seperti Amerika, Britain, Russia dan sa-bagai-nya. Dengan adanya kekuatan² yang sa-umpama itu maka dapat-lah mereka membuat satu dasar luar negeri bagi negeri mereka itu dengan tidak payah mengadakan

anchaman² daripada luar negeri. Sa-bagaimana pada hari ini kita sa-bagai negeri yang kecil ini selalu berjaga² dan berwaspada di-dalam kita membentuk chorak dasar luar negeri bagi kita sa-sudah kita mewujudkan Malaysia dan sa-sudah kita memperkokohkan kedaulatan ketenteraan di-negeri kita, maka dapat sadikit sa-banyak kita berdiri tegoh dan berpegang tegak dengan chorak dan dasar negeri kita terhadap negeri² luar, di-samping ini juga dapat-lah Kerajaan menolak dan menafikan tuduhan² yang di-datangkan oleh pehak² Pembangkang yang mengatakan dasar luar negeri ini di-bawah telunjok kuasa barat atau mana² kuasa luar yang mempengarohi negeri kita. Bagitu juga dengan kekuatan tentera kita ini, maka Kerajaan tidak dapat dipengarohi oleh faham² politik yang mencheroboh mahu pun dari luar negeri atau pun dalam negeri ini sendiri.

Tuan Pengerusi, mungkin juga dengan ada-nya kuasa tentera di-belakang Kerajaan, maka Kerajaan tidak terpengaroh dengan fikiran² dan pendapat² yang di-suarkan melalui surat khabar² tempatan, terutama sa-kali seperti *Utusan Melayu*. Ada-lah sangat merbahaya sa-kira-nya Kerajaan tidak menitek-beratkan kapada tingkah laku segelintir manusia di-dalam persuratkhabaran ini, dan di-sini saya suka-lah hendak memberi chontoh sa-bagai mithal-nya.

Baharu² ini tidak berapa lama di-dalam ruangan Renchana Pengarang di-mana keluaran *Utusan Melayu* pada hari itu telah menyebutkan dan menitek-beratkan kapada satu Pakatan SEATO ia-itu apa yang di-katakan di-sini Pakatan Senjata Tenggara Asia. Jadi, di-dalam Renchana Pengarang itu, maka di-bayangkan supaya Kerajaan patut-lah memberi perhatian kepada pakatan ini, boleh jadi dengan ada-nya kata² di-dalam Renchana Pengarang itu, maka akan tertarek-lah Kerajaan ini berhubong dengan SEATO di-dalam mempertahankan negara kita terhadap confrontasi, atau pun agresion yang di-jalankan oleh Indonesia. Tiba² pada hari ini, Tuan Pengerusi, ini saya beri chontoh sahaja—keluaran hari ini bertarikh 3 haribulan January,

dalam *Utusan Melayu* juga, kita mendengar yang *Utusan Melayu* ini telah mengeluarkan dan membentangkan sikap sa-tengah² pendirian persorangan, dan juga sa-bagai menyokong amaran Front Bertindak Ra'ayat Malaysia yang mana di-dalam amaran Front Bertindak Ra'ayat Malaysia ini telah meminta supaya Kerajaan mengadakan perhubongan dengan Pakatan Senjata Tenggara Asia ini. Jadi, di-sini dapat-lah kita membuat satu kesimpulan yang mana sa-bagaimana yang di-sebutkan di-dalam siaran-nya pada hari ini juga di-katakan oleh Bajang tadi yang telah membuka tembelang *Utusan Melayu* ada-lah sa-benar, ia-itu *Utusan Melayu* ini mempengarohi politik gulongan² UMNO. Jadi, saya berharap-lah dengan sachara yang sa-macham ini yang mana Bajang sendiri telah membuka tembelang *Utusan Melayu* supaya jangan pula pehak Kerajaan mempengarohi dengan sa-gulongan manusia yang ada dalam *Utusan Melayu* itu supaya menitek-beratkan tentang apa² yang di-katakan, mahu pun di-dalam siaran Front Bertindak Ra'ayat Malaysia, atau orang persorangan.

Tuan Pengerusi, saya berbalek pula kapada perkara lain, ia-itu kalau kita hendak mengkaji dasar Kerajaan tentang dasar luar negeri Kerajaan yang ada pada hari ini yang di-'amalkan oleh Kerajaan sendiri. Sa-sudah kita membentuk Malaysia, kita patut mengkaji sa-mula dasar Kerajaan yang di-'amalkan oleh Kerajaan hari ini ia-itu kita hendak-lah memberi perhatian tentang kedudukan yang sa-benar, kalau kita memandang kapada sa-belah kanan yang mana pada hari ini, dasar kita ini ia-lah bertentangan dengan negeri Communist China, dan di-dalam soal kita menentang kedudukan Communist China, atau pun perhubongan Communist China dengan negeri kita, maka sudah barang tentu ada-nya ra'ayat jelata yang terdiri, atau yang sa-keturunan daripada orang² kita yang datang daripada negeri China, tentulah berasa sadikit sa-banyak tersinggong, dan di-sini kita dapat nyatakan bahawa ada pehak² umpama-nya macham negeri yang menjadi negeri² di-dalam wilayah Malaysia ini, seperti

Singapura, kita telah dapat bawa banya orang², ra'ayat negeri Singapura yang berketurunan daripada negeri China umpama-nya tidak berapa suka tentang dasar yang kita amalkan hari ini, ia-itu kita memutuskan perhubongan dengan komunis dan dengan sebab itu-lah maka berbangkitnya huru-hara di-dalam negeri itu yang boleh mengadakan segala perbuatan² terhadap Kerajaan Singapura sendiri yang menunjukkan mereka itu pro-Communist, sebab perhubongan mereka dengan negeri ibunda mereka itu sendiri telah di-putuskan akibat daripada dasar luar negeri ini yang kita amalkan sekarang. Jadi, dengan ada-nya, atau putus-nya hubongan di-antara orang², atau ra'ayat yang sa-keturunan daripada negeri China ini, maka kekayaan² negeri ini pun ta' dapat di-hantar, dan perhubongan² rapat, persahabatan² pun terputus. Jadi, ini-lah yang kita mahu kaji baik² tentang mana yang patut menjadi chorak kita pada masa hadapan dalam soal perhubongan dengan negeri² luar.

Kemudian kita berbalek pula kepada sa-belah kiri ia-itu dasar luar negeri kita terhadap kapada orang² India umpama-nya. Jadi, di-dalam hal ini, Tuan Pengerusi, ada ra'ayat² di-negeri kita ini yang berketurunan daripada India, datang daripada jauh menchari makan di-sini, dudok di-sini yang mana kita selalu mendengar mereka itu melaong² mengatakan yang mereka itu ta'at setia kapada negeri ini dan bekerja sa-bagai pegawai² Kerajaan dan sa-bagai-nya dan mengurbankan segala tenaga² di-dalam membina negeri kita, membuat jalan² serta menjadi pemotong² getah dan sa-bagai-nya. Jadi, di-sini juga kita mengadakan satu dasar terhadap negeri India ini dengan tidak ada perhubongan yang putus sa-bagaimana yang kita ada dengan negeri China, atau Communist China. Jadi, perhubongan mereka itu rapat, mereka itu dapat menghantar kekayaan² negeri ini ka-India itu sendiri, dan kalau saya ingat sa-bagaimana saya buat lawatan ka-India dahulu, saya pernah berjumpa dengan sa-orang yang biasa dudok bekerja di-sini, dan manakala dia hendak bersara balek ka-negerinya untuk dudok di-sana, dan saya

telah bertanya dengan orang itu: "Kenapa awak ta' hendak balek ka-Malaya lagi?" Kata-nya: "Dahulu dia telah berkhidmat di-Malaya, sudah dapat duit banyak, sudah dapat penchen bagitu bagini, lebih baik-lah dudok pada negeri dia sendiri di-sana." Jadi, ini-lah, Tuan Pengerusi, di-dalam kita mengadakan satu dasar luar negeri terhadap negeri² luar, maka patut-lah kita memberi pertimbangan dengan teliti-nya supaya kalau hari ini orang² yang keturunan China ta' boleh hantar kekayaan-nya ka-negeri mereka, putus perhubongan-nya, dan bagaimana pula dengan orang² India yang menghantar kekayaan-nya dengan membuat perhubongan yang rapat pergi balek, pergi balek, apa telah jadi pada hari ini dan di-mana kedudukan dasar kita? Jadi, saya harap-lah ini satu perkara yang patut menjadi perhatian besar kalau kita hendak membentuk chorak dasar luar negeri kita ini.

Di-dalam kita memperkatakan perhubongan dengan perkara peristiwa yang berlaku di-Tawau terhadap perajurit² kita yang telah mengurbangkan sa-banyak lapan jiwa, Tuan Pengerusi, jadi tentang perkara yang sa-macham ini, kita jangan lagi berharap² kapada tenaga² luar, atau pun pertolongan² daripada luar. Kalau sa-benar-nya kita ini menghadapi aggression, atau pun pencherobohan dari Indonesia terhadap Malaysia, maka patut-lah ra'ayat negeri ini juga bangkit bersatu padu bagi mempertahankan kedaulatan negeri ini. Sa-sudah kita mempertahankan kedaulatan negeri kita dengan tenaga orang² kita sendiri, dalam pada itu pun, jika sa-kira-nya kita dapati kekuatan tentera² luar negeri yang menjalankan aggression terhadap kita itu lebih kuat daripada kita, maka pada masa itu baharu-lah kita meminta pertolongan daripada orang² yang kita harapkan dan menjadi sa-suatu yang nyata pula kapada kita, dan juga kapada mereka itu. Ini satu bukti yang mana kita sendiri mempertahankan dengan nyawa dan tenaga kita sendiri. Jangan pada hari ini, sa-sudah kita kena empat, lima, enam, tujuh, lapan orang itu, kita pun berkeloh-kesah hendak meminta pertolongan daripada Bangsa² Bersatu-kah, daripada SEATO-kah bahkan

kita sendiri tidak membuat persiapan² yang tertentu, bukan sahaja dari segi military, bahkan dari segi tenaga ra'ayat sendiri pun kita tidak bersedia.

Baharu² ini kita lihat Kerajaan telah merayu kepada ra'ayat supaya m-registerkan dalam kerahan tenaga ra'ayat. Di-sini patut-lah Kerajaan jangan teragak² lagi untuk menggunakan tenaga ra'ayat yang terdiri dari pada pemuda² dengan memberi latehan ketenteraan dengan sa-chepat mungkin supaya menentang musoh yang kita tahu sekarang ada di-sempadan negeri ini. Apa lagi yang kita takutkan pada hari ini. Ada-kah terfikir oleh kita ia-itu dengan ada-nya tentera² ini kita akan menghadapi satu soalan lain pula, masaalah yang timbul yang boleh menchorakkan nasib negeri kita ini. Jika kita hendak chorakkan nasib bangsa negeri kita pun biar-lah kita sama menghadapi negeri kita, jangan biarkan bagi chorak nasib kita ini dilukiskan, atau pun di-bentokkan oleh dasar² atau pun pengkhianat² dari luar negeri ini, sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalui²kan perbelanjaan perbekalan wang bagi Kementerian Luar Negeri. Di-dalam muka 172 Butiran (1)—Menteri Luar, Butiran (2)—Setiausaha Tetap Luar Negeri. Dan bagitu juga dalam muka 188 jumlah wang bagi Kementerian Luar sa-banyak \$8,736,416 di-bandingkan dengan anggaran tahun yang lalu \$7,857,694. Tuan Pengerusi, soalan sa-sabuah negara yang merdeka perhubongan luar negeri adalah menjadi satu dasar utama. Bagitu juga di-dalam soalan perhubongan luar negeri, wang ada-lah menjadi satu soalan yang paling besar dan menjadi satu soalan yang paling utama juga. Kalau sa-sabuah negara tidak sanggup membelanjakan wang yang banyak, kerana kepentingan negara-nya bagi luar negeri, maka banyak-lah keadaan² akan berlaku dan harus juga kita akan menjawab perkara ini, Tuan Pengerusi, sudah terlambat. Dan pada tahun ini kita lihat peruntukan wang yang sa-banyak saya sebutkan tadi dengan perkembangan² masharakat, atau politik yang sedang ada di-hadapan kita pada hari ini. Saya berani-lah berkata

bahawa peruntukan wang yang tersebut tidak mencukupi. Kerana apa, baharu² ini saya telah membacha dalam sa-buah magazine ia-itu Duta Kerajaan French di-Washington dia telah membelanjakan maintenance untuk jamuan sahaja sa-banyak \$100,000 American dollar dalam satu tahun. Dan kata-kata banyak masaalah² yang paling rumit yang besar, dia dapat memutuskan di-dalam perjuman² yang tersebut. Jadi oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, kita menghadapi satu tempat yang kosong pada masa ini yang kita namakan kawasan yang belum masok angin ia-itu dalam negeri Africa. Dan banyak kita tengok negara² yang ada tujuan dan chita²nya telah menumpukan banyak kerja mereka ka-dalam negeri Africa dan kita tahu bahawa President Macapagal telah memindahkan pula targetnya ka-dalam Africa, bagitu juga Chou En Lai, dia telah kechiwa dalam Asia Tenggara sekarang telah menumpukan pandangan-nya ka-sana dan banyak lagi negara² yang pro-komunis yang sekarang ini banyak menumpukan ka-sana. Pada hal kita tahu bahawa negeri Africa itu pada mula-nya ada-lah sa-buah negeri yang memberikan satu sokongan yang kuat atau perhatian yang berat kapada Persekutuan Tanah Melayu terutama sa-kali dalam masa kita memperjuangkan Apartheid. Tetapi oleh kerana kita memandangkan perkara itu perkara yang kecil dan kita biarkan-lah tempat kita kosong tadi di-masuki angin. Manakala satu tempat itu sudah masok angin, Tuan Pengerusi, maka susah-lah kita hendak buangkan angin itu. Kita terpaksa-lah menggunakan wang yang banyak. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan-lah kapada Kementerian ini supaya kita meletakkan Duta² kita yang baharu ka-negara Africa, kerana dengan ada-nya Duta² kita dalam negara Africa tadi jadi banyak-lah perhubongan kita yang telah salah faham yang harus akan timbul dari sebab pengaroh² komunis yang telah chuba hendak merebut tempat di-dalam negara yang tersebut. Maka dengan sebab itu saya mengeshorkan supaya banyak lagi jumlah Duta² kita supaya kita adakan di-dalam tempat² negara Africa yang tersebut tadi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya dapati di-dalam tiap² Kedutaan yang ada di-dalam Kementerian Luar Negeri ini kebanyakannya terdiri daripada ahli² politik dan bagitu juga ahli² diplomat, dan sadikit sangat kita mempunyai ahli² daripada tentera. Ini adalah rasa rasa satu perkara yang mustahak. Pada hari ini saya rasa kita hanya ada sa-orang sahaja yang mempunyai pengalaman di-dalam hal-ehwal ketenteraan yang pada masa ini kita telah kirimkan dia berkhidmat dalam Burma yang mana saya rasa itu adalah satu perkara yang chukup tepat yang kita telah buat. Kita mustahak membuat bagitu dan kita mesti hantar kan orang² yang ada pengalaman dalam hal-ehwal ketenteraan. Jadi kalau kita berjaga² daripada mula lagi sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari pada Singapura sa-malam di-Indonesia daripada mula lagi kita hantarkan ka-sana daripada orang yang mempunyai pengalaman dalam hal-ehwal tentera, barangkali banyak perkara yang kita telah mendapat berita² yang tidak baik itu kita telah terlebih dua tahun dahulu, kita patut mendapatkan segala bahan² itu, tetapi oleh kerana kita telah terlewat dan pada hari ini baharu-lah kita merasa kelewatan kita itu. Maka jangan-lah kita katakan kesalahan kita itu, atau kesilapan kita itu akan menjadi satu kesilapan yang kedua. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan kepada Menteri Luar Negeri supaya menimbangkan jawatan ini mana² tempat yang penting yang kita rasa tempat itu ada-lah satu tempat yang penoh dengan chabaran dan juga dugaan kita kirimkan orang² kita di-sana, orang² yang mempunyai pengalaman tersebut. Jadi dengan chara ini dapat-lah kita mengimbangkan keadaan² yang harus akan memburokkan lagi perhubungan negara kita dengan ne-gara² yang tersebut.

Dan berbalek saya kapada apa yang telah di-sebutkan oleh wakil Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan Kashmir. Saya, Tuan Pengerusi, tidak mengerti perkara ini dan dari mana-kah perkara ini yang beliau itu membangkitkan di-dalam Dewan ini, tetapi perkara ini kalau kita kaji apa yang

berlaku di-hadapan kita pada hari ini, barangkali kita tidak dapat jawapan yang tepat. Tetapi kalau kita kaji balek sa-masa pemerentahan British yang lalu, kita tahu dalam India, dalam masa penjajahan dahulu dia ada dua chara pemerentahan satu dipanggil British India yang mana British India itu ia-lah jajahan² besar itu di-ta'alok oleh British. Dan yang satu lagi, Indian States—yang itu dia tidak di-perentah terus oleh British bahkan tiap² satu negeri itu dia mempunyai Raja dengan perhubongan masing². Tetapi manakala British telah keluar daripada India soalan yang berbangkit negeri² ini kapada siapa yang akan di-serahkan? Ini dia, soal-nya Tuan Pengerusi. Negeri² ini kapada siapa akan di-serahkan, ada-kah di-serah kapada pemerentah yang akan memerentah British India itu, atau akan di-serahkan kapada kuasa lain. Ini dia soalan-nya. Sama-lah macham kita kata di-antara kita Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah, Sarawak dan Singapura, manakala British telah memberi kemerdekaan kapada Perseku-tuan Tanah Melayu, negeri² itu kapada siapa yang akan di-serahkan, ada-kah Kerajaan Inggeris akan menyera-hkan kapada Indonesia? Saya rasa tentu-lah tidak boleh, tidak kena-mengena. Maka British terpaksa-lah serahkan kedaulatan itu kapada Perseku-tuan Tanah Melayu. Jadi itu-lah yang menjadi pertikaian yang ada di-hadapan kita dan ada yang berlaku berkenaan dengan masaalah Kashmir ini. Dengan sebab itu-lah yang telah menjadi satu kerumitan yang besar berkenaan dengan Kashmir ini.

Mr Chairman: The time is up. The meeting is suspended till 4.30 p.m.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(*Mr Speaker in the Chair*)

Debate resumed.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dato' Pengerusi, berchakap di-dalam muka 175, Wakil Tetap, pechahan 116, apa yang telah di-bangkitkan oleh wakil dari Kota Bharu Hilir pagi tadi di-dalam satu perbahathan, beliau itu telah menyeru Kerajaan Malaysia

supaya memasuki Afro-Asia. Saya berasa sangat terharu, Dato' Pengerusi, dan saya suka-lah bertanya kapada beliau di-dalam pertikaian India dengan China berkenaan dengan sempadan, apa-kah telah di-ambil oleh negara² Afro-Asia itu buat menyelesaikan masalah tersebut? Dan bagitu juga dalam masalah pertikaian Tibet dengan China Kominis, bagitu juga pertikaian yang terjadi di-Congo dan dalam sempadan² negara Arab, apa-kah negara² Afro-Asia telah menjalankan peranan-nya untuk menchari satu jalan damai bagi negara² tersebut, tidak lain dan tidak bukan, Dato' Pengerusi, melainkan hanya akan memberi keuntongan kapada negara² yang besar sahaja. Jika sa-kira-nya Persekutuan Tanah Melayu telah menyertai dengan negara Afro-Asia, saya yakin dan perchaya sudah lama negara Persekutuan Tanah Melayu ini di-telan oleh Indonesia. Maka dengan sebab itu, Dato' Pengerusi, kita tentu-lah tidak ragu² lagi dengan chara² dan permainan² yang telah di-mainkan oleh negara Afro-Asia. Kemudian dalam satu masalah yang lain pula, Dato' Pengerusi, dia menyokong dalam masalah konfrantasi, dan akan memberi sokongan penoh kapada Kerajaan. Tetapi, parti PAS telah lupa bawanya mereka juga yang menentang gagasan Malaysia. Ini tidak lojik, kalau satu benda itu kita kata benda itu puteh pun dia, hitam pun dia itu mustahil tidak di-terima oleh 'akal, oleh kerana itu, Dato' Pengerusi, ia-lah itu kerana hendak bermuka² sahaja tentu-lah

.....

Mr Chairman: Saya hendak mengingatkan kapada Ahli Yang Berhormat bila berchakap dalam satu² perkara hendak-lah jaga sadikit kehormatan tempat ini, dan saya boleh menahan kira-nya menyalahi dalam peratoran² Majlis ini. Saya suka hendak mengingatkan lagi ia-itu biasa-nya tiap² hujah yang di-keluarkan oleh pehak Pembangkang itu biasa-nya di-jawab oleh Menteri yang berkenaan. Saya tidak-lah boleh hendak menahan kalau Ahli² Yang Berhormat itu hendak menjawab-nya, tetapi jika di-biarkan bagini, kita akan mengambil masa yang lebih panjang, dan banyak lagi perkara² yang

hendak di-bahathkan, ini akan tidak habis dalam tempoh yang di-tetapkan. Saya rasa lebeh baik-lah jika dapat hujah² yang di-keluarkan oleh pehak Pembangkang itu di-jawab oleh Menteri yang berkenaan sahaja supaya tidak menghilangkan masa Majlis ini.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Terima kaseh, Dato' Pengerusi, tetapi oleh kerana perkara itu telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu, maka saya rasa sa-bagai sa-orang yang berdiri di-pehak Kerajaan, tentu-lah suka mengambil bahagian bersama di-dalam perkara ini. Di-dalam soal yang lain pula, beliau telah menyeru Kerajaan supaya menubohkan satu angkatan payong terjun, kerana alasan-nya beliau telah membacha di-dalam buku² theorii², patut-lah bawanya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini menggunakan angkatan payong terjun. Saya tidak-lah hendak membanggakan diri saya, tetapi di-dalam perang dunia yang kedua dahulu, saya tiga tahun lapan bulan bersama² dengan Angkatan Bersenjata, dan saya ada-lah sa-orang daripada ahli payong terjun, dan pernah tiga hari tiga malam saya tersangkut atas pokok kayu. Jadi, pada hemat saya payong terjun ini tidak akan menjadi satu pertolongan yang besar bagi negara Persekutuan yang mempunyai hutan belantara yang tebal. Apa yang kita kehendaki sekarang ia-lah memberi latehan kapada pemuda², dan saya uchapkan banyak terima kaseh kapada uchapuan Yang Berhormat Temenggong Jugah yang telah dapat peluang saya berchakap dengan beliau dan beliau memberitahu kapada saya banyak pemuda² Iban yang telah di-hantar berlatah di-Persekutuan ini dan itu-lah chara-nya, Dato' Pengerusi, kita akan dapat mengubati segala penyakit² yang datang dari Indonesia. Saya tahu dalam masa saya berada di-Medan, peperangan di-Burma, pemuda² yang lebeh chergas sa-kali yang mengambil bahagian yang tersebut ia-lah pemuda² Naga, dan bagitu juga pemuda Karen, dan mereka ini-lah yang paling chergas dalam hutan belantara.

Dengan sebab itu, mereka ini-lah di-beri latehan yang chukup dan mereka-lah sahaja yang akan dapat mengambil tindakan balas terhadap apa yang telah

di-cheroboh oleh Indonesia itu. Akhir sa-kali, Dato' Pengerusi, dalam muka 175, 179, ia-itu Duta Besar kita di-Washington dan Consulate di-Medan. Apa yang telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, beliau ragu² berkenaan dengan Peace Corps yang telah ada di-tanah ayer kita. Bagi saya, saya menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Kerajaan Amerika Sharikat yang telah memberi pertolongan yang besar kapada negeri kita, dan bagitu juga saya menguchapkan terima kaseh kapada Duta Besar Amerika Sharikat yang ada di-Persekutuan ini yang telah menolong dalam masa pertikaian kita atas Consulate kita di-Medan yang mana Consulate kita telah di-rusoh oleh satu kumpulan yang mana dengan pertolongan Duta Besar Amerika di-Medan telah dapat menyelamatkan harta benda kita dan kakitangan pegawai² kita yang ada di-sana.

Jadi, sa-takat ini-lah, Dato' Pengerusi, saya uchapkan terima kaseh.

The Minister of Defence (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya suka hendak memberi keterangan berkenaan dengan peristiwa yang berlaku di-daerah Kalabakan, Sabah, pada 29 haribulan ini yang telah menyebabkan 8 daripada ahli² tentera, sa-orang pegawai kita, terkechiwa dan terkorban dan 19 orang telah luka. Tuan Pengerusi, saya suka terangkan bahawa lebih kurang pukul 8.30 malam pada 29 haribulan Disember ini, satu pasukan musoh yang di-fikirkan ada lebih kurang 35 atau 40 orang yang di-ketuaï oleh sa-orang yang namakan diri dia "Sea Devil"—ia-itu daripada T.K.O. (Tentera Komando Operasi)—dan juga the second-in-command-nya pun di-fikirkan regular tentera Indonesia dan ketiga-nya sa-orang yang bernama Henderick—ia-itu dahulu-nya orang tahanan yang di-tahan di-Jesselton dan sa-orang pendudok di-Tawau, dan Henderick ini sa-orang daripada yang kena luka dalam pencherobohan itu.

Pencherobohan itu datang pada masa malam daripada dua penjuru—satu daripada utara, satu daripada barat. Daripada utara datang-nya dari sa-belah belakang atas bukit dan di-situ-lah tentera kita pasukan Headquarters "C"

Company, Platoon No. 9 dan Platoon No. 10 berada pada malam itu, kerana pada besok-nya hendak memulakan serangan pada pehak musoh. Jadi sebab serangan itu dengan tidak di-ketahui dan musoh datang dengan menggunakan handgrenade, rifle dan small firearms, hanya apabila meletup hand-grenade itu baharu di-ketahui serangan itu, dan pada masa itu orang kita terchedera, dan lepas daripada itu pehak tentera kita mendatangkan serangan balas, dan perperangan berlaku sa-lama 2½ jam daripada pukul 8½ sampai pukul 11 dan lepas itu musoh lari, dan di-ketahui satu orang daripada musoh itu terbunuh dan 4 orang luka, sa-orang dalam tahanan kita, tetapi pada masa ini belum dapat-lah di-soal dan mendapat keterangan. Serangan yang kedua daripada sa-belah barat ia-itu kapada Police Station yang ada di-situ, di-Police Station itu pehak Corporal dan juga ahli pasukan polis dapat menyerang balek dan tidak ada apa² ahli kita terchedera, dan saperti saya katakan tadi pehak musoh telah undor dan tidak ada kematian atau pun kemalangan bagi pehak polis.

Jadi, saperti saya katakan tadi tentera kita telah pergi ka-situ, kerana hendak menyediakan serangan kapada musoh, sebab pada 22 haribulan Disember telah di-ketahui musoh ada datang ka-hala daerah itu, Kalabakan, dan pehak tentera kita ada-lah bersedia hendak mendatangkan serangan pada musoh, dan di-harap pada 30 haribulan itu-lah hendak memulakan serangan itu. Tetapi, peristiwa itu berlaku pada malam 29 haribulan, malang-nya tempat Kalabakan itu ia-lah kongsi kilang papan yang memakai banyak kuli² daripada orang² Indonesia. Jadi, di-perchayai barangkali sunggoh pun ke-banyakannya daripada orang² itu ada barangkali ta't setia, tetapi di-perchayai hanya-lah dengan pertolongan daripada orang² yang ada di-situ baharu boleh dapat musoh masok dengan senang-nya, dan mengetahui akan gerak-geri tentera kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan di-sini bahawa tentera kita ada-lah menjalankan kewajipan-nya dengan sangat memuaskan hati

mempertahankan diri mereka itu dengan bersunggoh²; walau pun dalam keadaan yang sa-macham itu, mereka dapat menghalau musoh daripada tempat itu. Dan sekarang ini kita telah menghantar tentera² lain untuk men-chari musoh 30-40 orang itu yang telah lari daripada situ, dan kita berazam hendak menjalankan serangan dengan sa-berapa daya-upaya bagi menghapuskan musoh.

Tetapi terang dan nyata-lah, Tuan Pengerusi, bahawa musoh ia-itu pasokan yang bukan sahaja di-sokong dan di-ketuai oleh Indonesia menyerang camp tentera kita dalam negara kita sendiri ia-itu 30 batu daripada sempadan Kalabakan, dan sudah terang-lah bahawa apa sa-benar-nya tujuan pehak Indonesia terhadap negara kita ini.

Saya suka terangkan di-sini juga ia-itu tentera kita ada mempunyai senjata yang chukup, kita ada memakai senapang yang baharu SLR—self-loading rifle—and kita mempunyai Stirling atau pun close-range automatic weapon dan kita mempunyai heavy barrel self-loading rifles dan juga rocket launchers (motor) dan tentera kita tidak kurang latehan. Pasukan yang Ketiga Askar Melayu di-Raja itu telah berlatah dahulu bersedia, kerana hendak pergi ka-Congo, oleh sebab pemergian itu di-batalkan, maka itu-lah sebab tentera itu di-hantar dahulu ka-Sabah. Jadi, tidak-lah kekurangan latehan, Tuan Pengerusi, dan tentera kita tahu mana2 juga peperangan, pada masa dharurat dahulu telah menjalankan tugas-nya dengan sangat gilang-gemilang, bagitu juga pada masa berada di-Congo telah menjalankan tugas mereka itu dengan gilang-gemilang dan sa-hingga kita mendapat kepujian yang sangat tinggi. Dan saya yakin dan perchaya di-tempat² ini juga, Sabah dan Sarawak, mereka itu akan menjalankan tugas-nya dengan sempurna juga. Tetapi peristiwa yang berlaku ini ada-lah satu ke-malangan yang ta' dapat di-elakkan; perkara yang sa-macham ini berlaku dalam keadaan ini, sebab sa-belum daripada ini kita telah dapat mengenakan pertempuran kapada musoh beberapa kali, rasa saya lebih kurang sa-belas dua belas kali; dan pada satu masa itu kita telah men-

chederakan 26 orang musoh di-Long Jawi. Jadi, ta' dapat tiada dalam keadaan yang sa-macham ini, perkara yang sa-macham ini telah berlaku dan kita berharap pada masa yang akan datang tentera² kita dapat-lah bersunggoh² menunjukkan kechergasan dan keberanian mereka itu. Jadi, saperti yang saya katakan tadi bukan-lah kerana kekurangan latehan dan bukan kerana kekurangan senjata, kita ada chukop senjata dengan segala²-nya. Saya sebutkan tadi daripada mula confrontasi berjalan hingga hari ini, telah sa-belas kali tentera² kita dan ashkar² British telah bertempur dengan musoh dan pada tiap² kali itu pehak musoh-lah yang terchedera, yang banyak terbunoh: satu—26 orang di-Long Jawi dan juga di-tempat² lain di-mana beberapa orang musoh telah terbunoh. Jadi, di-dalam keadaan perang, Kerajaan ada mengambil berat dalam hal confrontasi, dan dengan sebab itu-lah bagi pehak Kerajaan ada menetapkan satu brigade di-sana yang di-ketuai oleh sa-orang Brigadier Kanan, akan tetapi berkenaan dengan kedudukan tentera² kita, kita kena-lah lepaskan perkara ini kapada ahli² tentera. Jadi, sempadan di-antara Sabah dan Sarawak dengan Indonesia ini sangat-lah panjang, sangat-lah luas dan di-satengah² tempat ada-lah di-jagai oleh tentera² British, dan di-satengah² tempat ada-lah di-jagai oleh polis, bagitu juga di-satengah² tempat ada-lah di-jagai oleh kita, dan di-Tawau ini-lah tempat yang di-jaga oleh Pasukan Ketiga Ashkar Melayu di-Raja, dan sa-lepas sahaja berlaku peristiwa ini, saya telah menghantar Major-General Abdul Hamid supaya pergi menyiasat perkara ini dengan sa-halus²-nya, menengok keadaan dan kedudukan tentera² kita, dan saya berharap sa-lepas mendapat penyata daripada Major-General Abdul Hamid ini dengan mendapat keterangan² yang sa-benar-nya juga keadaan kita di-sana dan kedudukan musoh serta kedudukan tentera² kita, saya harap saya sendiri akan dapat pergi di-sana supaya dapat mengetahui dengan sa-benar-nya, apa kedudukan yang sa-benar-nya dan apa langkah² yang patut kita ambil kalau lebuh lagi daripada itu.

Jadi, ini-lah dia-nya, Tuan Pengurus, yang saya sebutkan tentang langkah² yang kita sedang ambil terhadap confrontasi ini. Kita terpaksa-lah berunding dengan rakan² kita terutama sa-kali dari pehak British dan juga pehak Australia dan New Zealand di-mana ketiga² negara ini telah mengaku hendak mempertahankan Malaysia ini, jikalau di-cherobohi oleh pehak negeri luar.

Berkenaan dengan hal pakaian² juga, mereka itu ada-lah mempunyaï uniform yang sa-benar-nya di-gunakan dalam *jungle warfare*. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara bertanya mengapa ta' pakai topi besi, topi besi ini ta' biasa di-pakai dalam *jungle warfare*, kerana ini terlampau berat, terlampau panas, jadi biasa di-panggil *jungle cap*. Maka bagitu-lah juga berkenaan dengan ashkar² yang telah mendapat kemalangan itu. Bagi mereka yang telah menghilangkan jiwa mereka itu, Kerajaan ada-lah menyediakan penchen, bukan sahaja kepada isteri bahkan kepada anak-nya juga sa-hingga kanak² itu tamat sekolah. Bagitu juga kapada mereka yang chedera, yang luka itu jikalau ta' dapat berkhidmat lagi, mereka akan mendapat penchen. Bagi pehak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi hadiah \$3,000 bagi tiap² sa-orang yang telah mati itu, kerana memberi sugu hati daripada pehak Kerajaan kapada mereka itu. Jadi, sa-berapa yang boleh kita buat di atas orang² yang telah kena kemalangan ini, seperti yang saya katakan, di-dalam perang ta' dapat tiada perkara yang sa-macham ini berlaku. Kita harap tidak kerap berlaku dan kita berharap kalau berlaku pertempuran, kita akan dapat membinasakan musoh² lebuh daripada musoh yang dapat merosakkan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada menchadangkan ia-itu patut-lah kita bawa perkara ini kapada United Nations, atau Bangsa² Bersatu. Saya suka terangkan bahawa pehak kita telah pun memberitahu Setia-usaha Agong, Pertubuhan Bangsa² Bersatu, pada 30 haribulan ini di-mana kita telah memberitahu berkenaan

dengan perbuatan daripada pehak Indonesia, ia-itu kata orang puteh "Violation of our air space" daripada 28hb-30hb Disember; pada 3hb Disember, pukol 11.45 pagi (Sabah time) kita dapati satu Mitchell B25 bomber, dua Mustang F51 fighters terbang atas Wallace Bay. Ini di-dalam kawasan kita di-sabelah sini Pulau Sebatik. Bagitu juga pada pukol satu (Sarawak time) pada 28 haribulan Disember ini, satu Mitchell B25 bomber juga dengan tanda Indonesian Air Force telah terbang di-sabelah selatan Bario dalam 5th Division, Sarawak lebuh kurang tinggi-nya 2,000 atau 4,000 kaki. Pada 29 haribulan Disember ini juga pukol 9.20 pagi (Sarawak time) dua Aircraft Mitchell B29 telah terbang di-atas Bario dengan 5th Division, Sarawak. Bagitu juga pada pukol 9.40 pagi (Sarawak time) pada 29 haribulan Disember juga Aircraft Mitchell B29 terbang keliling di-5th Division, Sarawak.

Jadi, Wakil Tetap kita telah memberitahu kapada Setia-usaha Agong, Bangsa² Bersatu tentang perbuatan² Indonesia ini yang telah melanggar *air space* kita dan kita telah meminta Setia-usaha Agong, Bangsa² Bersatu untuk mengambil apa² juga langkah yang di-fikirkan patut. Bagitu juga kita telah memberitahu berkenaan dengan peristiwa pada 29 haribulan Disember ini, dan kita telah terangkan bahawa perkara ini berlaku ia-lah di-dalam kawasan kita, di-dalam negeri kita tiga puloh batu dari sempadan. Jadi, perkara² ini ada-lah di-dalam pengetahuan Setia-usaha Agong, Bangsa² Bersatu, dan kita pulangkan-lah kapada Setia-usaha Agong, Bangsa² Bersatu, bagi mengambil apa juga langkah yang di-fikirkan patut, dan bagi diri kita, kita tidak-lah ingat hendak mengambil langkah memberitahu Setia-usaha Agong, Bangsa² Bersatu, memberitahu badan Bangsa² Bersatu, atau Security Council bila sampai masa-nya perkara ini.

Jadi, Tuan Pengurus, itu-lah langkah² yang kita telah ambil. Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang sekarang terutama sa-kali dari parti PAS patut-lah faham bahawa apa dia yang di-perbuat oleh pehak Indonesia. Jadi,

bagaimana-kah kita hendak mengatakan saperti kata Ahli Yang Berhormat dari Besut dahulu yang Indonesia itu berkehendakkan kerjasama, berkehendakkan keamanan di-Tenggara Asia ini. Ini terang², sekarang ini kita telah di-serang oleh pihak Indonesia dan dua tiga hari dahulu Menteri Luar Indonesia, Dr Subandrio telah berkata yang Indonesia bukan hendak bermusoh dengan ra'ayat Malaysia bahkan hendak bermusoh dengan British, dan bagitu juga Menteri Pertahanan, Indonesia, General Nasution, telah berkata yang Indonesia tidak hendak bermusoh dengan ra'ayat Malaysia yang di-panggil *our blood brothers*, tetapi ia-lah hendak menentang British, akan tetapi yang kena bunoh, yang kena binasa, ia-lah ra'ayat Malaysia, ahli² ashkar Melayu di-Raja. Jadi, ada-kah kita boleh perchaya perchakapan² yang sa-macham itu? Saya harap Ahli² dari pihak Pembangkang akan faham di atas perkara ini yang Kerajaan Perikatan sekarang ini adalah mengambil apa² langkah yang patut bagi mempertahankan negara kita daripada serangan musoh yang telah nyata berniat hendak mena'aloki negeri kita ini.

Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi penerangan yang lebih lanjut kemudian kelak berkenaan dengan tujuan² pihak Indonesia, tetapi saya berharap kapada pihak Pembangkang jikalau mereka itu benar² berkehendakkan keamanan dan ketenteraman, sayangkan kapada negeri ini, maka hendak-lah dari sekarang ini berdiri di-belakang Kerajaan bagi bersama² mempertahankan negara kita.

The Honourable Member for Tanjong requested that we should all harness our national efforts to have peace—he said—with honour and respect in this part of the world. I certainly welcome his suggestion and, if I may say, this is what the Government has been doing and is doing. And I must say that it is the duty of the Opposition, in spite of differences in internal politics, to rally round the Government at this time when our country is facing aggression from outside. As I have explained

to this House recently, Sir, this is the practice in all democratic countries: that at a time when the country is facing enemies from outside all political parties sink their differences and rally round the Government. Now that the Honourable Member has suggested that, we welcome that suggestion and if the Opposition Parties—I say all of them—have loyalty and have the interests of the country at heart, after what happened in recent days they should know who are the aggressors. They should know, as I have explained, that the attack on our camp was more than an act of terrorism by the local people there; it was an aggression by forces led by members of the regular armed forces of Indonesia. I think it is now clear to us that what we have to face is confrontation, and as I have stated, if the Opposition really have the interests of and loyalty to the country at heart, it is time for them to rally round the Government instead of putting the blame on the Government for this confrontation. As it is, we have done everything we could possibly do and our men are doing their best in those areas and, as I have said, we are determined to defend our country and we will defend the honour and integrity of our country at all costs. We want peace, as we have always said. We want peace and we want co-operation in this area, but so long as our neighbour, Indonesia, does not say that she wants peace by words and deeds, then we must take all measure to defend our country. That is the position, Mr Chairman, Sir, and I do hope once again that if the Opposition have loyalty and the interests of the country at heart they will now rally round the Government and not blame the Government in the face of the confrontation. (Applause).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara dalam uchapan-nya membahathkan peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri ini, telah membangkitkan beberapa perkara yang saya fikir perlu mendapat perhatian bukan sahaja oleh Dewan ini tetapi oleh seluruh dunia supaya dapat mengetahui

ka-mana party PAS ini hendak membawa negara kita. Sa-belum saya dapat berchakap panjang saya hendak berchakap sadikit mengulas perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya ingin menyatakan rasa dukachita saya atas kejadian dan peristiwa yang berlaku di-Sabah yang telah menyebabkan terkorban-nya beberapa orang perajurit kita dan menyebabkan kematangan dan luka² beberapa orang yang lain lagi.

Tuan Pengerusi, dalam uchapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, saya dapat memahamkan bahawa beliau yakin sa-yakin²-nya dan tidak ada sadikit shak pun di-dalam hati-nya mengatakan bahawa serangan ini telah di-lakukan oleh orang² dari-pada pehak Indonesia yang chukup terlateh dan chukup lengkap perkakas dan alat senjata-nya. Saya senang mendengar kenyataan-nya itu dan keyakinan yang di-tunjokkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu tetapi sa-perkara yang saya sangat² dukachitakan, tidak sa-patah pun yang saya dapat dengar daripada Ahli Yang Berhormat itu mengecham atau menyelar dasar konfrantasi yang telah menjadi bagitu hangat hingga menyebabkan saudara dan daging darah kita sendiri terkorban daripada peristiwa yang malang itu. Sa-balek-nya Ahli Yang Berhormat itu mengecham Kerajaan kita yang telah menunjukkan dalam sikap-nya dan dalam pendirian-nya hendak menchari damai dengan Indonesia dan lain² negeri juga dalam dunia ini. Saya nampak sa-olah² Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu dia lebih di-convincekan oleh orang² Jakarta daripada orang² Kuala Lumpur. Yang Berhormat itu tatkala membahathkan kejadian yang berlaku itu, dia berulang² menafikan bahawa dia bukan expert, bukan general, bukan ahli tentera tetapi sa-orang yang banyak membacha buku² berkenaan dengan bagaimana sa-suatu gulongan itu hendak menumbangkan Kerajaan.

Apabila Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu menyatakan bahawa dia ada membacha sa-buah buku bagaimana General Kassim menumbangkan Kerajaan Iraq maka saya

telah teringat ia-itu pada suatu masa yang lepas Ahli Yang Berhormat itu telah terperi² dan beria² benar mendesak Kerajaan supaya membenarkan Parti PAS menubohkan pasukan tentera sukarela. Jadi, apakala di-kaitkan kenyataan-nya yang dahulu dengan kenyataan-nya dalam Dewan ini, nyata-lah bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah bagitu termakan dengan kan-dongan buku General Kassim itu dan dari itu hendak menchuba mengamalkan-nya di-sini. Saya berharap pehak Kerajaan memerhatikan gerak-geri Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, untuk membuktikan bahawa diri Ahli Yang Berhormat itu tidak bersetuju dengan konfrantasi— dan ini satu yang baharu pada saya— maka beliau telah membachakan satu kenyataan-nya dalam akhbar Indonesia ia-itu akhbar *Bintang Timor*, sa-buah akhbar Komunis Indonesia. Mengapa statement itu tidak di-siarkan dalam lain² surat khabar Indonesia, dalam surat khabar *Merdeka* umpama-nya? Boleh jadi kenyataan beliau itu ada di-siarkan dalam akhbar² Indonesia yang bukan Komunis, tetapi surat khabar² yang sa-umpama itu agak-nya tidak ada dalam simpanan Ahli Kuala Trengganu Utara. Siapa tahu boleh jadi ada banyak lagi Communist documents dalam simpanan-nya.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu beliau telah meminta Duta kita di-Amerika supaya memerhatikan dengan teliti anggota² Peace Corps yang di-hantar oleh Amerika ka-negeri ini supaya jangan sampai Amerika menyeludupkan agent²-nya dan penyuloh-nya dalam anggota² Peace Corps itu. Tuan Pengerusi, penyuloh² dan agent² bukan hanya dari Amerika malah Indonesia sendiri boleh mendapat agent²-nya dari-pada orang² yang ada dalam negeri ini dan ini lebih merbahaya lagi. Indonesia boleh mendapatkan agent²-nya daripada orang² yang ada dalam negeri ini yang tidak ada rasa kaseh-sayang kepada tanah ayer, tetapi lebih tertarek keyakinan mereka kepada luar negeri daripada negeri sendiri. Apa yang hendak di-hebohkan Peace Corps ini di-kalangan kita sendiri ada peng-khianat² bagaimana yang telah di-buktikan oleh kejayaan Gurila² Indonesia

membunuh ashkar² kita dalam sa minggu dua ini. Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya ingin memberitahu kapada Yang Berhormat dari Kuala Trengganu bahawa yang mengancham kita ia-lah orang² yang tidak menaroh chinta dan kaseh sayang kapada tanah ayer-nya sendiri dan kapada bangsa-nya sendiri. Kalau ada pun saya hendak berchakap berkenaan dengan Peace Corps yang datang ini saya ada mempunyai pendapat saya sendiri, saya berkehendakkan supaya Peace Corps yang datang dari Amerika itu sa-benar²-nya memberi pertolongan di-dalam lapanan² yang kita perlukan.

Mr Chairman: Jangan-lah jadikan Peace Corps itu satu masaalah kerana perbahathan ini.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, saya tidak akan memanjangkan berkenaan dengan Peace Corps itu, tetapi kerana dia telah membangkitkan perkara itu, jadi itu-lah agak-nya telah panjang sadikit chakap saya. Saya berharap Peace Corps itu menaroh satu ingatan dan perasaan hendak menolong dan memberikan pengajaran kapada negeri ini, dan jangan hendak meng-Amerikankan negeri ini. Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu itu ia-lah berkenaan dengan kebebasan wartawan² dan Ahli Yang Berhormat itu telah membandingkan penangkapan Said Azhari dengan soal penahanan Mochtar Lubis. Apakala Yang Berhormat itu berchakap berkenaan dengan Mochtar Lubis, Tuan Pengerusi, terbayang pada saya sa-olah² Yang Berhormat itu menjadi peguam kapada Jakarta untuk membela kezaliman Sukarno di-dalam Dewan ini. Untuk membandingkan soal Said Azhari dengan penahanan Mochtar Lubis dan membandingkan penahanan wartawan di-negara kita dengan kurongan sengsara yang di-timpakan ka-atas wartawan² Indonesia tidak-lah lojik, sebab negara kita ada-lah negara demokrasi bukan-lah negara diktator yang tidak mengenal pilehan raya. Tambahan pula dalam negeri ini tidak ada satu undang² saperti yang ada di-Indonesia ia-itu undang² yang menghukum dengan berat sa-barang orang yang menegor Presi-

dent Sukarno. Apa yang saya tahu, Tuan Pengerusi, bahawa penahanan Said Azhari bukan-lah kerana activities-nya sa-bagai wartawan, tetapi ada lain² sebab. Tetapi Mochtar Lubis di-tahan kerana pena-nya yang sangat tajam mengkeritik Kerajaan Jakarta. Jadi, untuk hendak membeza atau membandingkan antara wartawan yang di-tahan di-sini dengan wartawan yang di-tahan di-sana, barangkali ini sangat keterlaluan.

Tuan Pengerusi, sa-perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi ia-itu soal mendesak supaya Kerajaan mengambil sikap menyokong Pakistan dalam soal Kashmir. Saya hairan mendengarkan desakan Ahli Yang Berhormat itu, kerana pada satu masa beliau itu mendesak dan menuntut Kerajaan supaya *neutral*, tetapi pada satu masa pula meminta kita menentukan sikap dan memehak kapada satu pihak yang tertentu. Jadi, di-sini saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu dan rakan² yang sa-umpama dengannya membetulkan chara berfikir-nya sa-belum datang ka-Dewan ini.

Sa-panjang yang saya ketahui dalam soal pertikaian India-Pakistan berkenaan dengan soal Kashmir ini, semua Kerajaan yang berkecuali mengambil sikap ingin melihat soal ini di-selesaikan dengan aman dan damai mengikut bagaimana yang telah di-putuskan oleh Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Tetapi, nampak-nya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu memikirkan bahawa dengan chara ini dan dengan chadangan-nya itu ia akan dapat berjaya untuk melaga²kan Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan India dan Pakistan. Kalau ini-lah chara dia berfikir, maka di-sini saya ingin menyatakan bahawa dia akan putus harap dan dia tidak akan dapat menchapai maksud yang di-kehendaki-nya itu.

Tuan Pengerusi, di-sini saya ingin beraleh kapada satu soal yang lain—dan meninggalkan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara di-lambong oleh khayal-nya. Soal yang saya ingin hendak sebutkan di-sini dan ingin hendak mendapat tahu daripada

Kerajaan ia-lah baharu² ini surat²-khabar telah menyiaran bahawa satu rombongan akan pergi melawat ka-luar negeri untuk memperkenalkan Malaysia, dan rombongan itu kononnya akan di-ketuaï oleh sa-orang yang bernama Lee Kuan Yew dari Singapura. Kalau-lah benar berita² itu, saya meminta daripada Kerajaan sa-kira-nya ada satu rombongan daripada negeri kita ini untuk keluar negeri dan memperkenalkan Malaysia di-luar negeri, maka hendak-lah rombongan itu di-bentok dan di-susun oleh Kerajaan Pusat, dan bukan di-ketuaï oleh sa-orang yang bukan daripada parti Kerajaan untuk pergi memperkenalkan negara Malaysia kita itu.

Saya bimbang, Tuan Pengerusi, bahawa apakala Lee Kuan Yew pergi ka-luar negeri, dia bukan hendak memperkenalkan Malaysia, tetapi dia akan memperkenalkan diri-nya kepada dunia luar. Saya mengambil kesimpulan ini kerana saya mendapat faham bahawa salah sa-orang anggota yang akan bersama dalam rombongan yang akan keluar negeri memperkenalkan Malaysia itu

Mr Chairman: Order. Order. Perkara itu di-bawah Kepala mana?

Tuan Syed Ja'afar: Kepala 1—Menteri Luar Negeri.

Mr Chairman: Mana dia perbelanjaan hendak menghantar rombongan ka-luar negeri itu, chuba tunjukkan?

Tuan Syed Ja'afar: Ini dalam tugasnya—Tuan Pengerusi, oleh kerana, Tuan memberikan berchakap atas dasar ‘am Kementerian Luar Negeri, dan perkara ini ada berkaitan itu-lah saya bangkitkan dalam membahathkan Kementerian ini, dan saya harap mendapat kebenaran, Tuan Pengerusi, untuk meneruskan

Mr Chairman: Dudok! Saya memberi akuan sa-malam boleh Ahli² Yang Berhormat membahathkan hanya-lah satu perkara ia-itu perkara yang terjadi di-Sabah yang menyebabkan kematian beberapa orang dan beberapa orang luka. Oleh sebab ada satu permintaan daripada pehak Pembangkang supaya meshuarat ini di-tanggohkan kerana membahathkan satu perkara yang tetap

yang berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan mustahak pada masa-nya, jadi tidak-lah berma’ana bila saya beri pula akuan itu di-luputkan ka-semua sa-kali dasar ‘am itu. Itu saya ingatkan, tetapi jika pandai berchakap (*Ketawa*) saya boleh benarkan, jangan sa-olah² menghentam, kalau mengshor-kan saya tidak-lah boleh menahan.

Tuan Syed Ja'afar: Pandai berbagai pandai, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Please proceed.

Tuan Syed Ja'afar: Saya ingin menjelaskan kedudukan perkara itu. Jadi saya ingin menchadangkan kapada Kerajaan supaya menimbang rombongan yang akan keluar negeri itu, dan kalau perlu rombongan yang sa-umpama itu di-hantar ka-luar negeri, maka hendak-lah rombongan itu di-kepalai dan di-ketuaï oleh salah sa-orang Cabinet Minister dari Persekutuan, dan bukan oleh sa-orang dari Singapura.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan hal pergi ka-luar negeri ini saya katakan saya bimbang kalau tidak di-ketuaï oleh sa-orang daripada Jema’ah Menteri itu, maka di-bimbangkan bahawa kalau² ketua rombongan sa-bagaimana yang di-beritakan oleh surat²-khabar itu akan lebih memperkenalkan diri-nya daripada memperkenalkan Malaysia, kerana saya mendapat faham di-dalam rombongan itu ada termasuk sa-orang yang telah biasa menulis berkenaan dengan Mr Lee Kuan Yew untuk memperkenalkan-nya kapada dunia luar hingga menyentuh maruah dan kehormatan bangsa kita ia-itu wartawan yang dipanggil Alex Josey; saya harap Alex Josey yang hendak di-bawa itu, kalau betul dia hendak di-bawa, tidak-lah menjadi sa-bagai satu hadiah yang di-berikan oleh Lee Kuan Yew kepada Alex Josey kerana memaki dan menghinakan satu bangsa yang ada di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, berbalek kapada satu soal yang penting di-dalam soal luar negeri ia-itu berkenaan dengan perkara yang di-siarkan oleh akhbar baharu² ini. Surat khabar telah menyiaran baharu² ini ia-itu Mr Lee Kuan Yew telah menjawab, atau menulis

surat kepada Perdana Menteri Communist China, Chou En-Lai. Jadi, disini saya berasa hairan, atas sifatnya sa-bagai apa-kah agaknya Mr Lee Kuan Yew bersurat², berutus² dengan Chou En-Lai, pada hal soal luar negeri itu ada-lah tanggongan Kerajaan Pusat. Boleh jadi, agaknya Tuan Lee Kuan Yew akan mengatakan bahawa suratnya itu personal, atau daripada dirinya sendiri, tetapi mengikut siaran akhbar bahawa surat itu bukan soal personal, tetapi dia memperkatakan soal Kerajaan. Saya bachakan keratan surat khabar dengan kebenaran, Tuan Pengerusi, ia-itu *Utusan Melayu* ke-luaran 20 haribulan Disember, di-antara lain² Mr Lee Kuan Yew berkata :

"Kerajaan Singapura tetap pada pendiriannya bahawa segala usaha² ka-arah penghpusan senjata nuclear sa-harusnya menerima sokongan. kerana kemanusiaan akan merasa bahagia sa-kali hingga akhir-nya."

Soal yang saya hendak sebutkan disini ia-lah menyebut tentang Kerajaan Singapura. Jadi, saya ingin hendak tahu daripada Kerajaan ini, dari bila-kah Kementerian Luar Negeri itu di-pindahkan ka-Singapura? Kalau sudah di-pindah ka-Singapura, biarlah kita semua tahu, dan Menteri Luar-nya Lee Kuan Yew. Kita ingin hendak tahu, Tuan Pengerusi, daripada Kerajaan. Ini satu perkara pada anggapan dan pandangan saya, amat serious, amat penting, dan tidak boleh di-biarkan berlalu dengan tidak mendapat tegoran di-dalam Dewan ini ketika membahathkan soal luar negeri ini.

Mr Lee Kuan Yew, di-dalam perbuatan-nya bersurat² dengan Chou En-Lai, pada anggapan saya, dia telah melanggar bahasa. Sa-kurang²-nya dua perkara yang dia telah rempoh. Pertama, dia telah mengambil bagi dirinya kuasa perhubungan dengan luar negeri, ia-itu satu kuasa yang bukan di-tangan-nya. Dan kedua, dia melanggar lagi dengan membuat perhubungan dengan sa-buah Kerajaan yang tidak ada mempunyai perhubungan langsung dengan Kerajaan Malaysia. Jadi, saya harap Kerajaan akan memberi kenataan yang jelas di-dalam dua perkara yang saya bangkitkan ini, dan kita tidak hendak sa-orang Ketua Menteri

bagi sa-buah pulau kecil itu memandai² membuat perhubungan ka-luar negeri. Pada satu masa dahulu dia telah pergi ka-Moscow untuk hendak menchari apa, saya tidak tahu, tetapi pada masa itu kita tidak berhak ber-chakap, kerana Singapura pada masa itu belum lagi di-dalam gagasan Malaysia, tetapi pada hari ini sa-telah Singapura masok ka-dalam gagasan Malaysia dan di-dalam kumpulan Malaysia, maka kita harap supaya perkara ini di-perhatikan dengan sunggoh²-nya oleh Kerajaan kita.

The Prime Minister: Mr Chairman, Sir, I rise to take up some of the points raised this morning by some of the Honourable Members, but I am not here to wind up the debates, because that will be done by the Assistant Minister of External Affairs.

Some of the points raised by Members this morning dealt with many things, and one particular point raised by an Honourable Member from Singapore was in regard to the choice of the right person to represent our country abroad. According to him, we must not pick a person who has not done so well in politics. I must say that the aim of the Government is to appoint the right person and, of course, what is considered to be the right person by this Government might not be the right person in the opinion of the Honourable Member. The qualities of a person to be an ambassador are his personality, his undivided loyalty to the country and his integrity as a man—the fact that he has failed to make a big name for himself in politics, or to win at the last election, or even to take part in the last election, does not reduce his value in the eyes of the Government as its diplomat abroad. So, an ambassador is picked as the man who, in the opinion of the Government, would serve the country creditably abroad—and that is why he is accredited there.

We have not at this moment been able to produce career diplomats having just emerged as a nation after having been sheltered for a long time under the wings of the British. But, nevertheless, I hope that within the next

decade we will be able to produce the type of career diplomats to represent us abroad. At this moment our choice lies with the person who has either done good service for the Government, or has served well in the Party.

Sir, it was suggested by the Honourable Member for Tanjong that, since this country is facing a critical time as a result of the Indonesian confrontation, we should make the fullest use of all the resources at our disposal and, according to him, this is the time when the Government should form a coalition Government to embrace all parties, as by doing so he is certain that we will be able to get the fullest co-operation from every section of this country. Sir, I would like to say at this moment that that is a thing, which we feel should be done when this country is in a state of war, and at the moment we have not come to that stage yet. Therefore, there is no need to form a coalition Government. But whether this country is in a state of war, or it is not, it is the duty of all citizens of this country to give their fullest co-operation to this Government when the country is facing a threat from outside—a threat that comes not from our own doing but from the doing of our enemy. Therefore, if a person feels that he is a citizen of this country, that he owes allegiance to this country, it is his duty to give his service to the country particularly at this moment when the country has the greatest need of his help, his service and his co-operation. So it is a time when we feel that we should stand shoulder to shoulder to meet our common enemy. The catastrophe that has fallen on our soldiers inside our own territory shows too a complete lack of loyalty in some quarters, for without the treachery of some of the people living within this country I dare say that the movement of the enemy would have been detected. But because they moved in with the help of some of these traitors who live within this territory we were not able to detect their movement and so the valuable lives of our young people were sacrificed in the defence of our country—unfortunately at the altar of the treachery. It is a warning therefore

to the people of this country that there are traitors among us and those who are loyal to this country must trace these traitors, and these traitors must be caught if this country is going to be saved from the enemy. The warning which the Honourable Member from Kuala Trengganu Utara gave this morning, the warning which was supposed to have come from a Colonel—I did not catch the name—to long bagi nama Kolonel itu lagi sa-kali (AN HONOURABLE MEMBER: Kolonel Abang Idris) The information given by Colonel Abang Idris to the people of Sabah was in effect a bluff. That sort of information comes from time to time from that direction. It was intended perhaps to win those people over to their side and perhaps to intimidate them. But such warning come from time to time and we are in fact not unaware of the fact that there are movements of those troops about. But it is impossible in a terrain like that which our soldiers meet in the Sabah area to trace them without the help and co-operation of the people living there. Our soldiers have been alerted and if the Indonesians are brave enough to come and meet them face to face in broad day light I am sure our soldiers will be more than a match for them. Our soldiers in Sabah are not, as I have said, raw and they are not new as suggested by the Honourable Member from Kuala Trengganu Utara. They are not, as he suggested, not well trained, because I think the Honourable Member will remember that these soldiers have had 12 years of battle against the communist in this country and they have proved their valour and they have proved their worth and as a result of the fight which they carried out against the communists we are proud to say that this is one of the only countries in Asia that have fought and defeated the communists. But going to a foreign country and going there without being properly acquainted with the terrain of the country and with the people is a different matter. And they have to move about as they are ordered because as soldiers they have to obey their commands. But to say that they are not well-trained is not to tell the truth and so whatever happened to those

people, the catastrophe that has overtaken them, has caused public indignation and has stirred the people to a pitch of patriotism that was never witnessed in this country before. So I would tell the Honourable Members and this House that it will take a lot of persuasion and time to persuade the rest of our army from taking the battle into the Indonesian border. But I could detect—and I am not imputing motives to the Honourable Member that the Honourable Member realises that the country at large apart from being shocked is also angry and so what the Honourable Members tried to do was to put the whole blame on the shoulders of this Government for the death of those people. Among the things he said is that the soldiers were not well armed and the soldiers were not well paid. I think he must know that they are about the best armed soldiers in Asia and about the best paid soldiers in Asia and to say that they are not well armed, not well paid and not well trained, is to say the least is not giving quite the right facts to the Honourable Members of this House. Memories are short, of course, and therefore it suits the Honourable Member to forget all the things that our soldiers had done here in the fight against the communists. I think that the information which he got from his friends who he said are in Sabah to the effect that on that same evening some of the British soldiers were drinking and making merry and were drunk is a terrible slander on our friends who have made a common cause with us to fight the communists. Though I am not authorised to do so, I would like to mention in this House, in order to show the sincerity and the courage of the British soldiers fighting with our men in Borneo, that on the 2nd of January a platoon of British soldiers came across Indonesian soldiers four times their number and they fought a pitched battle there which cost loss of life and several casualties on the British side and death to about four Indonesians and several wounded. I am forced to mention all these things, though I am not authorised to do that, in order to defend the British soldiers against slander which we heard in this

House, unfortunately by an Honourable Member of this House.

According to the Honourable Member from Kuala Trengganu again, we have no intelligence service in our External Affairs. He, in fact, probably meant that we have got no spy rings in our embassies. But let me tell him the idea in setting up a diplomatic service or diplomatic relations with another country is in order to be friendly with them and the intention is to build up good relations with those countries with which we set up diplomatic relations. We are not there to spy on those countries or to try and carry out subversive activities in those countries. The only information or intelligence, which we received while we were there, is through the normal channel, and that is as it should be. But if the Honourable Member is trying to suggest to us that we should carry out the same thing as is done by the Indonesian Diplomatic Service in this country, I say, "No, we will not do it", because with the Indonesian Embassy they had about 145 men, all occupied with subversive activities against this country, and they have done quite a lot of damage. When we set up diplomatic relations with another country, we are there to make friends and not to make enemies.

The Honourable Member for Johor Tenggara has suggested that Prime Minister, Mr Lee Kuan Yew should not lead a delegation to the African countries. He rather feels that, if Mr Lee Kuan Yew, the Prime Minister of Singapore, goes there, he will not be selling Malaysia but that he intends to be selling himself to those countries abroad. I think to be fair to the Honourable Prime Minister, Mr Lee Kuan Yew, from Singapore, he did ask my permission to go out, in order to try and explain Malaysia to our friends in Africa, who have very little chance of knowing what goes on in this part of the world. The feeling is that the people from the other territories of Malaysia, who have joined us recently should, on their own, go to these countries and inform these other African States that they have joined us out of their own free will, out of their

own accord, so that whatever information they get from Indonesia to the contrary is all wrong. Therefore, we have given that approval but, of course, in his visit there he will be accompanied by members of the External Affairs and also it will be done according to protocol. I would also like to remind this House that we have had visits into this country from time to time by Prime Ministers, not of the nation but of one of the States in that Federation: for instance, some time back we had the Prime Minister from Western Nigeria, and at another time we had the Prime Minister from Western Samoa; and, in fact, we are expecting quite a number of Prime Ministers from some of those States who are coming here on goodwill visit. So there is no wrong done in the intention of the Prime Minister of Singapore to visit these countries. Of course, it will be a good thing if the whole of this Malaysia could go together in the form of a delegation made up of the Prime Ministers of the other two States of Sabah, Sarawak, Singapore, and also the Federation of Malaya before, but it will, of course, be a big party. That can, of course, be done at any time. If after the return of Mr Lee Kuan Yew to Malaya we feel dissatisfied or frustrated at the result of his visit, we might send another delegation, in which case I would like to include Tuan Syed Ja'afar Albar in that delegation (*Laughter*)—of course, I will take care that Mr Alex Josey will not accompany him in this tour. However, the Honourable Member also mentioned the fact that the Prime Minister, Singapore, had written a private letter, or had been in communication with the Prime Minister of Communist China. Of course, that is very wrong of him to do, but according to information, which I have received, he had done that *before* he had joined Malaysia—and, if that was so, then it was the British responsibility and not ours. However, I can assure the Honourable Member that I will take it up with him.

There is another matter, which was brought by the Honourable Member for Tanjong, and that is that we should try by all means possible to patch up

our differences with Indonesia and that we should try and come to terms with Soekarno. I think the Honourable Members of this House are not unaware that the feeling against Malaysia is not new but, in fact, it was what President Soekarno had in mind as far back as 1945, that Indonesia would include Malaya as well as the territories of Borneo, and also the Philippines; but he corrected that afterwards by saying that since the Philippines was already an independent country there was no need, therefore, to bring the Philippines into it.

In a 1945 Declaration, Soekarno said it was his dream; he was obsessed by this dream, the dream of taking in this Malaysia. Therefore, the confrontation, which he carries on now is not because of Malaysia but because the other two territories of Borneo have of their own accord joined Malaysia and formed Malaysia and, as a result of which, Soekarno has become himself frustrated—and his idea and dream of the Indonesian Empire came to shreds. It was as a result of that that he felt rather bitter against Malaya for having frustrated his dream, for having broken his dream and, therefore, the determination, which he has built up in his mind, is to crush Malaysia—as he said, if he cannot take it, then he must crush it. Then, therefore, it is not a new thing. If any of the Honourable Members think that because we have made a defence treaty with Britain, or that because we have taken in the other territories to join us, or merge with us, without consulting him, is the cause for his anger, that is not so. What has happened is that he had built in his mind an Indonesian Empire, which would include Malaya and all these territories. Therefore, he feels that here comes these people, this new regime, which he has called the "Abdul Rahman Regime", which got nothing to do with me—I happen to lead the Party that is about all; he feels that this upstart has come to upset his plan and, therefore, he must crush Malaysia.

Now, I would like to bring the Honourable Member back to the days.

if he will bear with me, and that was during the Japanese military administration in Java. They set up a Committee for the preparation of Indonesia's Independence in 1945, and this Committee concluded its deliberations on the 17th July, 1945. They discussed and agreed upon the territorial extent, the philosophical bases, and the constitution of the Indonesian State that was to emerge. Now, the proceedings of this Committee are recorded in the book entitled "Naskah Persiapan Undang² Dasar, Tahun 1945" compiled by the late Professor Mohamed Yamin and published by Jajasan Perpantja of Jakarta. It is from this book that I would like to quote some of the extracts of what Dr Soekarno said at the meeting of the Committee for the preparation of Indonesia's independence on the 11th of July, 1945, when he advocated that independent Indonesia should not be confined to the former Netherland Indies but should also include Malaya, the former British North Borneo, the Portugese Timor and that part of New Guinea administered by Australia, as well as other adjacent islands. Dr Soekarno said:

"At no time during the 25 years that I have been connected with our struggle have I declared that my struggle was confined to the claim to the former Dutch-held territories. I have never said Indonesia comprises only those areas that were ruled by the Dutch. In fact, I have on one occasion in my life dreamt of "Pan-Indonesia", which will include not only Malaya and Papua (New Guinea) but also the Philippines. There was a stage in my life when I kept dreaming of Pan-Indonesia, but the Philippines is already independent, and we must respect the sovereignty of the Philippines. So, we need no longer talk of Pan-Indonesia. What we need to decide now is the Indonesia of the future and the extent of this territory.

As regards Malaya, we have not held a popular vote nor have we had a referendum, but I can tell you that at home, I have scores of letters and telegrams, which have come from Malaya asking that Malaya be included in Indonesia. The day before yesterday, three young men from Syonano—that is, Singapore—came to see me conveying a request from the youth in Malaya that Malaya be included in Indonesia. One of the well-known leaders from Malaya, Lieutenant-Colonel Ibrahim Ya'acob conveyed the request that Malaya be incorporated in the Indonesian Territory. Apart from that I, myself, am convinced that the people of Malaya feel themselves as Indonesians,

belonging to Indonesia as one of us. Even if we do not take this reason into account, I still say, despite the danger of my being accused of being an imperialist, that Indonesia will not become strong and secure unless the whole Straits of Malacca is in our hands. If only the West Coast of the Straits of Malacca, it will only mean a threat to our security."

That is where he talked about threat to his security. When he said Malaya is a threat to his security, it is not because Malaya present a threat to the security of Indonesia, but because he felt the Straits of Malacca bordering on one side Indonesia and the other side Malaya is not enough. Therefore, he has got to take the whole of Malaya and control the Straits of Malacca. But before he has taken the whole of Malaya he has already named the Straits of Malacca as the Straits of Sumatra. So, you can see that all this is planned, well planned, and it is not because of this new emerging nation of Malaysia, but because he felt that his plan had been frustrated.

There were three proposals before the Committee regarding the extent of the territory of the Indonesian State, namely (1) that it should include the former Dutch East Indies, (2) the former Dutch East Indies plus Malaya, North Borneo, the island of New Guinea, the whole island of Timor, and the adjacent island, (3) and then, again, Malaya; and then votes were taken at the time showing how his idea was supported by those present.

Now, Honourable Members will also remember that President Soekarno has often reiterated that the Indonesian revolution has not yet been accomplished—perhaps you may be asking yourselves, what does he mean by it. As far as we know, when the country rebelled against the Dutch and drove the Dutch out, and to us, laymen, the revolution has been accomplished. Indonesia has set up its own independent, sovereign government, and has been master of it for these last few years. So, as to all laymen, we can only say that we do not quite understand what Soekarno

means when he says that his revolution has not yet been accomplished.

I can tell the House that, having been with him, having studied the various notes which have come to hand from time to time, when he said that his revolution is not yet completed or accomplished, he means that these territories of Malaysia have not yet fallen into his hands. I would also like to remind this House that the Indonesian President in propounding his political manifesto of USDEK in 1959 has made the restoration of the 1945 Indonesian Constitution as the cardinal point of his political manifesto, which is popularly known as MANIPOL USDEK; and for the information of Honourable Members, I would say that:

"U" stands for Undang-undang dasar 1945 (1945 Constitution)

"S" stands for Sosialisme Indonesia (Indonesian Socialism)

"D" stands for Demokrasi terpimpin (Guided Democracy)

"E" stands for Ekonomi terpimpin (Guided Economy)

"K" stands for Kepribadian Indonesia (Indonesian Identity or Character).

The letters go to form the word "USDEK" come from these things which I have mentioned just now. With the adoption of MANIPOL USDEK, the existing Constitution was abolished in order to return to the 1945 Constitution which, in effect, means that Indonesia includes the whole of Malaysia today and the whole of New Guinea, half of which is now under Australia and half of which is under the United Nations.

Dr Soekarno has now failed with his "Indonesian Socialism" because, as far as we know, there is no such thing as socialism in Indonesia, for in its place there is a reign of terror and there is absolute tyranny and dictatorship. As for "Guided Democracy", there is no form of democracy, guided or unguided, as far as we know. The country has been run by the communists and by the militia, who impose their will and their iron rule on the people, the like of which, I think, I do not remember any country in this part of the world ever had

experienced before. His "Guided Economy" has got Indonesia into the abyss of bankruptcy, without any hope of ever recovering from where they are today. In the same way his unquenchable thirst for conquest, for empire, will not succeed. Therefore, in his anger and in his fury, he has said, "Crush Malaysia! crush Malaysia!!", and in the end, God willing, he will only crush himself. (*Applause*).

Therefore, it is important to remember that by returning to the 1945 Constitution in 1959, the Indonesian leaders, by the same act, has returned to their original position as I have mentioned just now. We know that when we proclaimed our Independence on 31st August, 1957, as well as when we proclaimed the establishment of Malaysia on 16th September, last year, we spelt out these territories, and that is the cause for all this Soekarno's fury and anger against us.

It should be clear to all patriotic Malaysians that those who oppose Malaysia have acted, either consciously or unconsciously, as agents for this regime of President Soekarno and to them I say that they will be, by doing so, committing a treacherous act against their own country. They will only help to advance the cause of Soekarno by misleading the people of this country. While the indignation of all loyal citizens of Malaysia has been aroused by continuous violations of our territorial integrity and our sovereignty—and the murder of our soldiers—I think the duty of everyone is to stand by this Government today and, shoulder-to-shoulder, to keep back Soekarno and his group.

We have done no wrong and the world knows that we have done no wrong against Indonesia. Our only concern has been to provide peace, security and happiness for our people. Our whole planning has been to provide them with peaceful development. We are only concerned for the life and the wellbeing of this country. We have done nothing at all to annoy Soekarno or Indonesia. We have never to our knowledge done anything to provoke them and, therefore, no one within

his right senses can stand up and start to accuse us of being in the wrong. Our duty as citizens of this country is to defend this country and fight the enemy that has threatened to crush us.

Sir, I do not wish to say much more than to inform this House that we shall exact full retribution for the lives of our soldiers that have been lost. (*Applause*). We have kept the Secretary-General informed of all these violations—violation of air space and aggression. The time will come when this matter will be taken up at the United Nations. When it is taken up, the United Nations will be well informed and will have all the evidence to put the fault at the door of Indonesia for everything that has been done today. And, I conclude by saying that we on our part are determined more than ever to defend this country of ours. (*Applause*).

(*Mr Deputy Speaker in the Chair*)

Enche' Ganie Gilong (Sabah): Tuan Pengerusi, sambil mengalu²kan perbelanjaan Kementerian Luar yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin, saya juga ingin bercherita sedikit tentang diplomatic relations di-antara Malaysia dengan Philipina. Waktu Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri membentangkan White Paper dalam pembukaan Dewan ini, Tunku Perdana Menteri telah mengatakan yang kemahuan Philipina untuk membawa hal tuntutan-nya ka-atas Sabah ka-International Court itu ada-lah tidak patut dan menunjukkan tidak perchaya kepada kita, dan dengan sebab itu harapan kita untuk menyambong diplomatic relations dengan negeri Philipina itu ada-lah sangat tipis hingga beberapa lama yang akan datang.

Sambil menyokong pendirian Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri yang sa-demikian itu, kita harus-lah mengambil perhatian asal, atau pun pokok tuntutan Philipina ka-atas negeri kita Sabah. Saperti yang telah di-terangkan oleh President Macapagal beberapa kali yang lalu ia-itu saperti yang ada di-bentangkan dalam White

Paper, muka surat 22 dalam Malaya/Philippine Relations bahagian ketujuh. Di-sini President Macapagal telah berkata sa-belum membuka persidangan Congress pada 28 haribulan January, 1963, di-antara lain dia mengatakan :

It was imperative that the Philippine claim be, as it was made because if North Borneo was not to be by itself independent but was to be placed under another state there is no valid reason why, with the legal and historic basis of the Philippine claim, and considering that North Borneo is contiguous to Philippine territory and vital to our security, the new State to be given jurisdiction over North Borneo should not be the Philippines.

Yang ka-lapan:

It is vital to the security of the Philippines that North Borneo be not placed under the sovereignty and jurisdiction of another State, particularly a state on the Asian mainland like Malaya. In the event, God forbid, that Malaya succumbs to the potent communist threat on the Asian mainland, with North Borneo under Malaya, there would be created a situation in which a communist territory would be immediately at the southern frontier of the Philippines, which would pose a grave and intolerable threat to our country. Against such a threat, we know that our people will fight to the death, for they will rather die fighting for freedom than live in slavery.

Juga di-sini saya ingin mengingatkan Dewan ini ia-itu waktu saya bersama² dengan rombongan saya menghadiri Persidangan E.C.A.F.E. tempoh hari dahulu, President Macapagal telah menerangkan kepada kami saperti yang dia telah terangkan tadi juga ia-itu tuntutan Philipina ka-atas Sabah itu ada-lah sa-mata² dan sebab-nya yang pertama sa-kali ia-lah kerana untuk keselamatan mereka, dan pada beberapa bulan yang lampau President Macapagal telah berjumpa dengan beberapa orang correspondent di-New York di-mana dia telah berkata :

Sabah, at the northern tip of Borneo, is as vital to the security of the Philippines as East Guinea, at the eastern tip of Guinea, is as vital to the security of Australia.

Di-sini tuntutan Philipina ka-atas Sabah itu ada-lah sa-mata² dia mengatakan untuk keselamatan negeri-nya. Jadi, dengan sebab itu, jikalau perkara ini di-bawa ka-International Court pun, sudah tentu-lah apa juga keputusan dari International Court, kalau International Court tidak mengatakan bahawa Sabah itu harus menjadi sa-bahagian

daripada Philipina maka sudah tentu-lah International Court itu tidak berfaedah untuk memberi apa² pengadilan dalam perkara ini. Tetapi, di-samping itu President Macapagal dan juga pemimpin² Philipina yang lain telah menerangkan yang mereka berpuas hati, jikalau di-adakan referendum, atau pun plebiscite di-dalam negeri kami di-Sabah, tetapi jikalau negeri kami Sabah itu di-anggap sa-bagai keselamatan dia, jikalau pun dia dikatakan referendum, atau pun plebiscite, sudah terang di-katakan jikalau di-dapat kesudahan-nya yang kami tidak menyebelahi dia, sudah tentu-lah tidak ada faedah-nya untuk mengadakan referendum itu.

Bagi saya sa-bagai sa-orang anak jati Sabah, bukan datang dari tempat lain, akan tinggal di-bawah Gunong Kinabalu, walau pun di-sana di-adakan beberapa kali plebiscite, atau pun referendum dalam negeri saya, bagi saya sendiri saya tidak takut, kerana saya tahu kesudahan-nya referendum tersebut ada-lah menentang tuntutan Philipina ka-atas negeri kami Sabah. Tetapi, jikalau sa-kira-nya referendum itu di-adakan, sebab ini bukan ke-mahanan dari ra'ayat Sabah, maka segala perbelanjaan baik menjalankan referendum, atau pun tuntutan kerugian ra'ayat Sabah harus-lah di-tanggong oleh Kerajaan Philipina, tetapi jikalau Philipina bertujuan hanya sa-mata² menjadikan Sabah sa-bagian daripada Philipina, maka sudah terang yang perkara ini tidak dapat di-terima oleh ra'ayat Sabah khas-nya dan sudah tentu tidak pula di-terima oleh segala lapisan ra'ayat Malaysia umum-nya. Jadi, dari itu, di-sini saya ingin pula mengingatkan kapada Kerajaan Pusat supaya apa² juga perundingan berkenaan dengan tuntutan Philipina ka-atas Sabah itu, walau apa juga rupa perundingan tersebut, jangan-lah mengambil perundingan saperti itu, jika kami di-Sabah tidak mempunyai wakil, kerana sa-bagaimana Ahli² Yang Ber-hormat dalam Dewan Ra'ayat ini ketahui bahawa kami-lah orang² Sabah yang lebih bersangkut-paut dalam hal ini.

Sekarang saya ingin lagi berchakap sadikit berkenaan dengan peristiwa

kejam yang telah berlaku di-Kalabakan, Tawau, Sabah baharu² ini. Kita juga sangat² bersedeh hati terutama sa-kali kapada kaum keluarga perajurit² kita yang telah terkurban dalam pertem-poran tersebut, tetapi di-sebabkan kerana semata² mempertahankan ke-keselamatan negeri kita, mereka itu telah berjuang hingga kehilangan nyawa. Ini ada-lah sangat² menyedeh-kan kerana kita di-Sabah tidak ada mempunyai niat hendak bermusoh² dengan sa-siapa juga. Melainkan kita ingin hendak bersahabat dengan siapa juga, terutama sa-kali dengan jiran² kita atau negeri² yang berhampiran dengan negeri kita. Akan tetapi di-sebabkan perbuatan dari Indonesia yang kejam ini, maka tidak-lah dapat kita berdiam diri bagitu sahaja. Dengan sebab itu, saya berseru kapada Kerajaan Pusat supaya bagi fikiran saya di-waktu ini kita sudah kena hujan yang sadikit, tetapi untuk menjaga daripada terkena hujan yang lebat, sediakan-lah payong yang lebuh baik supaya kita jangan terkena timpa kerugian, atau pun kerosakan yang lebuh di-belakang hari.

Saya perchaya semua rakan² saya dalam Dewan ini atau pun sa-bahagian besar-nya mengerti apa sebab-nya kita tidak masok dalam pakatan SEATO. Akan tetapi walau pun kita tidak masok dalam pakatan SEATO itu, bagi fikiran saya, kerana kita sudah teran-cham harus-lah kita tidak pileh lagi dari mana bantuan dan pertolongan yang kita dapat dalam waktu yang genting ini. Sa-bagaimana saya sudah terangkan tadi, kami memang ingin perdamaian dan persahabatan dari mana juga, tetapi jika sahabat atau pun kita katakan saudara sa-darah sa-daging itu mengancham kepada kita, apa-lah faedah-nya dia menjadi saudara kepada kita. Akan tetapi bukan-lah pula kita menambah kesalahan atau pun per-telingkahan dalam hal ini, tetapi harus-lah kita menahan dia daripada me-rebak dan bertambah besar di-masa akan datang. Kerana saya perchaya perkara yang baharu² terjadi ini boleh jadi hanya chubaan kapada dasar² kita. Dan boleh jadi daripada ini anchaman yang lebuh besar akan berlaku. Dengan sebab itu saya merayu kapada Kerajaan

Pusat supaya minta-lah bantuan kapada bangsa² atau negeri² yang sudah mengaku sahabat kapada kita, sahabat dalam mulut, apa-kah dia menjadi bantuan kapada kita. Dan ini-lah waktu-nya kita meminta pertunjukan daripada mereka yang mereka itu betul² ingin hendak menolong dan membantu kita, ta' peduli sama ada dari kulit hitam, atau kulit puteh, atau apa juga, harus-lah kita minta bantuan daripada mereka.

Satu perkara yang kecil lagi saya ingin mengingatkan kapada Kerajaan Pusat kerana keselamatan dalam negeri ada-lah di-bawah urusan Kerajaan Pusat. Propaganda² anti-Malaysia sa-bbelum Malaysia terjadi itu maseh lagi sedang berbunyi di-telinga saudara² kita di-Sabah dan saya perchaya demikian juga di-Sarawak, dengan sebab terjadi peristiwa yang kejam di-Kalabakan, Tawau itu, saya takut kalau fikiran mereka terganggu dan dengan sebab itu boleh jadi perkara yang kita tidak ingin akan berlaku. Ini saya katakan terutama sa-kali bagi orang² kita atau pun saudara² yang tidak ada berpelajaran, sangat senang di-goyang hati mereka itu. Walau bagaimana pun kuat-nya pemimpin² kita memberikan nasihat, atau memberikan pengertian kepada mereka, tetapi alma'alum bagi orang yang tidak bagitu dapat menyelideki sudah tentu senang sahaja boleh di-ganggu fikiran mereka. Dengan sebab itu, saya minta-lah supaya tindakan yang saksama akan di-ambil untuk memperkuatkan semangat mereka supaya jangan terganggu daripada pengaroh yang telah terjadi itu, sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Pengerusi, kita telah mendengar uchapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari ini. Saya ingin menyentoh satu dua perkara yang ada di-dalam uchapan kedua² Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri itu. Di-dalam keadaan negeri ini menghadapi satu serangan dari luar negeri apa yang penting ia-lah bahawa kita mempunyai pertimbangan yang saksama dan jujor. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu sa-bentar tadi telah mengatakan mereka

yang menentang Malaysia ada-lah sama ada di-sedari atau tidak menjalankan kerja² Soekarno, saya menentang Malaysia dan tidak ada sangkut paut sa dengan Soekarno.

Penentangan terhadap Malaysia telah kita lakukan sa-bbelum ada penentangan dari Indonesia itu sendiri terhadap Malaysia. Ini perlu di-fahamkan supaya kedudukan politik di-dalam negeri ini dapat jelas kapada sa-orang Perdana Menteri yang bertanggung-jawab, bukan untuk memecah belahan ra'ayat, tetapi untuk membimbing ra'ayat kepada perpaduan di-dalam keadaan yang genting saperti ini. Kita tahu, Tuan Pengerusi, bahawa Indonesia telah menyambut baik konsep Malaysia pada satu masa awal² dahulu yang pada ketika itu pehak kami di-sini telah menentang Malaysia, dengan tidak mengindahkan sama ada President Soekarno suka kapada Malaysia atau tidak. Ini patut di-fahami supaya kita dapat merenongkan masaalah ini dengan waspada dan hemat. Sekarang, Tuan Pengerusi, kita menghadapi bahaya pencherobohan di-dalam negeri kita ini, pencherobohan ini telah menimbulkan malapetaka kapada beberapa orang anggota tentera negeri kita ini, sa-lain daripada menguchapkan ta'ziah kapada mereka, memberi wang kapada balu dan anak² mereka, kita perlu meyakinkan diri kita bahawa mereka tidak menjadi korban bagitu sahaja, tetapi mereka telah menjadi korban yang di-susoli kemudian-nya oleh kita dengan kewaspadaan hemat dan langkah² yang tepat.

Pada hari ini, Tuan Pengerusi, di-ketika Timbalan Perdana Menteri berchakap menghendaki supaya ra'ayat negeri ini bersatu padu menghadapi an-chaman dari luar saperti ini, kita dengar daripada beberapa orang Ahli² Yang Berhormat dari sa-belah sana bukan mengemukakan semangat perpaduan, tetapi semangat sentiment politik yang tidak mengenal pada keadaan dan tempat serta masa yang hebat serta gerun saperti ini. Bagi pehak saya, Tuan Pengerusi, sudah kita katakan bila pencherobohan mencherobohi negeri kita ini, walau pun dari siapa pun, maka kita akan mati kerana negeri ini. Kita akan mempertahankan

negeri ini dan kita akan menentang mana² musoh sahaja yang ingin menchabol kehormatan negeri ini, Indonesia termasok di-dalam senarai itu, dan banyak lagi orang yang mungkin memasukkan diri di-dalamnya. Tuan Pengurus, perpaduan national tidak akan di-dapati dengan chara permusohan kechil², membesarcan perkara² yang kechil², gadohkan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara pergi ka-Indonesia, kerana berjumpa dengan orang² Indonesia, tetapi kita tidak gadohkan ketua Menteri Singapura pergi ka-Moscow berjumpa dengan Khrushchev sendiri chara yang macham ini ada-lah kebudak²kan di-dalam politik yang bukan menguntungkan negeri ini bahkan menghanchurkan perpaduan kita yang akan di-sorakkan oleh orang di-dalam keadaan kita yang saperti itu.

Tuan Pengurus, soal pada hari ini bukan-lah soal kechil. Soal yang kita hadapi ia-lah pencherobahan yang berlaku di-Kalabakan, Tawau. Pada pendapat saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak-lah boleh berlemah² lagi di-dalam membawakan perkara itu kapada Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Saya katakan tidak boleh berlemah², sebab kita telah lama menghadapi konfrontasi Indonesia dan bagi pehak saya telah beberapa lama saya sebutkan, adukan-lah hal ini kapada Bangsa² Bersatu. Sekarang telah mati ashkar² kita, dan jika lau di-dalam pengaduan² ini kapada Bangsa² Bersatu, maka akan hilang-lah jeritan negeri ini di-dalam red tape Bangsa² Bersatu, maka saya bersetuju dengan Perdana Menteri sa-kira-nya Bangsa² Bersatu itu tidak bertindak bagi mengamankan negeri² ini, lebeh baik-lah di-koyak²kan sahaja Piagam Bangsa² Bersatu yang menjanji dan mengatakan bahawa Bangsa² Bersatu di-ujudkan bagi menchapai keamanan di-dalam hidup negara² di-dunia ini.

Hikayat menyampaikan hal kapada Bangsa² Bersatu perlu di-ingatkan oleh Perdana Menteri, saya kata perlu di-ingatkan, kerana kita telah melihat apa yang telah di-buat oleh Bangsa² Bersatu kapada Arab di-Palestine, apa yang telah di-buat oleh Bangsa² Bersatu di-beberapa masaalah yang lampau.

Jadi, saya menuntut kapada Kerajaan supaya di-dalam mengemukakan masaalah pencherobahan terhadap Malaysia pada hari ini, hendak-lah mengemukakan dengan sa-kuat²-nya. Sebab kita tidak mahu Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu, dan Bangsa² Bersatu itu sendiri akan menjadi alat pelengah bagi penyelesaian masaalah ini. Kita tidak mahu Bangsa² Bersatu memandang sepi kapada masaalah² kita, kita tidak mahu Bangsa² Bersatu hanya memandang besar, sa-kira-nya benda itu berlaku di-dalam negeri² yang besar, yang ada ma'ana-nya kapada Bangsa² Bersatu itu sendiri. Saya mengingatkan ini kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-bagai Menteri Luar Negeri, sebab negeri kita amat kecil dan boleh jadi apa yang berlaku di-Tawau baru² ini, mungkin berlaku di-Kuala Lumpur, mungkin berlaku di-Ipoh, mungkin berlaku di-Alor Star, mungkin berlaku di-Lumut—Kelantan jauh sadikit! Tuan Pengurus, oleh kerana itu saya maseh memikirkan sudah terlambat kita mengemukakan hal ini kapada Pertubuhan Bangsa² Bersatu, dan saya lebeh suka sa-kira-nya penting

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star): Sir, on a point of order. Under Standing Order 13 there must be 26 members to the House. There is no quorum.

Mr Chairman: No. It is quite alright. When we start we want one-fourth. Now it is quite alright. Please proceed.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Pengurus, kita di-dalam negeri ini mengetahui bahawa apabila kita mengemukakan sa-suatu perkara kepada Pertubuhan Bangsa² Bersatu, maka ia-lah kerana keperchayaan kita kapada Pertubuhan Bangsa² Bersatu itu sendiri. Kita memberi wang kapada Pertubuhan Bangsa² Bersatu, kita turut menyetujui kerja² Pertubuhan Bangsa² Bersatu dan kita turut memikul kewajipan² Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Maka sekarang ini sa-kira-nya tidak chukup dengan menyerahkan kerja ini kapada Wakil Tetap Persekutuan ini di-Pertubuhan Bangsa² Bersatu, maka sudah pada tempat-nya Yang Berhormat Perdana Menteri

sendiri atau wakil Kerajaan ini pergi sendiri menyelesaikan dan menuntut kapada Setia-usaha Agong Pertubuhan Bangsa² Bersatu supaya tindakan yang segera di-ambil di-dalam hal ini supaya di-berhentikan sa-barang pencherohan kapada negeri ini.

Tuan Pengerusi, negeri yang kecil macham ini di-dalam keadaan perang moden yang seperti ini tidak-lah boleh kita pandang sa-bagai satu benda yang boleh kita mempertahankan lama, jadi kita tidak mahu sa-sudah "nasi menjadi bubor" baharulah U Thant datang mengatakan—now I hope Indonesia will stop. Ini tidak guna lagi.

Tuan Pengerusi, apabila tentera telah masuk ka-dalam sa-sabuah negeri, maka hendak mengeluarkan-nya bukan-lah senang. Kita ingat apa yang terjadi di-Korea, kita ingat apa yang terjadi di-Palestine—kita ingat belaka. Akhir-nya yang rugi ia-lah ra'ayat yang ada dalam negeri itu. Jadi, saya menegaskan bahawa sa-kira-nya kita hendak membawa perkara ini kapada Pertubuhan Bangsa² Bersatu mesti-lah dengan suara yang kuat, dan gunakan-lah rakan² Malaysia yang konon-nya banyak sangat itu bagi menekankan suara negeri ini—menekankan suara ini di-dalam tuntutan-nya supaya United Nations menjalankan ikhtiar yang sa-chepat²-nya menchengah perusahan dan pembunuhan yang berlaku dalam negeri kita. Ini yang mustahak, Tuan Pengerusi. Kalau tidak, saya setuju-lah dengan Yang Berhormat Perdana Menteri lebeh baik di-charek sahaja "piagam" Pertubuhan Bangsa² Bersatu itu. Tuan Pengerusi, bagitu-lah pendirian kita di-dalam masaalah ini.

Dan di-dalam menghendaki supaya parti² Pembangkang menyertai dengan Kerajaan di-dalam menghadapi masaalah saperti ini, saya dan rakan saya tadi telah menyatakan bahawa hal ini kita berikan dengan baik kapada Kerajaan. Tetapi ingat, jangan hendakkan kerjasama orang sahaja, tetapi tidak perchaya kapada orang—bekerjasama-lah dengan kami, tetapi kami tidak perchaya kapada awak. Apa ini, Tuan Pengerusi? Lojik apa yang ada kapada Perdana Menteri dan kapada

beberapa orang yang ada dalam Dewan ini?

Tuan Pengerusi, Perdana Menteri telah menyentoh masaalah sa-kira-nya negeri ini berada di-dalam peperangan, maka tanggong-jawab mengendalikan kepentingan negeri ini akan di-pikul bersama². Saya rasa itu ada-lah satu perkara yang baik, sebab ini-lah masa-nya bagi kita bahu-membahu dan berganding bahu untuk menyelematkan negeri kita. Dalam pada itu pun, Tuan Pengerusi, saya mengingatkan bagi pehak saya hendak bahu-membahu sama² ra'ayat negeri ini di-terima dengan baik, tetapi jangan-lah hendak bahu-membahu sama kita, kita maseh perchaya kapada orang lain, kapada orang yang asing daripada negeri kita ini sendiri, orang yang menjadi rakan tentera kita yang sangat di-puji oleh Perdana Menteri sa-hingga mengenepekan orang² yang ada di-dalam negeri ini. Saya ulangi bahawa masaalah pertahanan negeri ini penting di-pegang oleh tangan² anak negeri ini sendiri, bukan-nya boleh di-harap kapada orang lain. Saya tidak dapat sa-faham dengan orang yang mengatakan pada masa ini kita chari-lah sa-barang kawan sahaja, minta-lah senjata dari sa-siapa, sebab-nya, Tuan Pengerusi, tidak ada manusia di-dalam dunia ini hendak memberi kita alat senjata tentera dan sa-bagai-nya dengan tidak di-changkok-nya kita. Jadi, jangan-lah di-dalam kesempitan saperti ini kita menchari kapada orang lain lebih sangat, tetapi toleh-lah kapada kekuatan kita, kita lengkapkan stock yang ada pada kita dan kita gunakan.

Ada sa-orang wakil dari Singapura tadi nampak-nya dia tidak berapa dengar chakap wakil dari Kuala Trengganu Utara, dan saya kesalkan dia tidak pula memakai alat terjemahan ini, sia² sahaja-lah Parlimen memberi alat ini, kalau dia tidak erti chakap Melayu, dia boleh dengar terjemahannya. Dia mengatakan sa-panjang wakil Kuala Trengganu Utara berchakap tidak sa-patah pun menyebutkan berkenaan apa pendirian-nya tentang konfrantasi. Saya serahkan-lah kapada telinga-nya, chuma kalau pada masa hadapan dia ingin hadir dalam Dewan ini gunakan alat yang ada dalam

Dewan ini bagi kepentingan dan fahaman-nya sendiri.

Tuan Pengerusi, pergi-lah saya kapada perkara yang kecil². Satu daripada perkara yang saya hendak chakap di-sini ia-lah berkenaan dengan kaki-tangan (staff) Kementerian Luar Negeri ini sendiri. Sekarang tahu-lah kita, Tuan Pengerusi, bahawa Kementerian Luar Negeri ini dengan anggota²-nya, Duta²-nya, Setia-usaha²-nya dan sa-bagai-nya ada-lah orang² yang mustahak, tetapi nampak-nya kita insaf sa-kira-nya gagal benteng pertama-nya ia-itu kaki-tangan (staff) Kementerian Luar negeri ini, maka benteng yang kedua-nya peluru, kalau kita tidak hendak peperangan, maka hendak-lah kita adakan perkhidmatan luar negeri yang bijak, lichin dan pandai. Kalau silap jalan dalam perkhidmatan diplomacy negeri ini, maka Kementerian Pertahanan pula mengambil alih kerja-nya. Ini telah berlaku. Saya rasa menurut apa yang saya baca dalam surat-khabar, satu perkara patut di-timbangkan oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu Kementerian Luar Negeri ini kekurangan anggota, terutama orang² yang memikul jawatan sa-bagai anggota² perkhidmatan luar negeri. Menurut surat-khabar 11 haribulan Disember ia-itu beberapa hari yang lalu, Kementerian ini ada mempunyai 10 lagi vacancies—10 lagi jawatan kosong, dan satu daripada sebab-nya orang² tidak berapa mahu masok bekerja di-dalam Kementerian ini ia-lah kerana chupoi sangat yaani tajam sangat di atas. Di-dalam erti ka-pegawai-an-nya, tingkatan atas-nya terlalu kecil sa-hingga mereka² yang ada di-bawah itu mempunyai harapan yang amat sadikit untuk memajukan diri-nya di-dalam perjawatan hendak sampai kapada superscale payah benar, sebab sadikit sangat berbanding dengan Kementerian² lain dan berbanding dengan jawatan perkhidmatan Malaysia (Malayan Civil Service). Tuan Pengerusi, sudah-lah bagitu, ada pula lagi satu kachau daun dari luar ia-itu Kerajaan pula pernah memasukkan orang², selit²kan daripada luar untuk berkhidmat di-luar negeri. Di-ambilnya-lah orang² yang di-rasai sedap di-dalam parti dia untuk di-jadikan

secretary di-dalam External Affairs di-mana² Konsol dan Ambassador sa-hingga orang yang sudah nampak kecil di-atas ini tidak nampak ka-mana dia akan pergi. Akan kekal-lah dia di-dalam tempat² yang di-bawah.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, ini mesti-lah di-ubah oleh Kementerian ini dan saya mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya menambahkan lagi pegawai² besar di-peringkat superscale supaya menarek orang² yang akan bekerja di-dalam External Affairs Service, jika-lau tidak, maka External Affairs Service—Perkhidmatan Luar Negeri ini menjadi perkhidmatan yang lebeh² daripada Malayan Civil Service, dan kalau-lah yang lebeh² daripada perkhidmatan Malayan Civil Service itu apa yang akan terjadi apabila mereka itu di-serahkan untok berhubong dengan negeri² lain dan orang² yang lebeh² ini kadang² membuat kesilapan dan akhir-nya negeri kita menghadapi kepayahan yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, perinsip mengambil Duta di-luar daripada service, ada sebab² yang boleh di-terima saperti yang di-nyatakan oleh Perdana Menteri sa-bentar tadi, tetapi jangan-lah sa-demikian rupa sa-hingga menjolok mata sampai nampak sangat oleh terik-nya, sampai nampak orang sa-olah²-nya orang telah ada, maka oleh kerana orang telah ada, jawatan tidak ada, kita buboh di-sana. Saya berse-tuju bahawa sa-kira-nya orang yang mempunyai kebijaksanaan yang baik, kita letakkan, tetapi saya dapat di-dalam Jabatan External Affairs Service ini ada orang² yang saya tidak hendak menyebutkan nama-nya yang pada pendapat saya tidak boleh di-hantar ka-luar negeri, tetapi oleh kerana di-dalam politik-nya, barang-kali ta' ada tempat hendak di-jadikan chalun, atau ta' boleh jadi chalun, maka dia di-hantar ka-luar negeri untok menjadi secretary, First Secretary, Consul-General hingga menyebabkan kita berasa hairan bagaimana-kah ta'wil, bagaimana-kah sebab-nya orang yang sa-macham ini boleh pergi ka-sana. Pembahagian rezki itu memang biasa di-lakukan orang, tetapi jangan-lah sa-hingga nampak sangat

menjolok mata dan saya bersetuju dengan Perdana Menteri sa-kira-nya character, sifat keperibadian, kebolehan yang ahli dan sa-bagai-nya ada pada orang itu, maka dia kita jadikan-lah pegawai, umpama-nya dia mewakili negeri ini, tetapi kalau hendak harapkan saperti satu jawapan di-dalam Dewan ini dahulu yang pernah saya dengar, apakah kelayakan-nya Duta kita di-Cairo? Jawab-nya dia sembahyang lima waktu. Ini, Tuan Pengerusi, kalau di-amalkan saperti ini, ta' hendak orang masok di-dalam perkhidmatan luar negeri ini, kerana mereka memikirkan rupa²-nya walau kita rajin pun, masok belajar di-universiti payah², akhir-nya orang kuat sembahyang juga yang dapat menjadi Duta. Tuan Pengerusi, itu satu bab. Duta² kita yang di-hantar ka-luar negeri itu, saya harap, Tuan Pengerusi, biarlah mereka itu consistent. Duta² yang saya sebutkan itu ia-lah Duta Malaysia di-Manila, Duta Malaysia di-Bangkok, Duta Malaysia di-New York, Washington, London, banyak lagi termasuk-lah Duta Malaysia di-New Delhi, Cairo dan sa-bagai-nya. Jadi consistent—ma'ana-nya sa-laras. Jangan satu Duta chakap macham ini, satu Duta lain chakap macham ini, saya tahu-lah diplomacy, tetapi jangan-lah diplomacy sampai bagitu, sebab orang nampak.

Pagi tadi saya telah membacha satu statement, entah-kah slip of tongue, I do not know, terlanjur dia berchakap daripada sa-orang Duta, ia-itu Duta Malaysia di-U.A.R. (Republic Arab Bersatu). Dia mengata waktu menge-mukakan credential-nya, ia-itu surat tauliah-nya kapada President Jamal Abdul Nassir bahawa "Kami ada-lah berserta dengan Tuan Yang Terutama di-dalam menentang penjajahan". Tentu-lah sedap itu, tetapi saya hairan berani-kah Duta Malaysia di-Bangkok berchakap saperti ini kapada Kerajaan Thai bahawa "Kami datang ini dari sa-buah Kerajaan, nama-nya Malaysia yang menentang penjajahan, termasok di-dalam negeri tuan sendiri." Jadi, ta' consistent. Jadi, saya harap Duta² kita ini hendak-lah di-beri circular banyak², sama², dan bertukar² note antara satu sama lain di-sana, sudah berchakap macham ini, jangan-lah

pula dia berchakap "Kami nampak yang tuan² ini patut-lah menjahar ra'ayat² Melayu sa-banyak dekat satu juta itu, kerana tuan² ada-lah keturunan orang yang macham mana?" Jadi, hendak-lah di-consistentkan kata orang. Hendak-lah di-selaraskan di-dalam dasar luar negeri yang di-berikan kapada Duta² kita ini supaya negeri kita tidak menjadi satu negeri yang di-ketawakan oleh orang di-dalam apa yang kita chakapkan di-dalam keselurohan, atau tidak keselurohan.

Tuan Pengerusi, di-sini Pejabat Kebangsaan Malaysia bagi Pertubuhan A.S.A. yang maseh mendapat peruntukan lebih daripada dahulu. A.S.A. ada-lah termasuk Philipina, Persekutuan Malaysia dan Thailand. Saya maseh was², apakah agak-nya peranan A.S.A. yang benar² besar di-dalam erti kata perhubungan tiga negara ini. Philipina sudah menyingsirkan dirinya, atau tersingkir dengan terputusnya perhubungan diplomatic antara kita dengan mereka, dan saya mendapat tahu dengan Thailand sa-lain daripada kerja² border dan hubungan keretapi ia-itu tambang murah, atau boleh pergi ka-Bangkok, tidak berapa banyak di-dapat oleh negeri ini, sebab kapada mereka itu kalau tiba kapada masaalah² yang besar, masaalah berasumpama-nya, bagaimana penyusunannya supaya sama² kepentingan Persekutuan Tanah Melayu ini di-pelihara, mereka bertegang. Ini perkara penting. Hendak-lah di-lihat sa-mula oleh Secretariat A.S.A. ini supaya jangan A.S.A. ini—sudah-lah kita tinggal terkonteng² dua sahaja lagi daripada tiga, jangan yang dua itu pun hanya menjadi satu pertubuhan pada nama dan tidak ada pada kenyataan. Philipina dahulu-nya telah menjanjikan 60 orang doctor kapada kita, dan dengan perjanjian itu tinggal-lah Persekutuan Tanah Melayu dengan merasa harapan hari ini dengan tidak mendapat sa-suatu.

Tuan Pengerusi, sa-barang ikatan dengan negara² hendak-lah di-asaskan atas perasaan, bukan sa-mata² atas kepentingan, perasaan negara tetangga yang penting itu ada, kalau di-asaskan atas kepentingan, maka tidak lama,

apa sahaja pakatan, sebab kepentingan itu bersimpang-sior dan tidak sadikit bertentangan.

Jadi saya fikir negeri ini kalau hendak mengkekalkan Jabatan A.S.A. ini dan ka-A.S.A.-nya, hendak-lah sentiasa melebehkan kepentingan ekonomi negeri ini, sentiasa menghendaki supaya apa yang di-katakan pakatan A.S.A. itu benar² effective jangan semata² orang Melayu boleh menari di-Bangkok, orang Bangkok boleh menari di-Kuala Lumpur, ini tidak ada apa². Ini talivishen boleh buat kerja macham ini. Bagi masa moden ini tidak payah A.S.A., dia boleh datang sendiri dan apabila dia tidak chukup duit di-negeri dia, dia datang ka-negeri kita dan *vice versa*.

Tuan Pengerusi, di-dalam peruntukan Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth dan peruntukan baryaran kepada Bangsa² Bersatu, saya minta supaya perkara pertikaian walau pun ada Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara menjawab tadi, pertikaian antara India dengan Pakistan dalam soal Kashmir ini hendak-lah di-ambil berat, kerana negara² ini adalah di-dalam lengkongan Commonwealth. Boleh jadi kita suka hendak menjadi orang yang di-puja oleh orang² sa-lama ini ia-itu itu baik, kasini pun senyum, ka-sana pun senyum—boleh juga. Tetapi di-makah senyuman ka-kanan senyuman ka-kiri ini kalau di-letakkan dasar credential yang di-kemukakan oleh Duta² Malaya yang mengatakan, kami hendak membasmikan penjajahan sama dengan paduka tuan. Jadi kalau di-Kashmir, apa yang di-sebutkan tekanan² kapada hak orang, di-dalam pertikaian ini berlaku, maka Persekutuan Malaysia ini hendak-lah membawa masaalah ini ka-Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth dan saya rasa tidak patut bagi sa-orang Perdana Menteri yang bertanggongjawab dalam Commonwealth seperti Perdana Menteri kita ini mengatakan, "perkara ini, perkara saya tidak boleh buat apa², yang ini pun kawan, yang itu pun kawan." Kita chuba supaya kita menghadapi masaalah ini sa-bagai satu sumbangan negeri kita kapada perdamaian dalam dunia ini, terutama

di-dalam negara² Commonwealth yang kita telah berada di-dalam-nya.

Dan berbalek kapada Bangsa² Bersatu, saya ingin mengulang sa-mula bahawa Dasar Luar Negeri ini hendak-lah sentiasa di-sampaikan kapada Bangsa² Bersatu yang sa-chara effective dan ini termasok membebaskan 4 wilayah Siam daripada penjajahan. Ini sudah lama di-chakapkan dan sudah di-ketahui oleh orang di-sini. Saya sebutkan di-sini supaya penjajahan itu kita tentang walau di-mana sahaja. Kita tidak suka Soekarno menjajah negeri kita, kita tidak suka dan kita tidak mahu, kalau dia hendak chuba, kita akan lawan. Tetapi kita jangan-lah suka pula pada orang yang menjajah orang kita dekat rumah kita—itu tidak lojik di-dalam dasar luar negeri. Maka saya berharap kapada Perdana Menteri supaya perkara ini di-ketengahkan dan amat-lah mengesalkan kita di-dalam Dewan ini, Kementerian Luar Negeri telah berchuti lama sangat di-dalam mengemukakan laporan tahunan, dahulu sa-kali, "buku hijau" di-keluarkan kapada Dewan ini, mengatakan kami sudah buat itu, kami sudah buat ini, ini tidak—di-cold storagekan-nya semua cherita hingga kita tidak ketahui apakah yang telah di-buat oleh orang² kita di-United Nations, apa-kah orang kita telah buat di-dalam hal-ehwal luar negeri. Saya mengharapkan supaya ini akan dapat di-kemukakan pula kapada Dewan ini supaya Dewan ini mengetahui dan mengikuti apa yang di-lakukan oleh perwakilan² kita di-luar negeri.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²kan peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri. Saya ingin berchakap di-dalam muka 191 Kepala 17 peruntukan sa-banyak \$1,302,996. Tuan Pengerusi, oleh kerana negara kita ini dalam suasana terancham dengan ada-nya konfrantasi dari Indonesia, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan Immigration ini mengambil berat di atas mengeluarkan surat² kebenaran keluar masuk daripada negeri ini. Jadi nampaknya pada masa sekarang ini kita ini terlampaui

bebas sa-hingga membenarkan orang² masok dan keluar dalam negeri kita ini dengan tidak mengawasi sunggoh² tujuan² orang yang masok itu. Saya dapat pada satu masa beberapa banyak orang² daripada utara India barangkali dari negeri Nepal bangsa suku India, beratus² menjelajah di-seluruh pelusok Persekutuan Tanah Melayu ini. Jadi kalau kita tidak awasi sunggoh² dengan halus boleh jadi ada penye-ludop² di-antara orang² yang datang itu untuk mengintip negeri kita ini dan memberikan ma'lumat² kepada pehak² yang tertentu. Jadi saya berharap-lah kapada Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi sunggoh² dan memperketatkan lagi Undang² Immigration ini, janganlah di-biarkan orang² masok dengan tidak kita siasat sebab² tujuan yang mereka masok dalam negeri kita ini.

Yang kedua, Tuan Pengurus, saya ingin berchakap di atas Kepala 18—Urusan Haji. Saya mengalu²kan peruntukan tambahan berkenaan dengan perkara Elaun Luar Negeri kapada Pesurohjaya Haji dan Ahli Rom-bongan Perubatan ka-Mekah dan Bayaran Tempat sa-banyak \$14,550. Saya nienguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kapada Kementerian ini yang telah memberikan peruntukan bagi kemudahan bakal² Haji yang hendak menunaikan fardu Haji. Jika kita perhatikan pada tahun 1947 dahulu, tidak ada sa-orang pun yang ada atau di-tugaskan untuk mengawal atau menjaga bakal² Haji itu. Pada tahun 1948 baharu-lah di-hantar sa-orang sahaja doctor tetapi tidak ada mempunyai jururawat dan tidak ada pembantu rumah sakit.

Pada masa sekarang ini bagaimana penerangan Yang Berhormat Menteri kita pada tahun ini ada dua orang Doctor, 5 orang Pembantu Rumah Sakit, dua orang jururawat, 5 orang attendant, sa-orang perempuan dan sa-orang Pegawai Penerangan. Jadi, dengan ada-nya tambahan kapada pegawai² ini maka dapat-lah mereka itu menjalankan tugas², yang sa-penohnya menjaga dan mengelolakan orang² kita di-dalam kapal dan di-dalam masa berada di-tanah suchi. Saya

terima kaseh kapada Kerajaan di-atas sikap Kerajaan mengambil berat di-atas bakal² Haji dahulu, yang kita selalu mendengar beberapa orang yang mati di-atas kapal, sa-hingga satu masa sampai 30 orang yang mati. Pada tahun yang sudah chuma satu orang sahaja, dan yang berada di-Mekah mati sangat kekurangan. Ini ada-lah satu kejayaan yang besar kapada Kerajaan menolong dan membantu bakal² Haji, mengenai Pegawai Penerangan, ini-lah tahun yang mula² saya dengar di-hantar sa-orang Pegawai Penerangan untuk memberi penerangan kapada bakal Haji kita, dan juga menjalankan tugas perhubungan-nya. Saya suka menge-shorkan supaya Pegawai² Penerangan itu di-ambil dan di-beri kerja yang telah di-berikan kepada-nya, bukan-nya waktu beliau berada di-Mekah sahaja, bahkan manakala mereka balek di-sini, selalu-nya 6 bulan di-Mekah, dan 6 bulan pula di-sini, dapat-lah mereka itu berkhidmat pergi di-pekan² atau di-pusat² di-mana ada bakal² Haji yang mendaftarkan diri di-Pejabat Daerah untuk memberi pene-rangan kapada bakal² Haji itu di-atas segala perkara yang berkait dengan kesehatan diri masing², kawalan diri masing² berkenaan hawa di-tanah suchi, pertukaran wang, bahasa dan berkenaan dengan beberapa perkara yang bersangkut paut dengan per-ubatan. Dengan itu dapat-lah orang² kita yang akan pergi ka-Mekah itu mendapat sadikit pengetahuan menge-nai perkara menunaikan fardu Haji itu dan orang yang patut dan layak di-pileh bagi Pegawai Penerangan itu patut-lah di-chari orang² yang ada kebolehan yang lengkap di-dalam perkara Ugama dan juga di-dalam perkara urusan perkapan, dan perkara² yang bersangkut paut dengan hal tanah suchi.

Tuan Pengurus, saya sangat tertarek hati kapada uchapan yang Teramat Mulia Perdana Menteri yang memberi kapada kita penerangan² yang jelas berkenaan dengan pendirian dan sikap President Soekarno terhadap Malaysia. Yang Berhormat wakil dari Bachok tadi chuba hendak menegakkan benang basah-nya yang hendak mengasingkan diri-nya daripada apa yang di-tudoh

terhadap parti PAS. Beliau telah mengatakan bahawa hati-nya atau dirinya sendiri yang membangkang bentuk Malaysia, sa-bbelum Malaysia itu dibentok; di-dalam penerangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyebutkan ia-itu sa-orang dari-pada Malaya, di-utuskan ka-Indonesia yang bernama Ibrahim Yaacob ber-jumpa President Soekarno supaya Malaya di-masukkan ka-dalam lengkongan Indonesia. Ini ada-lah satu kenyataan. Pada tahun 1948, Yang Berhormat wakil Besut sa-bagai pemimpin P.K.M.M. telah pun turut dengan dua orang lagi di-berikan tugas kepada Enche' Ibrahim Yaacob supaya beliau berjuang di-Jakarta bagi menghasilkan chita²-nya supaya Malaya itu terta'alok atau termasuk ka-dalam lengkongan Indonesia. Saya berharap kapada Yang Berhormat wakil Besut kalau dia berani chuba napikan dalam Dewan ini, bahawa beliau tidak mengarahkan Enche' Ibrahim Yaacob supaya berjuang di-Jakarta, kalau dia betul tidak bersangkut paut dengan sikap President Soekarno atau pun dengan chadangan atau ranchangan President Soekarno hendak memasukkan Malaya ka-dalam lengkongan Indonesia. Yang kedua-nya bukti yang ternyata, pada tahun 1956 ada perundingan sulit di-dalam sa-buah hotel di-Ipoh di-antara-nya ia-lah wakil Setapak, Shaikh Azahari, Yang Berhormat wakil dari Besut, ada di-sa-buah hotel di-Ipoh tahun 1956 mereka ini memang sudah pun berunding untok hendak menjadikan Malaysia ini sa-bagai satu wilayah bagi Indonesia, jadi itu-lah pendirian PAS dan sikap pemimpin daripada dahulu lagi sudah di-jalankan hendak menjadikan Malaya ini sa-bahagian dari Indonesia. Jadi, saya berharap-lah kapada pengikut²-nya supaya berwaspada mengambil perhatian yang berat di atas sikap perjuangan pemimpin-nya, apa yang di-perjuangkan pada zahir-nya lain, dan pada batin-nya lain. Bagi pehak Kerajaan hendak-lah mengawasi bersunggoh² orang yang sa-macham ini sa-bagai pengkhianat pada negara kita kalau ada kenyataan walau pun dengan samar² boleh mereka itu di-tahan di-rumah masing² supaya jangan beri kebebasan mereka itu keluar

daripada rumah, atau pun menahan jangan keluar dari daerah-nya. Dengan itu dapat-lah kita menjaga dan mengawal negara kita daripada pencherobohan atau subversive daripada dalam negeri.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengurus, saya hendak berchakap sa-chara rengkas sahaja berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri ini. Saya ada-lah mengalu²kan dan menguchapkan tahniah kapada Kerajaan yang telah mengemukakan sa-chara rasmi kapada Setia-usaha Agong Pertubuhan Bangsa² Bersatu berikutan dengan pencherobahan pengganas Indonesia di-bahagian timor Malaysia ini, dan ini-lah juga hasrat saya waktu berchakap dan memberi fikiran saya dalam dasar luar negeri waktu membahathkan dasar 'am dua minggu yang lalu. Oleh sebab kejadian yang berlaku itu sangat genting pada masa ini, saya mengeshorkan kapada Kerajaan supaya mengambil perhatian ia-itu sayugia-lah kita menuhahkan Pasukan Kawalan Kampong (Home Guard), sa-bagaimana kita adakan di-Tanah Melayu ini dahulu, dengan memberi senjata pada penduduk Sabah dan Sarawak dan diajar mereka itu menggunakan alat senjata api. Ini untuk menjaga keselamatan diri-nya, keluarga-nya, kampong-nya dan boleh memberi pertolongan kapada pasukan keselamatan kita di-situ. Yang kedua, saya minta Kerajaan mengambil perhatian ia-itu di-buat kawat duri di-kampong² yang terpenchil di-ulu² Sabah dan Sarawak itu dan kalau boleh di-kurong ra'ayat Indonesia yang kita tengok ada menchuba menjalankan hasutan bagi memeckahkan keamanan di-tempat itu.

Sa-lain daripada itu, saya hendak berchakap dalam bahagian kedutaan di-muka 184. Pada masa yang lalu beberapa kedutaan di-Tenggara Asia telah di-buka seperti di-Siam, dan saya sunggoh gembira kerana Kerajaan telah membuka pejabat kedutaan kita di-Saigon dan di-Burma. Dengan wujud-nya pejabat kedutaan kita di-negeri² yang tersebut, saya maseh pandang belum sempurna lagi. Oleh itu, saya harap kapada Kerajaan dan

kalau boleh di-tambah peruntukan dalam bahagian pada tahun yang akan datang dengan kita membuka chawangan Consul di-Cambodia, Laos dan Formosa, sebab-nya, Tuan Pengerusi, saya katakan bagitu Duta² kita itu dapat menjalankan usaha menchegah kegiatan negara musoh yang sentiasa hendak menghanchorkan Malaysia, dan dapat-lah dalam bahagian penerangan kita menekankan pengaroh itu bagi memberi penerangan yang sa-benar. Yang kedua, kita dapat merapatkan perhubungan kita dengan negara² yang tersebut dan kita dapat bekerjasama dalam bidang ekonomi, masharakat, kebudayaan dan kesenian.

Satu daripada sebab-nya saya mngeshorkan supaya pehak Kementerian ini mengambil berat ia-lah daripada negara² yang tersebut itu-lah asal-usul-nya Kerajaan Melayu Tua hidup di-mayapada ini ia-itu Kerajaan Melayu Tua kita mula² di-tubohkan di-Unan, kemudian Kerajaan Melayu Tua kita di-Cambodia atau yang di-sebut dalam Hikayat Melayu di-Kembayat Negara. Itu-lah awal² Kerajaan Melayu Tua di-mayapada. Kita tidak-lah hanya boleh memandang Kerajaan Melayu di-Majapahit, Kerajaan Melayu Srivijaya dan Kerajaan Melayu di-Melaka, tetapi kita ada mempunyai Kerajaan Melayu Tua di-negara yang tersebut. Daripada negara² yang tersebut itu dapat menunjukkan kesenian, kebudayaan dan kesusasteraan orang Melayu sunggoh pun pada satu masa dahulu pernah di-jahanamkan oleh orang China, tetapi maseh ada tinggal lagi dalam negara itu. Mudah²an dengan kerjasama Consul kita di-sana dapat-lah kesenian² yang tulin Melayu, kebudayaan yang tulin Melayu dan kesusasteraan yang tulin Melayu bagi di-berikan kapada Kerajaan Malaysia yang baharu wujud ini supaya dapat menambah gedong² kesenian dan kebudayaan yang telah kita tubohkan itu. Kita berasa besar hati menengokkan rumpun orang Melayu yang ada di-Cambodia sa-ramai 15,000 orang dan bagitu juga ada-nya rumpun keturunan orang Melayu di-Laos, Korea Selatan dan Formosa. Jadi, dengan ini dapat menghidupkan lagi semangat mereka dan tahu sa-buah Kerajaan Melayu

telah hidup ia-itu Kerajaan Malaysia sa-bagaimana yang ada sekarang ini.

Enche' Peter J. Mojuntin (Sabah): Mr Chairman, Sir, just a while ago, I had the pleasure of listening to one of the speeches made by the Honourable Member from the P.M.I.P.—he is not here now—and he was commenting on the defence of Malaysia. He was referring in particular to the presence of the British troops in Malaysia, and I was very much interested in it. Somehow or other, he gave me the impression that he would like the British troops to get out of Malaysia and that he was confident, in his manner of speaking, that Malaysia without British aid could stand on its own feet and defend itself against Indonesia. Any Honourable Member can see the futility of this utterly nonsensical statement.

Sir, I come from Sabah and I would like to make it clear to this House that we in Sabah feel the confrontation of Indonesia very very badly, but the Honourable Member, whom I am referring to, was speaking as if he would not care less what was happening in Sabah. He was afraid that the confrontation of Indonesia would spread to Kuala Lumpur and other places in Malaya, if it was not checked now in Sabah. I am not questioning the belief of the majority—if not all—of the Members here that we are one nation, and are not regarding ourselves separately as peoples of Malaya, Singapore, Sarawak and Sabah, and that this confrontation of Indonesia should be regarded as a national threat actually.

The Honourable Member, whom I am referring to, was actually playing into the hands of Soekarno, who likes nothing better than to see Malaysia defenceless so that the Indonesians can just walk over, like what happened in North Korea. The Honourable Member was just saying a moment ago that, from his knowledge of the activities of the Honourable Member for Besut, he believed that he actually wanted Malaya—and I believe including Sabah and Sarawak—to be part of Indonesia. I would like to make it clear that we have nothing

to do with it, we do not want it, and we do not want to be a part of Indonesia. Sir, the confrontation policy of the Government of Indonesia against our new nation of Malaysia, as Honourable Members know, was taken up in the rostrum and lobbies of the United Nations Organisation by representatives of the Indonesian Government. The Indonesian representatives tried every twist and turn to embarrass Malaysia in the United Nations. They met with failure, Sir, because among other important activities there in the U.N. itself and elsewhere, they found themselves up against U Thant, or at least against the U.N. Secretary-General's Report on our wishes in Sabah and Sarawak regarding the formation of Malaysia. Only Khruschev's representatives came out openly to express in one sentence only their sympathy with the Indonesian Government's view regarding Malaysia.

Sir, with the bargaining of votes and political intrigues among 113 member States in the U.N., and considering our limited means, our mission in the U.N. has done quite well in securing a half-term membership of the Security Council of the U.N. Sir, the reason that we could not get the required two-third majority vote in the U.N. Eighteenth General Assembly Security Council election was because of the lack of a few votes, and this should provide us with food for thought concerning our external affairs. This should not in any way be interpreted as blaming the Ministry of External Affairs. My only reason for saying what I have said is because of the importance I attach to the proposed visit of the Prime Minister of Singapore to the African countries. The African countries, Sir, among others, have their curiosity and interest aroused about Malaysia as a newly formed nation in South-East Asia.

In view of the trend of the Indonesian confrontation, I regard it imperative that we should take the initiative, in any and every way we can, to provide and inform the world generally about the factual and true picture of the Indonesian Government's

aggression against Malaysia, in particular against the innocent people of Sarawak and Sabah. I say "aggression", because to us, in Sabah and Sarawak, the confrontation policy of the Indonesian Government is nothing short of aggression and a most deplorable attitude born out of the well known Soekarno complex, which we condemn unreservedly.

Sir, Sabah and Sarawak is the butt of Indonesia's aggression. Like Singapore, Sabah and Sarawak have newly emerged from the clutches of colonialism, but Indonesia is trying to bluff the world at large that we, the people of Sabah and Sarawak, are sick people under the yoke of neo-colonialism—whatever Soekarno means by that word. If it means the presence of the British troops in Malaysia, we understand why the Soekarno Government does not like our Defence Agreement with Britain—maybe Indonesia wants us instead to make a defence agreement with Peking or Moscow! Anyway, Sir, Indonesia should also regard the Philippines as a neo-colonialist country, because of the presence of the American bases there. If neo-colonialism means the presence of the British business capital in Malaysia, then this would mean that Indonesia wants us to adopt its economic policy, which is well known for its failure. We do not want economic chaos in Malaysia, Sir—let alone allow Indonesia to make a West Irian of our country, Malaysia, the eleven States of the former Federation of Malaya and the newly independent States of Singapore, Sarawak and Sabah. Sir, if we have to fight the might of Indonesia, then we should fight Indonesia with the world knowing that we are defending ourselves, that we are not neo-colonialists and are not a party or a member of the British troops here, trying to cross into Indonesia, as the Indonesian representatives in the U.N. tried to put it to the world.

Sir, I would like to go back again to the importance I attach to the proposed visit of Mr Lee Kuan Yew to the African countries and, here, I would like to state that I welcome it very much if the Chief Minister of

Sabah, or his representative, and the Chief Minister of Sarawak, or his representative, would be among the delegation, or among the group, that is planning to visit the African countries. Further, I hope that that sort of activities by our Government regarding foreign affairs will not stop at the African Continent only, but that the Government should plan to send a competent group to the Latin American countries to convince them. We should waste no time, Sir, because I believe that Indonesia, or the Indonesian Government, is not going to waste any time to grab any opportunity to bring about their campaign of crushing Malaysia.

In conclusion, Sir, I would like to state that we in Sabah, I can say for sure, are standing behind the Malaysian Government. I would like to state again that we want no part of Indonesia, we want no part of Soekarno's regime and we do not want to be under Soekarno. I will say this anywhere in the world. I will say this even if Sabah were independent by itself and not independent within our new nation of Malaysia. I would now like to conclude, Sir, by saying that I am disappointed to hear some of our people—in fact, representatives of the people here in Malaya, sitting in the Opposition—are still anti-Malaysia and that, in fact, they are not actually supporting the Malaysian Government. Anyway, I am confident that our Government, the Malaysian Government, will be able to stand on its own feet. God willing, the confrontation policy of Indonesia will disappear tomorrow. Thank you.

Enche' Too Joon Hing (Teluk Anson): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on External Affairs with reference to the speeches made by several Members here, particularly with the speeches made by the Prime Minister and the Deputy Prime Minister.

Sir, I am all in support of the suggestion made by the Member for Tanjong this morning that the Government should form a sort of Coalition Council or Emergency Committee to tackle the present situation of confrontation. I am also very happy that there

is a change of tone on the part of our Deputy Prime Minister in his appeal to the Opposition Members to work shoulder to shoulder with the Government. However, I am disappointed from the Prime Minister's reply that this is not the time to do such a thing. But, Sir, I am in support of forming a Coalition Emergency Council as this has been the point or the suggestion which I have been making all this time in our attitude towards this confrontation.

Speaking on this point, I would like to take this opportunity, Sir, to reply to the statement made by the Singapore Prime Minister the other day. He criticised the behaviour and the sincerity of the Opposition for not getting the Government co-operation and also assumed that I compared myself with the British Opposition Leader, Mr Harold Wilson. This is rather far too presumptuous in his unusual attitude in judging the intention and the sincerity of the Opposition. Sir, I am surprised because he himself had been an Opposition Member in the Singapore Legislative Assembly

The Assistant Minister of Information and Broadcasting (Datu Mohamed Ismail): On a point of order—Standing Order 36 (1). May I refer to this Standing Order and point out that the Honourable Member is speaking on a matter outside the estimates in front of us. May I ask him which item he is referring to at the moment?

Enche' Too Joon Hing: Sir, at the beginning of my speech I said that I am going to make comments on the speeches made by members in this House, particularly the Prime Minister and the Deputy Prime Minister, on external affairs in general.

Datu Mohamed Ismail: He is referring to the Prime Minister of Singapore, who made a speech in the general debate of the Supply Bill, but we are now debating on the External Affairs. I am asking through you, Sir, which item he is referring to when he replies to the Honourable Prime Minister of Singapore because there is no provision made here for the Prime Minister of Singapore.

Mr Chairman: Now we are dealing with External Affairs, not the Prime Minister of Singapore. I think it is better for you to confine to that only.

Enche' Too Joon Hing: May I remind the Honourable Assistant Minister that the Speaker had already allowed a certain laxity in our approach to External Affairs in view of the recent events in Sabah in which some of our soldiers were killed at Kalabakan. In view of it the Speaker himself had told us that we could touch on the general policy and now I am dealing with the general policy of this.

Datu Mohamed Ismail: Mr Chairman, Sir, if I understood it correctly, the Speaker ruled that the general discussion should be confined to matters of policy on the recent incident in Sabah, but I don't quite remember the Prime Minister of Singapore taking part in that incident in Sabah and I don't know how the Honourable Member can refer to the Prime Minister of Singapore in connection with that incident.

Mr Chairman: Mr Speaker has given permission to Honourable Members to speak on general principles of Government policy, and I think he has a right to debate touching on that matter.

Enche' Too Joon Hing: Thank you, Sir. As I was saying, the Prime Minister of Singapore had a lot of experience when he had to argue with Mr David Marshall and Mr Lim Yew Hock to drive his point home to the Government, just as we in the Opposition here trying to get the Government to include us in a Committee to face our national threat of this confrontation, Sir, in this House during the last few days a lot of suggestions have been made by members of the Opposition that it is necessary to form a coalition council or committee to tackle confrontation. Sir, the loyalty of the people should not be questioned at this time. Each and everyone of us owe loyalty to our country, to the Yang di-Pertuan Agong and to our Constitution. This should be accepted, Sir, and it is only through this that

we can work. The Prime Minister said that it was not yet time to form this council. I say that it is time now that we should form it and form it soon, because the Prime Minister himself had revealed just now that Soekarno's ambition is to try to include Malaya in his Indonesian empire. So, there is a greater reason why it should be formed. Therefore, I appeal to the Prime Minister to reconsider his view. Sir, unless the members of the Opposition are taken into confidence, it is very hard for those members to give full co-operation even if they wish to. After all, we have been elected into this House constitutionally and, as such, we are expected to oppose the Government in any of the policies which we think is not right. In his reply to the criticism of a member from Singapore on the personnel employed in our embassies, the Prime Minister himself has said that what this member from Singapore thinks is not suitable is suitable to the Government. Similarly, we feel the same way. So we appeal to the Prime Minister to reconsider this. He should do it now and not wait until more people have been murdered and more of our fishermen have been robbed and killed in the high seas. Our air space instead of being violated as it is now may be violated with bombs in the future. I do earnestly ask the Prime Minister to take this into consideration.

Another very good example of the distrust of and the lack of confidence in the Opposition has been shown just now by the Member for Johore Tenggara who criticised the "Sell Malaysia" contingent to Africa. The way he criticised the Prime Minister of Singapore shows lack of confidence and lack of faith and I am very glad that the Prime Minister has disregarded his views. I am sure that he will be happy now because the Prime Minister promised that he would be included if a further trip of that sort would take place. I hope he will be satisfied now. Sir, such an attitude would always create misunderstanding, thereby not getting the co-operation of everybody who is sincere and willing to co-operate with the Government.

Sir, I support the suggestion by Honourable Members to appeal to the United Nations. We should do our best and appeal to the United Nations to try to lessen the tension of this confrontation, so that our people in this country will be able to live peacefully and carry on our lives without any threat. Sir, I would not like to speak very much and this is what I would like to say on the observations made by the Deputy Prime Minister and the Prime Minister himself in their speeches. Thank You.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star):
 Mr Chairman, Sir, I rise to give my full support to these estimates for the Ministry of External Affairs so that our country can establish more friendly relations with foreign countries. Sir, at a time when our country is facing real threat from without it is the humanly duty of every citizen of our country to show his undivided loyalty to defend the dignity and sovereignty of his country even with his dear life, and by whatever means. At such a critical juncture, it is regretted to note that there are still some among us who, just because they are afraid of making some material sacrifices, are prepared to bow and kneel before our enemy to beg for peace. Is it wise to show our weakness to our enemy and continue to have distrust among ourselves when our enemy is right at our doorstep? Sir, I take my hat off to show my greatest respect and admiration to our youths for their patriotism in their readiness and their eagerness to register themselves to offer their services to our country, as can be witnessed by all of us at all registration centres in the country.

Let us not talk in terms of Malays, Chinese, Indians, Land Dayaks, or Sea Dayaks. Let us all unite ourselves into one solid block as Malaysians. If all our people, irrespective of race, creed, class, and religion, can integrate into one nationality—Malaysian—with-out any discrimination against one another; if we can work hand in hand together and prepare to carry up arms against our enemy in time of need, shoulder to shoulder together; then I

am sure our big bully, Soekarno, will not dare to thrust his bloody hand at us. It is high time we all stop our quarrels and sink all our differences. Let us work hand in hand together for the progress and advancement of our country, and in time of need let us put our shoulders to shoulders together and face our enemy without fear.

In giving my full support to these Estimates, I appeal to Honourable Members of this House and all our people to follow our Leader, the Honourable the Prime Minister, and have confidence and faith, and give our support to our Alliance Government. God will surely give us his blessings, for we have done Indonesia no wrong. Malaysia shall surely stand up as a strong and prosperous nation among all the nations in the world. Long live Malaysia! (*Applause*).

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas butir 64 an 76 berkenaan pegawai² kita dan duta luar negeri di-London dan lain². Saya ada dapat kesempatan berjumpa dengan pegawai² ini dan saya memerhatikan mereka² ini tidak-lah berapa suka untok dudok di-luar negeri oleh sebab beberapa perkara, yang pertama ia-lah perbezaan pendapatan daripada anak negeri tempatan, sa-umpama-nya pegawai kecil kita macham driver, pendapatan mereka itu tidak lebeh dari £4 satu minggu, tetapi pegawai² yang di-ambil daripada anak negeri itu Kerajaan kita membayar £8. Jadi, perbezaan ini nampak sangat. Jadi, sa-patut-nya pegawai² kita itu hendak-lah sama pendapatan-nya dengan pegawai² anak negeri itu. Jadi, jika dapat dibayar sama maka dapat-lah pegawai² itu berkhidmat dengan suka hati.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, kerumitan yang lagi satu ia-lah hendak mendapatkan orang² gaji untuk berkhidmat kapada pegawai² itu, hendak mengambil anak negeri tempatan itu tentu-lah tidak sa-suai, oleh sebab berlainan ‘adat resam, berlainan chara² layanan dan sa-bagai-nya. Jadi, terpaksa-lah pegawai² itu membawa orang² gaji daripada negeri kita. Tetapi malang-nya selalu orang gaji itu tidak

dapat di-bawa bersama² oleh sebab Kerajaan tidak sanggup hendak membayar tambang melalui kapal terbang di-mana mereka terpaksa berlayar dengan kapal biasa yang selalu mengambil masa sampai 6 bulan baharulah dapat untuk menolong pegawai² itu sampai kapada negeri itu. Jadi, rasa saya patut juga di-tolong pegawai² yang berkehendakkan orang² gaji membawa bersama² dengan mereka dengan di-beri jalan dengan perjalanan rendah tourist class dengan kapal terbang. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam perkara yang di-bawa oleh beberapa orang ahli berkenaan dengan hal kejadian di-Tawau di-mana terkorban 8 orang perajurit kita dan saya bersama² menguchapkan ta'aziah kapada waris² mereka atas kejadian yang burok itu. Di-sini ada-lah kejadian itu ia-lah menunjukkan ia-itu satu anchaman yang di-buat oleh jiran kita untuk melemahkan semangat kita ia-itu jiran² Indonesia yang di-ketuaï oleh Soekarno dan kunchu²-nya. Jadi, rasa saya usaha Kerajaan dalam hal ini kita puji-lah dan telah di-sampaikan kapada Bangsa² Bersatu. Tetapi kita juga rasa saya sampai-lah masa menunjukkan yang kita sanggup menerima chabaran atau pun anchaman itu. Pada masa yang lampau kita biarkan mereka belayar berluas²an dan terbang di-kawasan udara kita, jadi, sekarang sampai masa-nya kita tidak boleh biarkan lagi, dan patut kita beritahu melalui Bangsa² Bersatu yang kita akan menembak jatoh kapal² terbang mereka itu, dan juga kita akan memburu ashkar² mereka yang masok di-dalam perayeran kita. Jadi, rasa saya dengan amaran ini saya perchaya sunggoh pun Kerajaan kita kecil, tetapi kita berani dan sanggup memikul segala beban akibat daripada itu. Kita tengok ada negeri lain yang kecil juga, tetapi sanggup menentang segala²-nya itu dengan kekuatan-nya itu. Dengan itu akan menyekat atau pun menyekat nafsu Soekarno sa-orang yang bukan menchari keamanan dalam daerah ini, tetapi untuk memelihara keamanan di-dalam negeri kita ini. Jadi, rasa saya sudah

sampai-lah masa-nya untok kita bertindak di-dalam perkara ini. Rasa saya perkara² yang terjadi di-Tawau itu pada masa yang lampau tidak akan terjadi lagi hendak-nya, dan juga kita menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada tentera kita yang waspada dan taat setia menjaga ketenteraman negara kita itu. Sunggoh pun kejadian² itu selalu terjadi, tetapi akibat kemalangan itu sangat kita kesalkan.

Tuan Pengerusi, tawaran yang di-berikan oleh parti pembangkang hendak bekerjasama dengan Kerajaan, rasa saya patut kita terima, tetapi tentu-lah kita reservekan dan kita fikirkan sa-bbelum kita menerima tawaran mereka itu, mahu-lah mereka itu menunjukkan kejujoran-nya dan apakah pendirian mereka itu yang sa-lama ini menjadi anti kapada Malaysia. Dan bagaimana-kah kesanggupan mereka untuk masok dalam ranchangan Kerajaan untok mempertahankan negeri ini, dan sa-jauh mana-kah pandangan mereka itu berkenaan dengan hal Malaysia ini, pertama sa-kali berkenaan dengan penyeludupan yang memasukkan peluru² ka-dalam negeri ini. Sa-bbelum kita mendapat kesanggupan itu bukti² mereka itu yang jujar dengan apa yang di-uchapkan-nya di-dalam Dewan ini, rasa saya pehak Kerajaan dan penyokong² Kerajaan berasa sangsi lagi. Jadi, rasa saya mereka yang telah memberikan kesempatan itu akan melihat bagaimana kejujoran mereka terhadap Malaysia ini. Sa-lagi ada perkataan² yang anti Malaysia, sa-lagi ada perkara² yang tidak puas hati, sa-lagi itu-lah Kerajaan kita tidak puas hati tidak perchaya kapada mereka² itu boleh bersama² dengan Kerajaan untok mempertahankan negeri ini.

Mr Chairman: Order! Order! The time is up.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Honourable Members, I have to report that the Supply Bill, 1964, in committee has progressed up to Head S. 16. The meeting is adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8 p.m.